



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

LAPORAN TAHUNAN 2021

PENDAHULUAN

Sepanjang tahun 2021, rakyat Malaysia masih terus berdepan dengan ketidaktentuan akibat pandemik COVID-19. Positifnya, cabaran ini membawa pelbagai peluang dan dengan keazaman, daya tahan serta inovasi yang luar biasa, bukan sekadar untuk meneruskan kehidupan seharian tetapi juga untuk kekal berdaya maju ketika dalam kesukaran. Namun begitu, di sebalik peluang terdapat juga risiko, dan kesan-kesan buruk pandemik yang merumitkan lagi kelangsungan hidup terutamanya bagi mereka yang terkesan.

Dengan latar belakang ini, Laporan Tahunan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) 2021 menerangkan peranan kami, terutamanya dalam konteks perlindungan konsumen kewangan di Malaysia, pencapaian kami pada tahun 2021, dan rancangan kami di masa depan untuk kekal mampan. Bermula dengan sudut pandangan **Pengerusi** dan **Ketua Pegawai Eksekutif** mengenai perkembangan semasa dan prestasi PIDM, kami akan membawa anda ke **Bahagian I: Perlindungan PIDM Bagi Konsumen Kewangan**. Di sini, anda akan mengetahui dengan lebih mendalam mengenai peranan PIDM dan cara-cara kami melindungi konsumen kewangan di Malaysia, iaitu melindungi deposit dan manfaat takaful dan insurans mereka, menggalakkan kesedaran dan memupuk keyakinan orang awam, menyediakan insentif bagi menggalakkan pengurusan risiko yang wajar dalam kalangan institusi ahli, memastikan rejim resolusi yang efektif, dan persediaan untuk mendepani krisis. Kami juga mengetengahkan usaha PIDM untuk menggalakkan daya tahan kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia, sebagai ahli Jaringan Pendidikan Kewangan.

Dalam **Bahagian II: Tugas Kami@PIDM**, anda akan diperkenalkan dengan PIDM, tanggungjawab kami dan bagaimana kami menyediakan sistem dan struktur yang diperlukan dalam usaha mencipta nilai kepada pemegang kepentingan dan menangani risiko utama kami. Kami juga mengemukakan pencapaian kami pada tahun 2021 dari segi prestasi dan kewangan berdasarkan Rancangan Korporat 2021 - 2023 yang bertema "Tangkas Mendepani Cabaran", serta penglibatan aktif kami di peringkat global.

Seterusnya, dalam **Bahagian III: Mara Ke Hadapan**, kami meninjau strategi masa depan bagi tahun 2022 dan seterusnya. Kami juga memberikan tinjauan perancangan PIDM ke arah objektif kemampanan, bermula daripada amalan tadbir urus ke menyumbang kepada masyarakat, seterusnya ke amalan hijau (*going green*), serta usaha untuk memastikan keselamatan siber. Akhir sekali, **Bahagian IV laporan ini membentangkan penyata kewangan PIDM bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021**.

Kami berharap laporan ini dapat memaparkan usaha, komitmen dan aspirasi PIDM sebagai pihak berkuasa kerajaan yang mendapat kepercayaan untuk terus berinovasi ke arah mengukuhkan peranan kami dalam melindungi konsumen kewangan di Malaysia dan seterusnya menggalakkan kestabilan sistem kewangan.

Jabatan Komunikasi Korporat
PIDM



PDF interaktif ini membolehkan anda mendapat maklumat dengan mudah mencari benda tertentu atau menavigasi antara halaman, bahagian dan penghubung ke muka surat.

Kandungan

Halaman Sebelum

Pautan

Halaman Seterus

Carian

PERATURAN DAN GARIS PANDUAN

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 disediakan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Reporting Standard - MFRS). Penyediannya juga mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standard - IFRS). Kami merujuk kepada International Integrated Reporting Framework, yang diterbitkan oleh International Integrated Reporting Council (IIRC) ketika menyediakan Laporan Tahunan ini. Lembaga Pengarah PIDM telah menyemak dan meluluskan Laporan Tahunan dan penyata kewangan ini. Perakuan dan jaminan kawalan dalaman dan risiko juga telah diperoleh daripada pihak pengurusan untuk memastikan bahawa Laporan Tahunan dan penyata kewangan ini menggambarkan prestasi dan hal ehwal PIDM secara menyeluruh. Lembaga Pengarah juga telah memantau pengenalpastian dan penilaian perkara-perkara material dalam perwujudan nilai oleh PIDM.

Sebarang maklum balas mengenai Laporan Tahunan kami ini boleh disalurkan ke info@pidm.gov.my

DALAM LAPORANINI

Daripada Kepimpinan Kami

Sistem Perlindungan "Siap Sedia" ("Just-in-Case" Protection Systems)

BAHAGIAN I: PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

PIDM Melindungi Deposit dan Manfaat Takaful dan Insurans	7
PIDM Mewujudkan Kesedaran dan Memperkuatkannya Keyakinan	9
PIDM Menyediakan Insentif untuk Institusi Ahli Kekal Selamat dan Berdaya Maju	10
PIDM Memastikan Resolusi Efektif bagi Institusi Ahli	12
PIDM Mempertingkatkan Kesediaan untuk Mendepani Krisis	14
<i>Ulasan: Daya Tahan Kewangan Ke Arah Kehidupan yang Mampan</i>	18

BAHAGIAN II: TUGAS KAMI@PIDM

Tadbir Urus	21
Pemegang Kepentingan	34
Perkara-Perkara Material	40
Prestasi	46
<i>Dalam Pemerhatian: Penglibatan PIDM dalam Trend dan Isu-Isu Global</i>	57

BAHAGIAN III: MARA KE HADAPAN

Strategi	60
<i>Dalam Fokus: Keselamatan Siber – Memacu Masa Depan dengan Perlindungan Proaktif</i>	63
<i>Ulasan: Ke Arah Kemampunan – Suatu Peralihan</i>	65

BAHAGIAN IV: PENYATA KEWANGAN

Laporan Lembaga Pengarah	69
Pernyataan Pengarah	74
Akuan Berkunun	75
Sijil Ketua Audit Negara	76
Penyata Kedudukan Kewangan	80
Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain	81
Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab	82
Penyata Aliran Tunai	83
Nota kepada Penyata Kewangan	84

Glosari Istilah

Rujukan Teknikal

2
4

7
9
10
12
14
18

21
34
40
46
57

60
63
65

69
74
75
76
80
81
82
83
84

163
165

DARIPADA KEPIMPINAN KAMI

DARIPADA KEPIMPINAN KAMI



TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF
Pengerusi



RAFIZ AZUAN ABDULLAH
Ketua Pegawai Eksekutif

Tahun 2021 boleh dikatakan sebagai "tahun vaksinasi", di mana pemberian vaksin kepada populasi dunia telah dilaksanakan dengan menyeluruh dan pantas. Pemberian vaksin ini merupakan persediaan bagi merangsang tindak balas imunisasi badan terhadap penyakit. Dalam konteks PIDM, untuk merangsang keupayaan kami agar lebih berdaya tahan dan dapat bertindak balas terhadap perkara di luar jangkaan yang mungkin berlaku di masa depan, pelbagai inisiatif korporat telah dilaksanakan pada tahun 2021 untuk meningkatkan kemahiran kakitangan, menyelaraskan sumber-sumber serta mengukuhkan infrastruktur dan operasi dalam. Oleh itu, tema "**Tangkas Mendepani Cabaran**" dipilih sebagai tema Rancangan Korporat 2021 - 2023 kami.

Sepanjang tempoh dua tahun lalu, dalam melalui penularan COVID-19, pandangan atau pemikiran tentang keperluan "siap sedia" ("just-in-case") dan bertindak "tepat pada masa" ("just-in-time") semakin diperkatakan. Sebelum dunia dikejutkan dengan penularan COVID-19, budaya kerja minimalis yang mengutamakan kecekapan menjadi mantera bagi mereka yang berpegang kepada pandangan bertindak "tepat pada masa". Perhatian kurang diberikan kepada pemikiran "siap sedia" yang mengutamakan perancangan kontingenzi dan persediaan awal. Kini, apabila kita mula beralih daripada krisis dalam fasa "pasca vaksinasi", pengalaman yang berlaku dua tahun lalu telah mengajar kita akan keperluan mencari keseimbangan antara kedua-dua falsafah ini.

Penubuhan PIDM adalah selari dengan dasar pemikiran "siap sedia". Mandat kami adalah jelas, iaitu melindungi deposit serta manfaat takaful dan insurans konsumen kewangan, dan melaksanakan resolusi sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli. Pemegang kepentingan utama kami ialah pendeposit dan pemilik sijil takaful atau polisi insurans. Dalam usaha untuk menjadi pihak berkuasa insurans deposit dan resolusi "siap sedia" yang efektif, banyak persediaan yang perlu dilakukan

dan sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa untuk membolehkan kami melaksanakan mandat kami apabila perlu. Banyak yang telah kami laksanakan ke arah matlamat ini, dan pelbagai kemajuan turut dicapai dalam bidang tumpuan utama kami pada tahun 2021.

PERANCANGAN RESOLUSI DAN PERSEDIAAN MENDEPANI KRISIS

Salah satu inisiatif korporat yang dilaksanakan untuk meningkatkan tahap kesediaan ialah rangka kerja perancangan resolusi untuk institusi ahli. Rangka kerja ini merupakan komponen penting dalam rangka kerja Perancangan Pemulihan dan Resolusi. Pada tahun 2021, kami telah memuktamadkan program rintis perancangan resolusi dengan bank-bank rintis. Kami dijangka akan melancarkan rangka kerja perancangan resolusi pada tahun 2023 secara berfasa selepas bank ahli mengemukakan data perancangan pemulihan kepada Bank Negara Malaysia pada tahun 2022.

Kerjasama erat dalam kalangan ahli utama jaringan keselamatan kewangan domestik adalah penting bagi memastikan kami dapat menyelaraskan tindak balas kami dengan pantas dan selancar mungkin sekiranya berlaku sebarang krisis. Pada tahun 2021, kami telah mencapai kemajuan yang baik dalam usaha bersiap sedia mendepani krisis dengan menguji tahap persediaan kami. Seperti mana yang dilaksanakan dalam tahun-tahun sebelum ini, kami telah menjalankan beberapa latihan simulasi komunikasi ketika krisis dan latihan simulasi antara agensi dalam kalangan ahli utama jaringan keselamatan kewangan. Lebih banyak usaha sedang dilakukan untuk meningkatkan lagi koordinasi dan kerjasama antara agensi dalam pengurusan krisis di peringkat pengurusan kanan dan kakitangan.

MEMBINA KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN

Sejak kebelakangan ini, kita dapat melihat betapa pentingnya kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap pihak yang berperanan untuk mendepani krisis. Membina kredibiliti ketika beroperasi seperti biasa adalah penting bagi membolehkan kami mendepani sesuatu krisis, dan ini boleh dicapai melalui pelan kesedaran dan keterlibatan pemegang kepentingan yang komprehensif. Pada tahun 2021, kami telah berjaya mencapai tahap indeks kesedaran awam sebanyak 81%, yang tertinggi setakat ini sejak penubuhan PIDM. Di sebalik persekitaran pandemik yang mencabar, pencapaian ini merupakan hasil daripada perancangan untuk meningkatkan penggunaan platform media digital dan sosial secara keseluruan, manakala penggunaan media tradisional ditumpukan kepada kawasan luar dan pinggir bandar. Kami juga telah membangunkan kandungan kontemporari dan relevan untuk membolehkan orang awam mengaitkannya dengan diri mereka ketika berada dalam persekitaran yang mencabar ini. Kami akan meneruskan usaha meningkatkan kefahaman dan advokasi terhadap mandat, peranan dan tanggungjawab PIDM – untuk beralih daripada kesedaran asas kepada keyakinan orang awam terhadap PIDM.

MENINGKATKAN DAYA TAHAN KEWANGAN

Di samping membina daya tahan dalaman, kami juga memberi perhatian terhadap impak pandemik ke atas konsumen kewangan di Malaysia. Bagi kalangan milenial terutamanya, buat julung kalinya kami melancarkan kempen daya tahan kewangan yang bertemakan #SediaPayungKewangan. Kami juga telah menyempurnakan dua kajian tingkah laku konsumen kewangan Malaysia dengan kerjasama rakan penyelidikan di mana salah satu penemuan utama menunjukkan bahawa rakyat Malaysia tidak bersedia sepenuhnya untuk menangani kejutan kewangan. Berbekalkan maklumat kajian ini, kami berharap ia dapat meningkatkan tahap daya tahan kewangan dalam kalangan konsumen kewangan di Malaysia, terutamanya jika hasil penemuan daripada kajian tersebut dapat diterap dan diaplikasikan ke dalam aktiviti-aktiviti yang kami jalankan.

MENDEPANI NORMA BAHRU DAN CARA KERJA MASA DEPAN

Dalam mendepani persekitaran operasi semasa, kami mula menyesuaikan diri dengan cara kerja yang baharu. Pendekatan kerja secara hibrid bukan sahaja sebagai langkah berjaga-jaga terhadap ancaman pandemik, tetapi juga sebagai usaha untuk memastikan kami boleh bertindak tangkas dan pantas dalam menjaga kesejahteraan kakitangan PIDM. Kami menyiapkan pelan hala tuju pendigitalan yang berpandukan kecekapan dan inovasi sebagai fokus strategik kami, selain memanfaatkan teknologi seperti kecerdasan buatan (*artificial intelligence*), analisis data (*data analytics*) dan pengkomputeran awan (*cloud computing*). Kami juga meningkatkan keupayaan pertahanan siber dalam persekitaran ancaman keselamatan siber yang semakin meningkat berikut pengaturan kerja jarak jauh, untuk memastikan daya tahan operasi yang berterusan. Pada bulan Disember 2021, PIDM telah dianugerahkan pensijilan Information Security Management Systems (ISMS) - ISO/IEC 27001:2013 oleh CyberSecurity Malaysia. Pensijilan ini adalah bagi operasi dan perkhidmatan pusat data kami di Menara Axia dan Pusat Pemulihan Bencana, serta keselamatan siber di bawah pengurusan Jabatan Perkhidmatan Teknologi Maklumat. Pensijilan ini merupakan satu pengesahan penting bahawa fungsi dan proses keselamatan siber dan maklumat kami sejajar dengan piawaian yang diterima dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Tidak dapat dinafikan bahawa tahun 2021 adalah amat mencabar. Namun, kami tetap teguh dan tidak goyah dalam usaha mencapai hala tuju yang dihasratkan meskipun dalam keadaan ketidaktentuan dan tangkas bertindak balas terhadap cabaran yang boleh menghalang pencapaian dan sasaran kami. Oleh itu, kami amat berbesar hati dapat menutup tirai tahun ini dengan mencatatkan pelbagai pencapaian hasil daripada usaha, komitmen dan daya tahan kakitangan PIDM yang amat dihargai. Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Pengarah PIDM atas pandangan strategik, bimbingan dan sokongan mereka.

Sebagai entiti yang dimandatkan untuk "siap sedia", usaha dan tugas kami tidak pernah berakhir. Malah, kesiapsiagaan adalah usaha jangka panjang. Kami akan terus memanfaatkan asas kukuh yang telah kami bina untuk memacu PIDM ke tahap yang lebih tinggi di masa depan.

TAN SRI DR. RAHAMAT
BIVI YUSOFF

RAFIZ AZUAN
ABDULLAH

SISTEM PERLINDUNGAN “SIAP SEDIA” ("JUST-IN-CASE" PROTECTION SYSTEMS)



"Tidak, mereka tidak boleh kehilangan bapa hari ini"¹

- Romain Grosjean, pemandu kereta lumba Formula 1

Grosjean hampir menemui ajalnya apabila terbabit dalam kemalangan sewaktu berlumba dalam Grand Prix Formula 1 (F1) Bahrain 2020. Namun, beliau terselamat walaupun kereta lumbanya terbelah dua dan terbakar setelah melanggar penghadang jalan.² Pastinya peminat F1 juga tidak lupa peristiwa tragis ketika perlumbaan Grand Prix San Marino pada tahun 1994 di Imola, apabila juara dunia tiga kali, Ayrton Senna dan Roland Ratzenberger maut akibat kemalangan setelah mengalami kecederaan parah pada tempurung kepala.³ Peristiwa Imola akhirnya menjadi pemangkin perubahan besar-besaran kepada prosedur serta langkah-langkah keselamatan untuk perlumbaan F1. Perubahan ini termasuklah memperkenalkan alat perlindung kepala "Halo", yang menjadi penyelamat nyawa Grosjean.

Kisah F1 ini juga boleh dikaitkan dengan peredaran sistem kewangan. Berikutan Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997/98, Bank Negara Malaysia (BNM) telah melaksanakan banyak pembaharuan keinstitusian sehingga berjaya mengukuhkan dan menstabilkan sistem kewangan yang ada pada hari ini. Penubuhan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) pada tahun 2005 juga merupakan pembaharuan yang diperkenalkan bertujuan untuk melindungi kepentingan dan simpanan pendeposit di bank melalui Sistem Insurans Deposit. Pada tahun 2010, skop perlindungan telah diperluaskan meliputi pemilik sijil takaful dan polisi insurans di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Pada dasarnya, sistem yang diperkenalkan ini ibarat penggunaan "Halo" dalam perlumbaan F1. Mekanisme Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans bertindak sebagai "penyelamat nyawa" dengan memastikan simpanan pendeposit dan manfaat pemilik sijil takaful dan polisi insurans kekal utuh sekiranya berlaku kegagalan bank ahli atau ahli penginsurans PIDM. Sistem perlindungan ini adalah untuk menjamin kepentingan

dan mengekalkan keyakinan konsumen kewangan terhadap kestabilan sistem kewangan Malaysia pada setiap masa terutamanya ketika krisis.

SISTEM PERLINDUNGAN “SIAP SEDIA”

Dalam perlumbaan F1, terdapat langkah-langkah keselamatan "tepat pada masa" ("just-in-time") seperti jangkaan masa bagi aktiviti pemberaan, penggantian atau pelarasan di hentian pit. Langkah-langkah ini dibuat tepat pada masa yang diperlukan untuk kereta ataupun diminta oleh pemandu. Namun begitu, terdapat juga langkah-langkah keselamatan yang bersifat pencegahan dan melibatkan beberapa pihak kepentingan. Langkah-langkah "siap sedia" ("just-in-case") ini bertujuan memastikan sebarang risiko utama berkaitan dengan kereta, trek dan elemen lain dapat ditangani lebih awal lagi supaya perlumbaan boleh dijalankan dengan selamat dan dalam keadaan optimum.


Sehubungan itu, terdapat tiga ciri jangkaan penting dalam pendekatan "siap sedia" yang menyokong sistem perlindungan PIDM.

Pertama sekali ialah sistem premium dan levi berbeza PIDM yang berdasarkan risiko. Ciri-ciri sistem perlindungan PIDM termasuk kutipan dana daripada bank ahli dan ahli penginsurans sebelum kemungkinan berlakunya sebarang krisis. Kadar kutipan adalah berdasarkan tahap risiko setiap institusi ahli, sebagai insentif di mana lebih baik profil risiko, lebih rendah kadar premium dan levi, dan sebaliknya. PIDM sentiasa mengkaji semula dan mengadakan perundingan dengan institusi ahli tentang parameter sistem premium dan levi berbeza berdasarkan perubahan risiko dalam sistem kewangan, termasuk cadangan penambahbaikan bagi kriteria berkaitan resolusi. Melalui langkah-langkah ini, PIDM berupaya memenuhi matlamatnya untuk menggalakkan pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan.

Kedua, PIDM berperanan sebagai pihak berkuasa resolusi untuk bank ahli dan ahli penginsurans yang juga menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Dengan pelbagai kuasa perundangan, PIDM boleh menjalankan intervensi awal dan resolusi ke atas mana-mana institusi ahli yang bermasalah dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan. Usaha ini menyokong keutamaan strategik PIDM untuk membangunkan rejim resolusi yang efektif di Malaysia, supaya resolusi yang teratur bagi institusi terlibat boleh dilaksanakan tanpa gangguan kepada keseluruhan sistem kewangan.

Ketiga, mewujudkan struktur jaringan keselamatan kewangan yang bertujuan mencegah dan menangani kegagalan institusi kewangan. Di Malaysia, BNM, PIDM dan Kementerian Kewangan membentuk satu jaringan keselamatan kewangan yang komprehensif. Sistem ini disokong oleh pengaturan kerjasama antara PIDM dan pihak berkuasa lain bagi tujuan penyelaras dasar yang efektif dan usaha bersama untuk meningkatkan persediaan mendepani krisis.

Dengan ketiga-tiga komponen ini, kami bukan sahaja dapat menangani keperluan semasa pemegang kepentingan tertentu malah lebih penting lagi, ia mewujudkan nilai demi kebaikan awam dalam jangka panjang.



NASIB BAIK ADA "HALO"

Ketika pertama kali diperkenalkan pada tahun 2018, pemandu F1 menolak penggunaan "Halo" yang dianggap sebagai remeh selain mengganggu kelancaran pemanduan dan bertentangan dengan semangat mendepani risiko yang menjadi teras sukan permotoran. Kritikan berkenaan juga bersandarkan kepada jarangnya berlaku kemalangan teruk sehingga memerlukan "Halo" yang direka bentuk bagi melindungi pemandunya.⁴

Pengalaman sama juga dialami oleh seorang jurutera syarikat pengeluar kereta Volvo, Nils Bohlin yang menghasilkan tali pinggang keselamatan tiga penjuru jenis 'V' pada tahun 1959. Tali pinggang ini mempunyai kelebihan ketara menyelamatkan

nyawa (berbanding tali pinggang dua penjurut yang digunakan pada ketika itu) menyebabkan Volvo memutuskan untuk berkongsi paten reka bentuknya dengan para pengeluar kereta lain. Usaha mewajibkan penggunaannya berdepan dengan tentangan untuk bertahun-tahun lamanya, sebelum akhirnya diterima pakai oleh para pengeluar kereta, orang awam dan penggubal undang-undang. Tali pinggang tersebut kini diperakui berjaya menyelamatkan lebih sejuta nyawa.⁵

Sememangnya, perspektif jangka panjang diperlukan untuk menghargai nilai sesuatu sistem perlindungan masyarakat yang bertujuan memastikan individu dan isi rumah tidak berdepan dengan peristiwa yang kecil kemungkinannya tetapi mempunyai impak besar, sekiranya berlaku. Setakat ini, sistem kewangan Malaysia kekal kukuh dan berdaya tahan tanpa berlaku sebarang kegagalan institusi ahli PIDM. Namun begitu, PIDM akan meningkatkan tahap kesediaan secara berterusan untuk mengaktifkan sistem perlindungannya dan sentiasa memperkuatkannya keyakinan orang awam terhadap sistem kewangan jika berlaku krisis dalam tempoh jangka panjang.

MANFAAT BERPANDANGAN JAUH

Hindsight is a wonderful thing but foresight is better, especially when it comes to saving life, or some pain.

- William Blake, pemuisi Inggeris

Ketika dalam proses pemulihannya di hospital, Grosjean, telah merakam video untuk peminat-peminatnya sambil membuat pengakuan, "Beberapa tahun lalu, saya tidak menyetujui penggunaan "Halo", namun kini saya mengakui ia adalah perkara terbaik yang diperkenalkan untuk F1 dan tanpanya, saya tentunya sudah tiada."⁶

Kenyataan Grosjean tidak lebih seperti sudah terhantuk baru tengadah. Namun, nyawanya terselamat hasil pandangan jauh para jurutera, pengawal selia dan mereka yang berkempen untuk menyokong penggunaan "Halo" kerana memegang kepada kepercayaan bahawa ianya adalah penyelamat nyawa. Begitu juga dengan mereka yang terhutang budi dengan tali pinggang keledar tiga penjuru Bohlin yang menyelamatkan banyak nyawa. Bagi berjuta-juta konsumen kewangan di Malaysia, sistem perlindungan berdaya tahan PIDM juga lahir daripada pandangan jauh untuk memastikan kehidupan mereka dan orang tersayang masih boleh diteruskan sekiranya berlaku perkara yang di luar jangkaan.

¹ Straw, Edd. December 4 2020. "I'm at Peace, I'm Dying": Grosjean Tells Full Story of Crash" di www.the-race.com

² Ibid

³ McDonagh, Connor. 5 April 2021. "Senna's Legacy and the Impact of F1's Darkest Weekend at Imola" di www.crash.net

⁴ Crebolder, Finley. December 2, 2020. "The Halo Debate is Now Over, Once and For All" di www.planetF1.com

⁵ Bell, Douglas. August 13, 2019. "Volvo's Gift To The World, Modern Seat Belts Have Saved Millions Of Lives" di www.forbes.com

⁶ Ryan, Nate. November 30, 2020. "Romain Grosjean Praises Halo and Thanks Fans in Video Message From Hospital Bed" di www.yahoo.com

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

PIDM Melindungi Deposit dan Manfaat Takaful dan Insurans ☈

PIDM Mewujudkan Kesedaran dan Memperkuuhkan Keyakinan ☈

PIDM Menyediakan Insentif untuk Institusi Ahli Kekal Selamat dan Berdaya Maju ☈

PIDM Memastikan Resolusi Efektif bagi Institusi Ahli ☈

PIDM Mempertingkatkan Kesediaan untuk Mendepani Krisis ☈


Ulasan: Daya Tahan Kewangan Ke Arah Kehidupan yang Mampan ☈

BAHAGIAN

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

PIDM adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia¹ (Akta PIDM).² Dalam memenuhi mandat kami sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan juga pihak berkuasa resolusi bagi institusi ahli, PIDM melindungi konsumen kewangan di Malaysia dengan:

- 1 Melindungi deposit dan manfaat takaful dan insurans ☈
- 2 Mewujudkan kesedaran dan memperkuuhkan keyakinan ☈
- 3 Menyediakan incentif kepada institusi ahli kekal selamat dan berdaya maju ☈
- 4 Memastikan resolusi efektif bagi institusi ahli ☈
- 5 Mempertingkatkan kesediaan untuk mendepani krisis ☈



1 PIDM MELINDUNGI DEPOSIT DAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

PIDM melindungi deposit serta manfaat takaful dan insurans **konsumen kewangan** sekiranya sesebuah intitusi ahli gagal. Perlindungan ini diberikan secara automatik dan percuma kepada konsumen kewangan. PIDM mempunyai 42 bank ahli dan 50 ahli penginsurans.

Perlindungan PIDM bagi Pendeposit di Bank Ahli

PIDM melindungi deposit yang layak sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli. Perlindungan berasingan diberikan kepada deposit konvensional dan Islam yang dipegang oleh individu, pemilik bersama, perniagaan tunggal, pemegang amanah, perniagaan perkongsian dan syarikat.

PIDM melindungi 96% pendeposit dengan sepenuhnya. Skop dan had perlindungan deposit yang diberikan PIDM kekal tinggi, malah melebihi tahap yang disyorkan dalam Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems oleh **International Association of Deposit Insurers (IADI)**. IADI mengesyorkan perlindungan insurans deposit sekurang-kurangnya pada tahap 80% daripada jumlah pendeposit (orang) dan sebanyak 20% - 30% daripada nilai jumlah deposit.

?

Siapakah konsumen kewangan?

Mereka ialah pelanggan institusi ahli PIDM yang terdiri daripada:

- pendeposit (penyimpan wang) di bank; dan
- pemilik sijil takaful dan polisi insurans di Malaysia

?

Apa itu IADI?

IADI adalah sebuah organisasi bukan berlandaskan keuntungan yang ditubuhkan pada bulan Mei 2002, yang bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem insurans deposit dengan menyediakan panduan dan menggalakkan kerjasama antarabangsa.


PIDM merupakan ahli IADI yang aktif.

¹ Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM)

² Akta terkini ialah Akta PIDM 2011 berikutnya pindaan


PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN




Perlindungan PIDM untuk Pemilik Sijil Takaful dan Polisi Insurans oleh Ahli Penginsurans

Bagi pemilik sijil takaful dan polisi insurans, PIDM melindungi manfaat takaful dan insurans yang layak sehingga RM500,000. Perlindungan ini meliputi 99% daripada pemilik sijil takaful keluarga dan polisi insurans hayat, dan 96% daripada pemilik sijil takaful am dan polisi insurans am sepenuhnya. Perlindungan berasingan juga diberikan kepada sijil takaful dan polisi insurans yang dipegang oleh individu dan kumpulan, serta tuntutan untuk diri sendiri dan pihak ketiga.




Penambahbaikan Perlindungan pada Tahun 2021

Berkuat kuasa pada 1 Januari 2021, PIDM telah menambah baik perlindungan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans dengan melindungi hampir kesemua jenis manfaat di bawah sijil dan polisi yang layak (tertakluk kepada syarat dan had yang dinyatakan dalam kontrak takaful dan polisi masing-masing). Perubahan tersebut dijelaskan dalam gambar rajah berikut:




Had perlindungan (tertakluk kepada syarat-syarat dan had yang dinyatakan secara khusus dalam kontrak takaful dan polisi masing-masing)



2 PIDM MEWUJUDKAN KESEDARAN DAN MEMPERKUKUHKAN KEYAKINAN

PIDM melaksanakan aktiviti kesedaran awam secara meluas agar konsumen kewangan menyedari tentang wujudnya sistem perlindungan PIDM dan memahami manfaat dan hadnya. Ini adalah penting supaya konsumen kewangan memiliki kefahaman yang jelas dan mempunyai keyakinan terhadap sistem perlindungan kewangan ini, justeru dapat mengurangkan risiko berlakunya *bank run* terhadap institusi ahli ketika dalam keadaan tertekan atau ketidaktentuan. Usaha memupuk kesedaran orang awam juga bertujuan membina daya tahan kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia dan meningkatkan keyakinan terhadap keupayaan PIDM untuk melaksanakan mandat dan peranannya sebagai pihak berkuasa resolusi, di mana kami berhasrat untuk beralih daripada kesedaran atas kepada kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap PIDM.

Tahap Kesedaran Orang Awam terhadap PIDM (2019 - 2021)




Kesedaran awam tentang PIDM telah meningkat dengan ketara dalam tempoh tiga³ tahun kebelakangan, iaitu daripada 62% pada tahun 2019 kepada tahap tertinggi yang pernah dicapai iaitu **81% pada tahun 2021**. Pencapaian ini membuktikan keberkesanannya strategi komunikasi awam dan juga usaha-usaha yang kami laksanakan selama ini.

³ Dari pada hasil kaji selidik kesedaran awam PIDM di seluruh negara yang dijalankan pada setiap tahun

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

Pada tahun 2021, kami telah beralih kepada pendekatan lebih bersasar berbanding tahun-tahun sebelum ini - daripada pengiklanan yang bertumpukan kepada media tradisional kepada pendekatan yang lebih berjangka panjang dan mampan, iaitu kandungan yang menjurus kepada pendidikan kewangan. Dengan pendekatan baharu ini, kami telah memperkenalkan "Chief BerUang" sebagai ikon pengurusan kewangan yang baik, dan juga telah melancarkan kempen daya tahan kewangan - #SediaPayungKewangan (#SPK)⁴. Berikut penggunaan ruang digital yang semakin meningkat disebabkan oleh pandemik, kami telah menambah peruntukan pengiklanan bagi platform digital dan media sosial, serta membangunkan dan berkongsi lebih banyak kandungan melalui Facebook, YouTube dan LinkedIn.



Selain meningkatkan kesedaran jenama melalui iklan radio, cetak dan digital, kami juga meneruskan usaha untuk meningkatkan kefahaman tentang sistem perlindungan PIDM melalui kerjasama dengan rakan kongsi media, penerbit dalam talian melalui penulisan artikel, *podcast* dan kandungan video tentang ciri-ciri utama Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Sorotan usaha dan pencapaian kami mengenai kesedaran awam pada tahun 2021 boleh didapati di bahagian Prestasi.

Objektif utama strategi komunikasi PIDM dalam jangka masa panjang adalah untuk membina kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap PIDM melalui kandungan dan kaedah komunikasi. Kami telah mula mempelbagaikan kandungan komunikasi dengan mengetengahkan aktiviti tanggungjawab sosial korporat dan aktiviti korporat lain untuk membina kesedaran yang mampan dan berkekalan terhadap PIDM. Kami juga membawakan kisah-kisah insaniah menarik tentang kakitangan dan penerima biasiswa PIDM yang berkongsi pengalaman hidup peribadi mereka. Objektif keseluruhan adalah untuk menggunakan kandungan yang berkenaan dan mengaitkannya dengan kewujudan PIDM, di samping meningkatkan kesedaran serta kefahaman tentang PIDM dan sistem perlindungannya. Di masa depan, kami juga berhasrat untuk meningkatkan tahap advokasi orang awam terhadap PIDM.

Kesedaran orang awam tentang PIDM dan peranannya telah meningkatkan lagi pengetahuan dan juga keyakinan orang awam. Ini adalah penting kerana usaha yang telah kami laksanakan dan sistem yang ditadbir untuk melindungi konsumen kewangan tidak akan mencapai keberkesanan yang diingini sekiranya orang awam tidak mengetahui akan wujudnya sistem perlindungan ini atau tidak yakin terhadap PIDM untuk melaksanakan mandat kami. Oleh itu, PIDM akan terus berusaha dengan gigih untuk memastikan orang awam mengetahui – bukan sahaja siapa kami, apa yang kami lakukan dan bagaimana kami melakukannya – tetapi lebih penting lagi, mereka boleh bergantung kepada PIDM untuk melindungi mereka apabila diperlukan.

3 PIDM MENYEDIAKAN INSENTIF UNTUK INSTITUSI AHLI KEKAL SELAMAT DAN BERDAYA MAJU

PIDM menyokong kestabilan sistem kewangan secara keseluruhannya dengan menggalakkan keselamatan dan kekuahan institusi ahli kami dengan memberikan insentif bagi pelaksanaan pengurusan risiko yang wajar melalui rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli, rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful.

Bank ahli membayar premium dan ahli penginsurans membayar levi kepada PIDM setiap tahun. Institusi ahli dicaj berdasarkan profil risiko mereka di bawah Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli, Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful. Pembayaran premium dan levi ini adalah berdasarkan *mekanisme pendanaan ex-ante*.




Apakah mekanisme pendanaan *ex-ante*?

Kami mendahulukan pengumpulan dana dalam bentuk premium dan levi daripada institusi ahli kami ketika beroperasi seperti biasa (*business as usual*).

Sistem Premium dan Levi Berbeza

Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli, Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful telah melalui pelbagai peringkat kematangan dan dipertingkatkan secara progresif supaya kekal efektif dan relevan. Pelaksanaan Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli pada tahun 2008, Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans pada tahun 2013 dan Sistem Premium Berbeza bagi pengendali takaful pada tahun 2016, membolehkan kutipan premium dan levi berbeza dilaksanakan mengikut profil risiko setiap institusi ahli. Institusi ahli yang mempunyai profil risiko lebih tinggi perlu membayar premium atau levi yang lebih tinggi berbanding institusi ahli dengan profil risiko yang lebih rendah. Rangka kerja ini memberi insentif kepada institusi ahli untuk mempertingkatkan amalan pengurusan risiko mereka, di samping meningkatkan daya tahan mereka dan mencegah berlakunya kegagalan, dan pada masa yang sama menggalakkan kestabilan dalam sistem kewangan.

Evolusi Sistem Premium Berbeza bagi Bank Ahli, Sistem Levi Berbeza bagi Syarikat Insurans dan Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful



⁴ Bacaan lanjut tentang kempen ini boleh didapati dalam artikel "Daya Tahan Kewangan Ke Arah Kehidupan Yang Mampan" dalam Bahagian ini

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

Sistem Premium Berbeza bagi Bank Ahli - Melangkah ke Hadapan

Berikutnya perubahan dalam persekitaran operasi dan landskap kawal selia, PIDM telah mengeluarkan kertas perundingan berkaitan cadangan penambahbaikan Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli pada bulan Ogos 2021. Cadangan ini dijangka dapat meneruskan amalan pengurusan risiko yang wajar di seluruh sistem kewangan dan pada masa yang sama menyediakan insentif ke arah mencapai resolusi yang teratur bagi institusi ahli. Kajian semula juga akan dilakukan bagi Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful. Hasil daripada penambahbaikan yang dibuat pada masa hadapan dijangka akan menyumbang kepada kestabilan keseluruhan sistem kewangan.



4 PIDM MEMASTIKAN RESOLUSI EFEKTIF BAGI INSTITUSI AHLI

Sejajar dengan mandatnya untuk memastikan pelaksanaan resolusi dengan segera dan efektif dengan cara yang meminimumkan kos terhadap sistem kewangan, PIDM telah memulakan kerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membangunkan rangka kerja **Perancangan Pemulihan dan Resolusi** yang mantap.

**Apa itu Perancangan Pemulihan dan Resolusi?**

Perancangan Pemulihan dan Resolusi terdiri daripada dua komponen berasingan tetapi saling berkaitan iaitu perancangan pemulihan dan perancangan resolusi, untuk tujuan mempertingkatkan kebolehseliaan, kebolehpulihan dan kebolehselesaian institusi kewangan.

Pelaksanaan Perancangan Pemulihan dan Resolusi di Malaysia

PIDM dan BNM memulakan inisiatif Perancangan Pemulihan dan Resolusi untuk industri pada tahun 2017, dengan BNM mengetuai proses **Perancangan Pemulihan** dan PIDM mengetuai proses **Perancangan Resolusi**.

**Apa itu Perancangan Pemulihan dan Perancangan Resolusi?**

Perancangan Pemulihan bertujuan memastikan institusi kewangan menyediakan dan mengekalkan pelan pemulihan yang menentukan opsyen untuk memulihkan kedudukan kewangan mereka ke tahap boleh diterima ketika mengalami tekanan yang teruk.

Perancangan Resolusi bertujuan memudahkan resolusi supaya dapat dilakukan dengan segera dan teratur melalui pembangunan pelan resolusi institusi kewangan ketika beroperasi seperti biasa.

2017

- Pelaksanaan bersama inisiatif Perancangan Pemulihan dan Resolusi oleh BNM dan PIDM

Suku ketiga 2017

- BNM melancarkan Program Rintis Perancangan Pemulihan

Suku pertama 2019

- Memuktamadkan Program Rintis Perancangan Pemulihan
- PIDM mulakan Program Rintis Perancangan Resolusi

Program Rintis Perancangan Resolusi

PIDM telah memuktamadkan Program Rintis Perancangan Resolusi dengan tiga buah bank perintis pada suku kedua 2021. Program ini memberikan pengalaman praktikal yang boleh diguna pakai untuk pelancaran Perancangan Resolusi yang akan datang:



Keperluan penglibatan secara aktif dan pengaturan kerjasama dengan institusi ahli

Penglibatan interaktif antara bank perintis dan PIDM melalui beberapa siri bengkel kerja dan mesyuarat sepanjang Program Rintis Perancangan Resolusi membantu dalam menjelaskan keperluan maklumat dan harapan PIDM.



Keperluan menyelaraskan permintaan maklumat

Penglibatan rapat antara BNM dan PIDM yang bertujuan meminimumkan potensi pertindihan dalam permintaan maklumat antara Perancangan Resolusi dan Perancangan Pemulihan telah berjaya mengurangkan beban kawal selia.



Keperluan pemakaian pendekatan secara berkadar

Pada masa hadapan, permintaan maklumat Perancangan Resolusi akan menumpukan kepada permintaan maklumat khusus, disamping memanfaatkan maklumat yang telah diserahkan untuk Perancangan Pemulihan.

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

Perancangan Resolusi – Pelaksanaan Seterusnya

Proses Perancangan Resolusi di Malaysia dijangka dilaksanakan secara lelaran (*iterative*), berpandukan kemajuan dan kesediaan institusi ahli.

Dalam usaha kami membangunkan rejim resolusi yang efektif, kami menyedari bahawa kerjasama dan koordinasi dengan pemegang kepentingan utama - khususnya institusi ahli - adalah penting. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Perancangan Resolusi pada masa hadapan, perancangan lebih awal dan komitmen adalah perlu. Dalam tempoh dua tahun akan datang, kertas perundingan mengenai Rangka Kerja Perancangan Resolusi akan dikeluarkan kepada institusi ahli, diikuti dengan pengeluaran Garis Panduan Perancangan Resolusi, dan akhirnya pelancaran Perancangan Resolusi. Sama seperti Perancangan Pemulihan, proses Perancangan Resolusi dijangka dilaksanakan secara berfasa.



Dalam tempoh jangka panjang, PIDM akan bekerjasama dengan institusi ahli untuk membangunkan **pelan operasi** bagi menyokong pelaksanaan **strategi resolusi** institusi ahli yang efektif. Perancangan resolusi yang berwibawa perlu mengenal pasti dan menangani halangan di samping membina keupayaan operasi yang diperlukan bagi pelaksanaan strategi resolusi.

Apakah strategi resolusi dan pelan operasi?

Strategi resolusi menetapkan unsur-unsur penting bagi pendekatan resolusi yang dicadangkan manakala **pelan operasi** menetapkan pengaturan untuk melaksanakan strategi resolusi terpilih.

Ibarat seorang juruterbang yang memandu pesawatnya dengan selamat menuju ke destinasi yang ditentukan, pengajaran yang diperoleh daripada program rintis membolehkan kami dan institusi ahli kami, mendepani kerumitan yang ada dalam proses Perancangan Resolusi, dan terus mara ke hadapan dalam usaha ke arah kesediaan resolusi.

5 PIDM MEMPERTINGKATKAN KESEDIAAN UNTUK MENDEPANI KRISIS

Ketika krisis, setiap saat amatlah kritikal. Tindak balas yang cepat amat diperlukan. Namun begitu, bertindak balas tanpa sebarang persediaan dan pertimbangan yang wajar boleh menjelaskan sesbuah organisasi dan meletakkannya pada kedudukan yang boleh menjelaskan sebarang usaha pemulihan. Oleh itu, sebuah organisasi seharusnya membuat persediaan yang terbaik untuk mendepani segala kemungkinan ketika berlakunya krisis.

Di PIDM, kami berlandaskan konsep "siap sedia" atau "*just-in-case*", di mana kami terlebih dahulu memastikan daya tahan organisasi sebelum kemungkinan berlakunya krisis. Ini berbeza dengan pendekatan "tepat pada masa" atau "*just-in-time*", di mana tindakan hanya diambil mengikut keperluan pada masa itu.

Dalam menguruskan sesuatu krisis, pelaksanaan **pelan pengurusan krisis** memerlukan pengetahuan mengenai peranan dan tanggungjawab, begitu juga masa untuk bertindak, dan apa yang sepatutnya (dan apa yang tidak sepatutnya) dilakukan. Pada tahun 2021, kami menguji pelan pengurusan krisis melalui beberapa latihan simulan, yang bertumpu kepada komunikasi ketika krisis.

Apa itu Pelan Pengurusan Krisis?

Pelan Pengurusan Krisis PIDM menggariskan peranan dan tanggungjawab, interaksi antara pihak terlibat, langkah-langkah pengurusan dan matriks keputusan, bagi mengaktifkan penglibatan, penggubalan mesej dan pelaporan untuk penambahbaikan usaha dan inisiatif pada masa hadapan.

Menguji Sejauh Mana Tahap Persediaan Kami

All the world's a stage, and all the men and women merely players...and one man in his time plays many parts.⁵

- William Shakespeare

Sebagaimana pelakon teater perlu melakukan latihan berulang-ulang kali bagi memastikan wataknya dapat dihayati dan agar lakonan berjalan lancar, ahli jaringan keselamatan kewangan juga perlu membuat persediaan termasuk mengadakan latihan simulan, agar memahami peranan masing-masing dengan lebih baik. Latihan simulan kami ibarat raptai penuh di mana segala-galanya disatukan di atas pentas seolah-olah semasa persembahan sebenar, tetapi tanpa penonton. Begitu juga dengan PIDM dan ahli jaringan keselamatan lain yang sentiasa menjalankan latihan simulan bersama, sebagai satu cara untuk memahami peranan masing-masing dan menyelaraskan usaha kami.

Sehubungan ini, PIDM telah melaksanakan beberapa latihan simulan krisis pada tahun 2021, termasuk latihan simulan antara agensi dalam kalangan ahli utama jaringan keselamatan kewangan. Pada tahun-tahun akan datang, kami merancang untuk melaksanakan latihan simulan tahunan yang menguji pelbagai bidang intervensi dan resolusi kegagalan supaya, apabila tiba masa persembahan – apabila tirai dinaikkan dan lampu sorot dinyalakan, kami dapat memberikan persembahan yang terbaik.

Kelancaran Pembayaran Balik dan Kaedah Pembayaran DuitNow

Dalam usaha meningkatkan persediaan untuk mendepani krisis, kami telah **menambah baik keupayaan pembayaran balik** sekiranya kami dikehendaki untuk membuat pembayaran balik kepada pendeposit.

Bagi mencapai matlamat ini, pada tahun 2021 kami telah diterima sebagai ahli kepada Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata PayNet. Sebagai ahli kepada platform ini, PIDM boleh melakukan pembayaran balik pukal dengan segera dan selamat, dengan merujuk pendeposit berdasarkan nombor kad pengenalan dan nombor pendaftaran perniagaan di bawah pembayaran melalui DuitNow. Kerjasama dengan PayNet juga akan membolehkan PIDM memanfaatkan kemudahan pembayaran runcit yang ditawarkan oleh PayNet pada masa hadapan.

Kaedah pembayaran DuitNow adalah tambahan kepada saluran pembayaran sedia ada iaitu pemindahan bayaran antara bank dan pembayaran cek.



Sebagai sebahagian daripada persediaan kami mendepani krisis, pada masa hadapan, PIDM akan mempertimbangkan inisiatif-inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memastikan orang awam sentiasa mempunyai maklumat yang menyeluruh ketika berlaku krisis atau kegagalan bank ahli. Kami juga akan meneruskan usaha untuk menaik taraf infrastruktur pembayaran balik agar sistem PIDM lebih mesra pengguna, menambah baik fungsi pengurusan permintaan dan pengesahan secara dalam talian yang lebih selamat dengan keupayaan fungsi *Know-Your-Customer* secara elektronik.

⁵ As You Like It, Babak II, Adegan VII

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN


Dalam Fokus: Ketika Institusi Ahli Berada dalam Keadaan yang Kukuh, Tumpuan Perancangan Resolusi dan Persediaan Mendepani Krisis Terus Menjadi Keutamaan Demi Mendepani Sebarang Kemungkinan

Dua tahun dari bermulanya pandemik COVID-19, institusi ahli kami kekal berdaya tahan. Keteguhan asas dan penampan kewangan institusi ahli membolehkan mereka terus menyokong isi rumah dan perniagaan yang terjejas akibat pandemik.



Melangkah ke hadapan, asas yang kukuh dan penampan yang mencukupi membolehkan institusi ahli terus menyokong pengantaraan kewangan ketika ekonomi semakin pulih, dan mampu mengharungi sebarang cabaran.

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN



Institusi ahli PIDM ternyata mampu menyokong pengantaraan kewangan walaupun dalam keadaan ekonomi dan kewangan yang mencabar ketika pandemik. Meskipun begitu, inisiatif perancangan resolusi dan persediaan mendepani krisis bertujuan untuk menambah baik kesediaan operasi resolusi untuk mendepani sebarang kemungkinan atau krisis kewangan.



Everything we do before a pandemic will seem alarmist. Everything we do after a pandemic will seem inadequate. This is the dilemma we face, but it should not stop us from doing what we can to prepare. We need to reach out to everyone with words that inform, but not inflame. We need to encourage everyone to prepare, but not panic.

- Michael O. Leavitt, mantan Setiausaha Jabatan Kesihatan dan Perkhidmatan Manusia Amerika Syarikat

Gantikan “pandemic” dengan “crisis” dan kata-kata beliau seperti di atas dapat menggambarkan cabaran yang dihadapi oleh PIDM dalam usaha melindungi konsumen kewangan di Malaysia.


DAYA TAHAN KEWANGAN KE ARAH KEHIDUPAN YANG MAMPAH

Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan yang besar terhadap kesejahteraan dan kewangan rakyat Malaysia. Dengan wang simpanan rakyat yang semakin menyusut, PIDM telah mengenal pasti bahawa literasi kewangan boleh membantu rakyat Malaysia menjadi lebih berdaya tahan dalam menghadapi kejutan kewangan dan seterusnya menambah baik taraf kehidupan mereka agar kekal mampan dan mempunyai daya tahan kewangan yang mantap. Sehubungan ini, pada tahun 2021, kami telah meningkatkan usaha ke arah menambah baik tahap daya tahan kewangan rakyat Malaysia, terutamanya golongan milenial.

Bersempena dengan Bulan Literasi Kewangan anjuran Jaringan Pendidikan Kewangan,¹ buat julung kalinya kami telah menganjurkan kempen daya tahan kewangan #SediaPayungKewangan (#SPK), bermula pada bulan Mei 2021 dan acara kemuncaknya diadakan pada bulan Oktober 2021. Kempen #SPK ini berjaya menarik capaian yang memberangsangkan iaitu sebanyak 9.5 juta orang melalui pelbagai saluran digital. Gambar rajah di bawah menggambarkan inisiatif utama dan pencapaian kempen #SPK.

Peranan PIDM sebagai penggerak daya tahan kewangan bermula penglibatannya sebagai ahli Jaringan Pendidikan Kewangan, yang telah merangka Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan pada bulan Julai 2019, bagi meningkatkan literasi kewangan dan memupuk amalan kewangan yang bertanggungjawab dalam kalangan rakyat Malaysia. PIDM mengetuai fungsi Penyelidikan dan Pembangunan dalam Jaringan Pendidikan Kewangan dan telah menuju sebahagian Panel Penasihat Penyelidikan Literasi Kewangan² pada bulan April 2021. Panel ini merupakan sekumpulan pemikir (*think tank*) yang terdiri daripada pakar industri penyelidikan dalam penyelidikan gunaan (*applied research*) bagi bidang literasi kewangan di Malaysia. Objektif Panel ini adalah untuk mengumpul, berkongsi dan memberi input kepada kajian dan penyelidikan oleh organisasi-organisasi ahli dan juga mengesyorkan pendekatan berdasarkan bukti dalam usaha menambah baik tahap literasi kewangan rakyat Malaysia.

Aktiviti dan Pencapaian Kempen #SPK



¹ Kumpulan antara agensi yang dipengerusi oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia serta dianggotai oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Permodalan Nasional Berhad dan PIDM

² Panel Penasihat Penyelidikan Literasi Kewangan dipengerusi oleh PIDM dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada BNM, AKPK, RinggitPlus, Institut Penyelidikan Khazanah, United Nations Capital Development Fund, Fi Life dan Universiti Malaya

BAHAGIAN

TUGAS KAMI @PIDM

[Tadbir Urus](#) 

[Pemegang Kepentingan](#) 

[Perkara-Perkara Material](#) 

[Prestasi](#) 


Dalam Pemerhatian: Penglibatan PIDM dalam Trend dan Isu-Isu Global 

BAHAGIAN

TADBIR URUS


TINJAUAN

Objektif berkanan PIDM dinyatakan dengan jelas dalam seksyen 4 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM).



PIDM mempunyai sembilan ahli Lembaga Pengarah, dua daripadanya merupakan pengarah *ex officio*, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Pengarah yang lain adalah individu daripada sektor awam dan swasta yang dilantik oleh Menteri Kewangan. Lembaga Pengarah melapor kepada Parlimen melalui Menteri Kewangan.

Struktur tadbir urus PIDM adalah seperti berikut:



TADBIR URUS


TADBIR URUS

Rangka Kerja

Di PIDM, kami secara sukarela menanda aras tadbir urus korporat PIDM dengan amalan terbaik antarabangsa yang relevan seperti Good Governance in the Public Sector oleh International Federation of Accountants dan Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems oleh International Association of Deposit Insurers.

Pelaporan PIDM adalah berdasarkan Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah yang menetapkan dengan jelas peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan pengurusan berkaitan dengan tadbir urus korporat. Polisi ini berpandukan kepada amalan terbaik dan bertujuan untuk menyatakan hasrat Lembaga Pengarah terhadap pihak pengurusan serta peranan Lembaga Pengarah dalam menentukan hala tuju dan pengawasan urusan operasi PIDM.

Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah



Laporan prestasi berdasarkan standard Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dikeluarkan setiap tahun dan boleh didapati dalam Penyata Tadbir Urus di www.pidm.gov.my.

Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan PIDM mengamalkan tatalaku kepemimpinan yang beretika. Kesemua ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan PIDM perlu mematuhi Kod Konflik Kepentingan serta Kod Tatalaku dan Etika Urusan yang mana pematuhananya perlu diisytiharkan pada setiap tahun. Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit akan menerima laporan tentang pematuhan daripada pihak pengurusan termasuk keputusan ujian pematuhan yang diwajibkan kepada semua kakitangan. PIDM juga mempunyai polisi pendedahan maklumat dan pihak pengurusan akan menyerahkan laporan kepada Jawatankuasa Audit jika terdapat sebarang aduan daripada pemberi maklumat.

Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah

Pada tahun 2021, kehadiran ahli Lembaga Pengarah dalam mesyuarat adalah seperti berikut:

AHLI	LEMBAGA PENGARAH	KEHADIRAN MESYUARAT		
		JAWATANKUASA AUDIT	JAWATANKUASA TADBIR URUS	JAWATANKUASA MODAL INSAN DAN GANJARAN
Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff	7/7	-	2/2	-
Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus	7/7	-	-	-
Datuk Seri Asri Hamidin @ Hamidon	3/7	-	-	-
Datuk Dr. Jacob Mustafa	7/7	5/5	-	-
Puan Suhara Husni ¹	6/7	-	1/1	-
Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	7/7	-	2/2	2/2
Dato' Dr. Gan Wee Beng	5/7	5/5	-	2/2
Puan Gloria Goh Ewe Gim	7/7	5/5	2/2	-
Encik Lee Kong Eng ²	6/6	4/4	-	2/2

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Pada tahun 2021, komposisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan aktiviti mereka adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Tadbir Urus	Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran
2 Mesyuarat	5 Mesyuarat	2 Mesyuarat
Dipengerusikan oleh: Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	Dipengerusikan oleh: Puan Gloria Goh Ewe Gim	Dipengerusikan oleh: Dato' Dr. Gan Wee Beng
Ahli: Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff Puan Gloria Goh Ewe Gim Puan Suhara Husni	Ahli: Datuk Dr. Jacob Mustafa Dato' Dr. Gan Wee Beng Encik Lee Kong Eng	Ahli: Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood Encik Lee Kong Eng
Pada tahun 2021, menyemak: <ul style="list-style-type: none"> • pendedahan tadbir urus korporat • pendekatan tadbir urus • polisi dan prosedur tadbir urus termasuk Kod Tatalaku dan Etika Urusan untuk Pengarah, Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, profil Lembaga Pengarah, piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah, Undang-undang Kecil Korporat dan Polisi Pelantikan dan Penggiliran Ahli Jawatankuasa Lembaga • pelan tindakan hasil daripada keputusan penilaian Lembaga Pengarah • cadangan untuk menubuhkan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus • program pendidikan dan perancangan penggantian Lembaga Pengarah 	Pada tahun 2021, menyemak: <ul style="list-style-type: none"> • Penyata Kewangan 2020 dan Laporan Tahunan 2020 • Laporan Pengurusan Risiko Organisasi • Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman • Piagam Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan serta rancangannya untuk 2022 – 2024 • Polisi dan Prosedur Pendedahan Maklumat Awam • Polisi Pelaburan • cadangan untuk menubuhkan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus • Pematuhan undang-undang, pelan dan laporan audit dalaman • Laporan perbelanjaan, pelaburan dan pengurusan tunai • kemas kini Rancangan Korporat dan Rancangan Kewangan, laporan berkaitan perolehan 	Pada tahun 2021, menyemak: <ul style="list-style-type: none"> • inisiatif utama modal insan, bonus dan kenaikan gaji untuk kakitangan • petunjuk prestasi utama Ketua Pegawai Eksekutif • pematuhan polisi modal insan dan keperluan undang-undang • perancangan penggantian pengurusan kanan utama • laporan program biasiswa PIDM

¹ Puan Suhara Husni dilantik menganggotai Jawatankuasa Tadbir Urus pada 7 Mei 2021

² Encik Lee Kong Eng dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 1 Februari 2021

TADBIR URUS

TADBIR URUS

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

Kawalan dalaman PIDM termasuk kod etika, keperluan deklarasi konflik kepentingan dan aset serta polisi pendedahan maklumat. Kawalan ini diaplikasi dalam semua aktiviti berkaitan dengan pengurusan sistem perlindungan yang ditadbir oleh PIDM.

Lembaga Pengarah memastikan bahawa risiko-risiko utama PIDM difahami dengan jelas dan diurus dengan sewajarnya. Risiko PIDM dikenal pasti menggunakan pendekatan *bottom-up* dan *top-down*. Perbincangan dengan kakitangan PIDM dilakukan secara meluas melalui bengkel pengurusan risiko organisasi. Laporan Risiko tahunan yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi dibentangkan kepada Lembaga Pengarah dan mengandungi butiran penilaian risiko dan pelan tindakan PIDM. Ketua Juruaudit Dalam dan Ketua Pegawai Risiko melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit. Fungsi audit dalaman yang bebas pula memberikan jaminan yang berpatutan bahawa sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko adalah efektif.

Pada tahun 2021, terdapat perubahan ketara dalam penarafan dan trend risiko berbanding pada tahun 2020 berikutan penularan pandemik COVID-19 yang berterusan. Trend risiko kakitangan meningkat memandangkan keperluan bekerja secara jarak jauh yang berlanjut berpotensi memberi kesan kepada produktiviti, kesihatan mental dan moral kakitangan, manakala risiko insurans kekal meningkat berikutan ketidaktentuan dalam persekitaran ekonomi semasa yang berterusan. Serangan siber merupakan risiko memuncul yang menunjukkan trend meningkat berikutan keperluan untuk bekerja secara jarak jauh. Faktor risiko diambil kira dalam pelbagai kategori risiko manakala risiko yang lebih ketara diteliti untuk menentukan sama ada penarafan risikonya perlu dinilai semula. Perkara ini diterangkan dalam bahagian Perkara-Perkara Material dalam Laporan Tahunan ini dan juga dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam PIDM yang boleh didapati di www.pidm.gov.my.

Transaksi Dengan Pihak Berkaitan

PIDM mempunyai proses dalaman yang membolehkannya mengenal pasti dan memantau transaksi dengan pihak berkaitan. Kami juga mengekalkan senarai individu dan entiti yang dianggap sebagai pihak yang berkaitan bagi tujuan mengenal pasti transaksi berkenaan. Sebagai peraturan, transaksi pihak yang berkaitan mestilah merupakan urus niaga biasa PIDM dan berdasarkan urus niaga tulus. Sekiranya transaksi pihak berkaitan bukan merupakan urus niaga biasa dan / atau tidak tulus, perkara ini akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan keputusan. Ahli Lembaga Pengarah perlu berkecuali dalam meluluskan mana-mana transaksi sekiranya mereka mempunyai pertalian atau kepentingan dengan pihak berkaitan. PIDM mematuhi keperluan di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia berhubung dengan pelaporan khusus dan keperluan pendedahan mengenai transaksi pihak berkaitan. Fungsi audit dalaman PIDM menyemak semua transaksi pihak berkaitan, dan laporan auditnya dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Rujuk Nota 20(a) kepada penyata kewangan untuk butiran terperinci.

Audit Luaran

Penyata kewangan PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Audit 1957. Lembaga Pengarah PIDM akan meluluskan penyerahan penyata kewangan yang belum diaudit kepada Jabatan Audit Negara yang memeriksa penyata kewangan tersebut menurut Piawaian Pengauditan yang Diluluskan di Malaysia dan International Standards of Supreme Audit Institutions bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember pada setiap tahun. Wakil daripada Jabatan Audit Negara dijemput hadir ke semua mesyuarat Jawatankuasa Audit dan semua dokumen berkaitan dikemukakan kepada mereka sebelum mesyuarat berkenaan diadakan.

Modal Insan

Lembaga Pengarah memastikan strategi modal insan adalah sejajar dengan objektif korporat dan menyokong kemampuan jangka panjang PIDM. Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran menyokong Lembaga Pengarah dan memantau strategi utama modal insan serta keadaan keseluruhan modal insan PIDM.

Walaupun dilanda pandemik COVID-19, keselamatan dan kesihatan kakitangan tetap menjadi keutamaan, dan sesi latihan masih diteruskan secara maya.

PIDM mengekalkan komunikasi dengan kakitangan secara kerap bagi memastikan penglibatan mereka dan juga produktiviti.

Modal Sosial dan Penglibatan Pemegang Kepentingan dalam Membuat Keputusan yang Efektif

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penglibatan pemegang kepentingan amat penting dalam mencapai objektif PIDM yang ditetapkan. PIDM terus menerima pakai proses-proses untuk memastikan pertimbangan sewajarnya diberikan terhadap pandangan pemegang kepentingan terutamanya dalam membangunkan dasar-dasar kawal selia yang efektif. Pada tahun 2021, Lembaga Pengarah juga telah bersetuju untuk melanjutkan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan kepada institusi ahli, termasuk pengurangan terhadap kadar premium dan levi yang ditaksirkan. Tindakan ini bertujuan menyokong industri perkhidmatan kewangan ketika keadaan ekonomi mengalami tekanan.

PENDEKATAN KEPADA KEPELBAGAIAN DAN KETERANGKUMAN

PIDM berpegang kepada prinsip menggalakkan kepelbagaian dan keterangkuman, serta mengakui kelebihan adanya tenaga kerja yang terdiri daripada pelbagai budaya dan disiplin kepada organisasi kami. Kami menghormati dan mengharga perbezaan budaya, gender, agama dan keunikan semua pihak. Prinsip-prinsip ini terkandung dalam Kod Tatalaku dan Etika Urusan Pengarah dan Kakitangan.

Pada masa ini, barisan Lembaga Pengarah terdiri daripada 55.5% wanita dan 44.5% lelaki. Keanggotaannya terdiri daripada sektor awam dan swasta, dan memiliki pelbagai kemahiran dan pengalaman termasuk undang-undang, perakaunan, ekonomi, kewangan korporat, penggabungan dan pemerolehan, intervensi dan insolvensi, takaful serta tadbir urus korporat.

Tenaga kerja PIDM terdiri daripada mereka yang berbeza budaya dan bidang serta golongan berkeperluan khas. Pengurusan kanan kami terdiri daripada 44.8% wanita dan 55.2% lelaki, dan purata umur kakitangan adalah 42 tahun.


PENDEKATAN TADBIR URUS DAN AKAUNTABILITI

Ketulusan berkaitan kemajuan PIDM terhadap inisiatif yang dirancang membolehkan pemegang kepentingan utama membuat penilaian bermaklumat tentang prestasi dan kemampuan kami dalam memenuhi tanggungjawab berkanun. PIDM menerbitkan rancangan korporatnya pada setiap tahun dan melaporkan kemajuan yang dicapai dalam laporan tahunannya. Selain membina modal sosial dan intelektual yang penting, penerapan amalan tadbir urus PIDM juga penting untuk memastikan aktauntabiliti semasa intervensi dan resolusi kegagalan.

TADBIR URUS

PENGATURAN TADBIR URUS SYARIAH

PIDM tertakluk kepada keperluan pematuhan Syariah dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab kami yang berkaitan dengan Sistem Insurans Deposit Islam dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful. PIDM juga bertanggungjawab untuk melaksanakan intervensi dan resolusi kegagalan yang segera bagi institusi ahli kewangan Islam. Bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan Syariah ketika mengurus dan mengendalikan sistem-sistem berkenaan, PIDM berpandukan kepada keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM. Pengaturan tadbir urus Syariah PIDM dijelaskan dalam gambar rajah berikut:³



³ Pada 31 Disember 2021. Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2022, Pengaturan tadbir urus Syariah PIDM adalah seperti dalam gambarajah di www.pidm.gov.my.

LEMBAGA PENGARAH – AHLI DAN PROFIL

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF

Pengerusi

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Januari 2012
Dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah: Ogos 2017



TAN SRI NOR SHAMSIAH MOHD YUNUS

Pengarah Ex Officio

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Julai 2018



Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Tiada
- Kelayakan
 - Ijazah Doktor Falsafah, Australian National University, Australia
 - Ijazah Sarjana Ekonomi, Western Michigan University, Amerika Syarikat
 - Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) (Kepujian), Universiti Sains Malaysia
- Bidang Kemahiran
 - Ekonomi

Lantikan Semasa

- Pengerusi, Lembaga Gabenor, Universiti Multimedia, Malaysia

Keanggotaan Lembaga Pengarah

- Pengerusi Bersama, Malaysia-Thailand Joint Authority
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Ekuiti Nasional Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, IOI Corporation Berhad

Pengalaman

- Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi
- Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, yang bertanggungjawab bagi Bahagian Sistem dan Kawalan

Pengalaman

- Pengerusi, Lembaga Pengarah, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Penolong Pengarah, Bahagian Monetari dan Pasaran Modal, Tabung Kewangan Antarabangsa
- Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia

TADBIR URUS

LEMBAGA PENGARAH – AHLI DAN PROFIL

DATUK SERI ASRI HAMIDIN @ HAMIDON

Pengarah Ex Officio

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Mei 2020



Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Tiada

Kelayakan

- Harvard Premier Business Management Program
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Hiroshima University, Jepun
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya, Malaysia
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara, Malaysia

Bidang Kemahiran

- Ekonomi

Lantikan Semasa

- Ketua Setiausaha Perbadanan, Kementerian Kewangan

Keanggotaan Lembaga Pengarah

- Pengurus, Lembaga Pengarah, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)
- Pengurus dan Pengarah, 1Malaysia Development Berhad
- Pengarah Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif, Danalntra Nasional Berhad
- Pengarah, Aset Tanah Nasional Berhad
- Pengarah, GovCo Holdings Berhad

Pengalaman

- Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Perbadanan, Kementerian Kewangan
- Penolong Pengarah, Unit Perancang Ekonomi

DATUK DR. YACOB MUSTAFA

Pengarah Sektor Awam

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: November 2019



Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Ahli Jawatankuasa Audit

Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah dalam Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Malaya, Malaysia

Keahlian Profesional

- CPA Australia
- The Chartered Institute of Public Finance and Accountancy, United Kingdom
- Institut Akauntan Malaysia

Bidang Kemahiran

- Ekonomi, perakaunan

Lantikan Semasa

- Akauntan Negara Malaysia

Keanggotaan Lembaga Pengarah

- Pengarah, Lembaga Hasil Dalam Negeri
- Pengarah, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)
- Pengarah, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
- Pengarah, Prasarana Berhad
- Pengarah, Danalntra Nasional Berhad

Pengalaman

- Timbalan Akauntan Negara Malaysia, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

PUAN SUHARA HUSNI

Pengarah Sektor Awam

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Ogos 2020



Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Syariah) (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Diploma Pengurusan Awam, Institut Tadbiran Awam Negara, Malaysia

Bidang Kemahiran

- Pembiayaan dan belanjawan awam

Lantikan Semasa

- Ketua, Sektor Pengeluaran Dan Kutipan Pinjaman, Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan

Keanggotaan Lembaga Pengarah

- Pengarah, Universiti Sains Islam Malaysia

Pengalaman

- Pendaftar, Pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit, Kementerian Kewangan
- Ketua Penolong Setiausaha, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi
- Penolong Setiausaha, Jabatan Perdana Menteri

DATO DR. NIK RAMLAH MAHMOOD

Pengarah Sektor Swasta

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Ogos 2016



Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus
- Ahli Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran

Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah, University of London, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Undang-Undang, University of London, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian Kelas Pertama), Universiti Malaya, Malaysia

Bidang Kemahiran

- Perundungan, pengawalseliaan pasaran modal dan perkhidmatan kewangan, tadbir urus korporat

Keanggotaan Lembaga Pengarah

- Pengarah, Institute Capital Market Research
- Pengarah, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Pengarah, Permodalan Nasional Berhad
- Pengarah, Amanah Saham Nasional Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Axiata Group Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, United Malacca Berhad
- Pengerusi, edotco Group Sdn Bhd

Pengalaman

- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Profesor Madya, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Malaysia

TADBIR URUS

LEMBAGA PENGARAH – AHLI DAN PROFIL

DATO' DR. GAN WEE BENG*Pengarah Sektor Swasta*

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Ogos 2016

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

- Pengerusi Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran
- Ahli Jawatankuasa Audit

Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah dalam Ekonomi, Wharton School, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia

Bidang Kemahiran

- Ekonomi, pengurusan risiko, perbankan komersial

Pengalaman

- Penasihat, Kumpulan CIMB
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan CIMB
- Pengarah Eksekutif, CIMB Bank
- Penasihat Kanan, Jabatan Ekonomi, Monetary Authority of Singapore
- Perunding kepada Bank Dunia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan Bank Negara Malaysia
- Pengerusi, KWEST Sdn Bhd
- Pengarah, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)

PUAN GLORIA GOH EWE GIM*Pengarah Sektor Swasta*

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Februari 2017

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

- Pengerusi Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Kepujian), University of Melbourne, Australia

Keahlian Profesional

- Felo, CPA Australia
- Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
- Institut Akauntan Malaysia

Bidang Kemahiran

- Audit, kewangan dan perakaunan, pengurusan risiko, ekonomi, perkhidmatan kewangan termasuk perbankan komersial, insurans nyawa dan am

Lantikan Semasa

- Ahli, Lembaga Penasihat, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, University of Melbourne, Australia

Pengalaman

- Rakan Kongsi, Ernst & Young, Malaysia
- Ahli Majlis, Institut Akauntan Malaysia
- Ahli Majlis, ASEAN Federation of Accountants
- Presiden, Information Systems Audit and Control Association Malaysia Chapter

ENCIK LEE KONG ENG*Pengarah Sektor Swasta*

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Februari 2021

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

- Ahli Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), University of Lancaster, United Kingdom

Keahlian Profesional

- Ahli Bersatu, Institute of Chartered Accountants in England and Wales
- Institut Akauntan Malaysia

Bidang Kemahiran

- Audit, kewangan dan perakaunan, penstrukturkan semula korporat, penggabungan dan pengambilalihan

Pengalaman

- Rakan Kongsi, Ernst & Young, Malaysia

TADBIR URUS

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif⁴ PIDM melaksanakan strategi, memacu prestasi dan sinergi organisasi. Mereka juga menyokong Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab tadbir urusnya.

**1 RAFIZ AZUAN
ABDULLAH**
Ketua Pegawai Eksekutif



2 LIM LEE NA
Setiausaha Korporat dan
Kaunsel Am





**3 WAN AHMAD IKRAM
WAN AHMAD LOTFI**
Ketua Pegawai Kewangan



**4 JAZIMIN IZZAT
WAN ZOOLKIFLI**
Ketua Audit Dalaman



**5 ZUFAR SULEIMAN
ABU BAKAR**
Ketua Pegawai Risiko



6 LEE YEE MING
Pengurus Besar Kanan,
Penilaian Risiko
dan Resolusi

7 AFIZA ABDULLAH
Pengurus Besar,
Polisi dan Antarabangsa

8 HELENA PREMA JOHN
Pengurus Besar,
Sumber Manusia

**9 IVLYNN YAP
CHENG THENG**
Pengurus Besar,
Komunikasi dan
Hal Ehwal Awam

10 LIM KONG KUAN
Pengurus Besar,
Keahlian dan
Pembayaran Balik

11 SOH SHEY YIN
Pengurus Besar,
Perundungan

⁴ Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022, profil Pengurusan Eksekutif dan Pegawai Tadbir Urus PIDM telah dikemas kini selaras dengan Struktur Organisasi PIDM yang boleh didapati di www.pidm.gov.my.

PEMEGANG KEPENTINGAN

PEMEGANG KEPENTINGAN

MENINGKATKAN KOLABORASI

Penglibatan bersama pemegang kepentingan kekal menjadi keutamaan PIDM ke arah melahirkan kepercayaan dan keyakinan sambil melaksanakan mandat dengan efektif. Berdasarkan kajian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), COVID-19 telah memberikan "impak paling ketara terhadap penglibatan bermakna dan inklusif bersama pemegang kepentingan".¹ Berikutnya itu, PIDM menggiatkan tumpuannya kepada pelaksanaan strategi digital dalam usaha capaian, berkomunikasi, berunding dan melibatkan diri dengan pelbagai kumpulan pemegang kepentingan.

Pada tahun 2021, kami mengekalkan momentum penglibatan dengan pemegang kepentingan korporat utama melalui interaksi secara hibrid (maya dan bersemuka), serta memanfaatkan saluran digital untuk jangkauan yang lebih inklusif dan meluas kepada orang awam. Pendekatan keseluruhan kami diterangkan di bawah, dengan butiran lanjut di bahagian Prestasi.²

PEMEGANG KEPENTINGAN UTAMA	MEKANISME MAKLUM BALAS	PERKARA PENTING BAGI MEREKA	TINDAKAN KAMI	RANCANGAN MASA HADAPAN
 Orang awam	<ul style="list-style-type: none"> Kaji selidik indeks kesedaran dan kepercayaan Soal selidik atau kaji selidik Tahap minat media Maklum balas daripada kumpulan fokus 	<p>Pencapaian mandat PIDM perlu memenuhi mandat berkanunnya dengan akauntabiliti dan ketelusan.</p> <p>Kestabilan sistem kewangan Berdasarkan keputusan kaji selidik kesedaran konsumen, perlindungan PIDM adalah relevan kepada mereka yang tahu mengenai insurans deposit.</p> <p>Pewujudan nilai Tahap kesedaran dan kepercayaan terhadap PIDM dapat menggalakkan keyakinan terhadap kestabilan sistem kewangan. Sistem kewangan yang stabil membolehkan institusi ahli menjalankan perniagaan dan fungsi mereka dalam ekonomi.</p>	<p>Kemajuan prestasi kami terhadap inisiatif dalam rancangan korporat dilaporkan dalam laporan tahunan PIDM. Penyata kewangan dibentangkan di Parlimen melalui Menteri Kewangan setiap tahun. Semua rancangan korporat dan laporan tahunan kami boleh didapati di laman web PIDM.</p> <p>Kami melaksanakan proses perundingan untuk mendapatkan maklum balas daripada pemegang kepentingan kami mengenai perkara-perkara penting yang berkaitan seperti draf peraturan.</p>	<p>Kami akan meneruskan amalan kami dan mematuhi Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM).</p> <p>Kertas perundingan boleh didapati di laman web kami.</p>
			<p>Kami melaksanakan inisiatif kesedaran awam tentang PIDM dan sistem perlindungan kami melalui pelbagai medium. Kami juga menggalakkan literasi kewangan dalam kalangan orang awam dengan tujuan meningkatkan lagi pemahaman dan membangunkan kandungan yang bernilai.</p> <p>Peraturan-peraturan Maklumat Sistem Insurans Deposit menghendaki bank ahli mempamerkan maklumat mengenai PIDM di premis, laman web dan media sosial mereka serta menyediakan maklumat untuk pelanggan mereka.</p>	<p>Kami akan terus menumpu kepada penggunaan media sosial dan sesi penglibatan yang lebih fokus. Kami juga akan melaksanakan inisiatif bagi menggalakkan daya tahan kewangan dalam kalangan orang awam.</p> <p>Peraturan-peraturan yang sama akan dilaksanakan ke atas ahli penginsurans di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> Perundingan Sesi keterlibatan dengan industri (contohnya dialog, taklimat, kumpulan fokus) Perjumpaan PIDM dengan pengurusan kanan di institusi ahli dan persatuan industri Audit persepsi pemegang kepentingan Tinjauan kepuasan selepas acara 	<p>Pemahaman utama daripada maklum balas</p> <ul style="list-style-type: none"> PIDM diharapkan dapat mempamerkan kompetensi, keberkesan dan kecekapan sebagai pengawal selia. Persatuan industri mahukan lebih banyak peluang untuk bekerjasama dengan PIDM dalam bidang kepentingan bersama. <p>Pewujudan nilai Melalui perundingan dan taklimat dengan pemegang kepentingan, PIDM menggalakkan penggubalan dasar, peraturan dan penyelesaian kawal selia yang efektif.</p>	<p>Kami mengadakan sesi perundingan mengenai cadangan dasar atau rangka kerja yang memberi kesan kepada institusi ahli termasuk rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang disemak semula pada tahun 2021. Kami juga menambah baik garis panduan kami mengenai Pengesahan Sistem Premium Berbeza dan Sistem Levi Berbeza setelah menerima maklum balas industri.</p> <p>Kami mengadakan sesi perkongsian pengetahuan dengan institusi ahli tentang PIDM, sistem perlindungan kami dan juga menyediakan latihan tentang perancangan resolusi.</p>	<p>Kami akan terus melibatkan industri dan berunding tentang dasar dan rangka kerja yang memberi kesan kepada mereka. Pada tahun 2022, perundingan dan penglibatan industri akan tertumpu pada perancangan resolusi.</p> <p>Kami akan terus mengajur sesi perkongsian pengetahuan dan menyediakan latihan kepada ahli institusi melalui saluran-saluran tersedia mengikut keperluan.</p>
 Institusi ahli dan persatuan industri			<p>Pada tahun 2021, PIDM telah melanjutkan tarikh akhir pematuhan keperluan kawal selia dengan tujuan mengurangkan beban pematuhan kawal selia ke atas institusi ahli.</p> <p>PIDM menerbitkan penyata kewangannya selaras dengan piawaian pelaporan yang sesuai, supaya perbelanjaannya dilaporkan secara telus.</p>	

¹ Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2021. "The Impacts of COVID-19 on Stakeholder Engagements for the SDGs" di sdgs.un.org

PEMEGANG KEPENTINGAN

PEMEGANG KEPENTINGAN

PEMEGANG KEPENTINGAN UTAMA	MEKANISME MAKLUM BALAS	PERKARA PENTING BAGI MEREKA	TINDAKAN KAMI	RANCANGAN MASA HADAPAN
 Ahli jaringan keselamatan kewangan dan agensi Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Perhubungan Perjanjian Kerjasama Strategik Bank Negara Malaysia (BNM) Ahli Lembaga Pengarah <i>ex officio</i> Perjumpaan PIDM dengan agensi lain Penglibatan dengan pegawai kanan Kerajaan Maklum balas peringkat pasukan kerja Audit persepsi pemegang kepentingan 	<p>Kestabilan sistem kewangan Kementerian Kewangan dan BNM mempunyai objektif dasar awam yang sama dengan PIDM, iaitu kestabilan sistem kewangan.</p> <p>Tanggungjawab dan peranan kawal selia yang jelas Komunikasi dan kerjasama yang efektif perlu ada untuk menangani keimbangan mengenai kestabilan sistem kewangan.</p> <p>Peranan dan tanggungjawab yang jelas perlu digariskan, terutama semasa krisis.</p> <p>Pewujudan nilai Memastikan keberkesanan dasar, penyelarasan krisis, kolaborasi serta peranan dan tanggungjawab yang jelas dalam kalangan ahli jaringan keselamatan kewangan.</p> <p>Menggalakkan literasi kewangan dalam kalangan orang awam</p> <p>Pewujudan nilai Literasi kewangan dan pemahaman yang lebih baik tentang PIDM dan sistem perlindungannya akan meningkatkan keyakinan awam.</p> <p>Pematuhan piawaian laporan kebangsaan Jabatan Audit Negara memperoleh maklumat daripada PIDM untuk melaksanakan audit berkanun. Ini bertujuan untuk memastikan PIDM mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan mengekalkan kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang efektif.</p>	<p>Kami mempunyai Perjanjian Kerjasama Strategik dengan BNM yang sentiasa disemak semula. Gabenor BNM dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan merupakan ahli Lembaga Pengarah <i>ex officio</i> PIDM, untuk menyokong koordinasi antara ahli jaringan keselamatan kewangan.</p> <p>Kami mengadakan sesi perundingan dengan agensi yang berkenaan sebelum membuat sebarang pindaan kepada Akta PIDM.</p> <p>Kami juga mengeratkan hubungan dengan agensi lain melalui program seperti peminjaman kakitangan (<i>secondments</i>).</p>	Kami akan terus bekerjasama rapat dan mengeratkan hubungan dengan ahli utama jaringan keselamatan kewangan.
 Media	<ul style="list-style-type: none"> Audit persepsi pemegang kepentingan Maklum balas daripada sesi keterlibatan bersama media 	<p>Menyediakan maklumat yang jelas dan tepat Media memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi umum.</p> <p>Pihak media memerlukan maklumat yang jelas dan tepat daripada PIDM untuk disampaikan kepada orang awam.</p> <p>Pemahaman utama daripada maklum balas Minat media mengenai PIDM buat masa ini cenderung ke arah laporan yang berkaitan penipuan kewangan dan profil pemimpin berbanding topik mengenai insurans deposit atau skim jaminan insurans.</p> <p>Pewujudan nilai Pemahaman yang tinggi mengenai PIDM dan tugasnya, serta hubungan baik dengan pihak media dapat membantu PIDM ketika krisis termasuk tindakan intervensi dan resolusi kegagalan.</p>	<p>Kami mengadakan sesi keterlibatan dengan pengurusan kanan dan kakitangan media untuk menjalankan hubungan baik. Ia juga bertujuan membentuk profil untuk PIDM yang bersesuaian pada pandangan umum serta membantu mengekalkan reputasi dan imej kami.</p> <p>Kami melibatkan diri dengan organisasi media berkaitan untuk menggalakkan dan mewujudkan kesedaran tentang topik-topik dan maklumat berkaitan PIDM yang bermanfaat serta relevan bagi kepentingan awam.</p>	<p>Kami akan terus membangunkan bahan kandungan berkaitan inisiatif kesedaran awam PIDM serta intervensi dan resolusi kegagalan, untuk jalinan hubungan bersama pihak media. Kami juga akan terus mencari peluang untuk mengadakan sesi keterlibatan bersama dengan pengurusan kanan media dan wartawan secara pendekatan bertumpu.</p> <p>Kami akan meneruskan sesi keterlibatan dengan media melalui perjumpaan dengan jurucakap kami dan juga pendekatan lain termasuk kolaborasi bahan kandungan dan kempen untuk memanfaatkan capaian dan penglibatan media dengan orang awam melalui media sosial.</p>

PEMEGANG KEPENTINGAN

PEMEGANG KEPENTINGAN

PEMEGANG KEPENTINGAN UTAMA	MEKANISME MAKLUM BALAS	PERKARA PENTING BAGI MEREKA	TINDAKAN KAMI	RANCANGAN MASA HADAPAN
 Rakan sejawat antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> Permintaan untuk sesi perkongsian pengetahuan oleh pihak penginsurans deposit atau skim jaminan insurans lain Pelantikan dalam jawatankuasa eksekutif dan jawatankuasa lain bagi institusi antarabangsa Penganjuran webinar dan persidangan antarabangsa, serta jemputan kepada pengurusan kanan untuk berucap di acara antarabangsa Tinjauan selepas acara Tawaran peminjaman kakitangan kepada organisasi antarabangsa atau rakan sejawat Penyertaan dalam persidangan dan kumpulan pengurusan krisis Penganjuran <i>resolution focus groups</i> bagi penyelarasan rentas sempadan Audit persepsi pemegang kepentingan <p>Perkongsian pengetahuan dan jaringan sokongan Jaringan antarabangsa membolehkan perkongsian pengetahuan, pembangunan amalan terbaik, pengumpulan data, penyelidikan dan kepimpinan pemikiran (<i>thought leadership</i>) yang efektif.</p> <p>Penyelarasan berkaitan pelan resolusi untuk institusi ahli yang mempunyai operasi rentas sempadan Bagi menangani kegagalan institusi ahli rentas sempadan, kebanyakannya negara sedang berusaha untuk memastikan mekanisme resolusi dan kerjasama rentas sempadan yang mantap. Ini bertujuan mencapai resolusi yang teratur untuk kumpulan kewangan beroperasi rentas sempadan.</p> <p>Pewujudan nilai Hasil penglibatan ini, kami berupaya menyumbang kepada penanda aras dasar antarabangsa, piawaian global dan kepimpinan pemikiran. Kami juga turut serta dalam penyelarasan dan perancangan dengan pihak berkuasa resolusi asing mengenai resolusi rentas sempadan.</p>	<p>Kami memeterai memorandum persefahaman untuk perkongsian pengetahuan dan kepakaran. Kami juga telah memeterai perjanjian dengan pihak berkuasa resolusi lain untuk memudahkan resolusi rentas sempadan.</p> <p>Kami terlibat secara aktif dalam acara dan persidangan IADI dan IFIGS. Kami juga menyumbang kepada kerja-kerja yang dilakukan oleh Study Group on Resolution of the Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks (EMEAP). Pegawai kanan kami akan mengambil bahagian sebagai ahli jawatankuasa eksekutif atau pengurusan, ahli jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang relevan.</p>	<p>Kami akan terus mengekalkan hubungan baik dengan penginsurans deposit dan skim jaminan insurans lain melalui International Association of Deposit Insurers (IADI), International Forum of Insurance Guarantee Schemes (IFIGS) dan penglibatan dua hala.</p> <p>Kami akan terus mengambil bahagian secara aktif dalam acara dan aliran kerja IADI, IFIGS dan EMEAP yang relevan dan yang berkaitan dengan institusi pelbagai hala lain seperti Financial Stability Institute (FSI), Bank Dunia dan lain-lain.</p> <p>Penglibatan ini termasuk pelantikan eksekutif kanan kami sebagai Pengerusi IFIGS untuk tempoh setahun pada 2022.</p>	
 Penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi strategik	<ul style="list-style-type: none"> Perjumpaan pihak pengurusan kanan dengan pemimpin penyedia perkhidmatan Menyertai sesi latihan dan perkongsian pengetahuan PIDM Audit persepsi pemegang kepentingan <p>Perkongsian strategik dengan penyedia perkhidmatan Pemahaman tentang operasi PIDM akan membolehkan penyedia perkhidmatan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan efektif. Penyedia perkhidmatan juga mengharapkan PIDM mengikuti proses pemilihan yang telus dan adil. PIDM mempunyai dasar perolehan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah yang disokong oleh prosedur amalan terbaik.</p> <p>Pewujudan nilai Bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan luar sebagai rakan strategik dan meningkatkan pemahaman mereka tentang PIDM dan peranannya boleh membantu kami sekiranya berlaku intervensi dan resolusi kegagalan.</p>	<p>Kami memberikan penerangan kepada mereka tentang perkara-perkara relevan seperti perundangan, mandat, pendekatan dan proses serta mengekalkan kesediaan resolusi.</p> <p>Sebagai sebahagian daripada latihan simulasi, kami mengadakan latihan dan sesi perkongsian pengetahuan untuk mempertingkatkan kesediaan penyedia perkhidmatan kami.</p>	<p>Kami akan terlibat secara aktif dengan lebih banyak rakan kongsi strategik dan penyedia perkhidmatan untuk meningkatkan pemahaman mereka dengan lebih mendalam tentang peranan dan inisiatif utama PIDM seperti perancangan resolusi.</p>	
 Kakitangan	<ul style="list-style-type: none"> Sesi keterlibatan <i>town hall</i> yang diketuai pengurusan kanan Tinjauan kakitangan tentang penglibatan, pembelajaran, tahap kematangan pengurusan risiko, persediaan mendepani krisis dan lain-lain Penilaian 360-darjah (kepimpinan) Bengkel kerja pengurusan risiko organisasi Audit pengurusan dan kajian kemahiran <p>Penglibatan kakitangan Bagi penglibatan kakitangan, kakitangan PIDM mempunyai keperluan untuk: <ul style="list-style-type: none"> memahami dan melaksanakan tugas mereka sejajar dengan matlamat PIDM; menyumbang kepada kejayaan PIDM; mempunyai peluang pembelajaran dan pembangunan; dan mempunyai tempat kerja yang selamat dan selesa. <p>Pewujudan nilai Penglibatan dengan kakitangan adalah penting untuk membina budaya, wawasan yang sehaluan dan pemahaman jelas mengenai objektif PIDM. Ia juga penting untuk mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif bagi mengekalkan tenaga kerja PIDM.</p> </p>	<p>Kami mengadakan penglibatan yang kerap dengan kakitangan dan komunikasi secara aktif melalui pelbagai platform seperti sesi <i>town hall</i>, aktiviti Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan PIDM dan sebagainya. Kesihatan dan keselamatan serta kebajikan kakitangan juga menjadi keutamaan kami selain menggalakkan budaya pembelajaran melalui pelancaran platform pembelajaran secara maya yang baharu. Pada tahun 2021, kami juga menumpukan kepada melaksanakan program pengurusan tenaga kerja berbilang tahun untuk mencungkil dan mengumpul kemahiran atau bakat-bakat yang ada pada kakitangan kami. Selain itu, mereka diberi peluang untuk mengikuti program peminjaman kakitangan.</p>	<p>Kami akan terus mengadakan aktiviti keterlibatan dan sesi komunikasi dalaman serta mendorong komunikasi terbuka antara kakitangan dan pihak pengurusan. Bidang tumpuan lain ialah pengurusan bakat dan penggantian, serta pembangunan kepimpinan.</p>	

PERKARA-PERKARA MATERIAL

PERKARA-PERKARA MATERIAL



PIDM mengenal pasti dan memberi keutamaan terhadap perkara-perkara material. Ini merupakan isu-isu utama yang mempengaruhi atau berpotensi memberikan kesan ketara kepada strategi kami, model pengurusan, serta sumber atau modal¹ kami, bagi jangka masa pendek, sederhana atau panjang. Perkara-perkara material juga timbul daripada penilaian ke atas risiko-risiko utama yang memberi kesan kepada PIDM dan dibincangkan di peringkat Lembaga Pengarah.

MANDAT DAN BATASAN

Mandat dan Objektif Berkanun

- Melindungi pendeposit, pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli
- Mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
- Menyediakan incentif untuk pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan
- Menggalakkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan

Pengenalan kepada Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM)

"Bahwasanya kestabilan sistem kewangan ialah penentu utama pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran Malaysia:

Bahwasanya sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans melindungi pengguna kewangan sekiranya berlaku kegagalan sebuah institusi ahli dan PIDM hendaklah menjalankan fungsi yang dimandatkan dengan cepat dan berkesan; ... dan menggalakkan pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan dan mengukuhkan perlindungan pengguna kewangan"

Pemacu Nilai

- Mandat perundangan yang jelas dan kuasa yang meluas
- Tadbir urus korporat (akauntabiliti)
- Tenaga kerja (kecekapan dan ketangkasaran)
- Penglibatan pemegang kepentingan

Batasan Laporan

Seperti yang diperuntukkan di bawah Akta PIDM, dan bagi tujuan kesediaan operasi, PIDM telah menubuhkan subsidiari yang akan berfungsi sebagai institusi perantara dan syarikat pengurusan aset. Subsidiari ini tidak akan beroperasi kecuali dalam situasi intervensi dan resolusi kegagalan. Rujuk Penyata Kewangan mengenai amalan pelaporan kewangan berkaitan dengan subsidiari ini.

MENGURUS RISIKO PADA TAHUN 2021 KETIKA KEMELUT COVID-19 BERTERUSAN

Ketika negara-negara dunia termasuk Malaysia terus bergelut dengan gelombang varian baharu dan jangkitan COVID-19 yang memaksa langkah-langkah kawalan dilaksanakan oleh kerajaan, pihak industri dan PIDM telah segera menyesuaikan diri kepada pengaturan kerja jarak jauh dan hibrid. Walaupun langkah ini mampu mengurangkan kekangan dari segi operasi, namun ia meningkatkan pendedahan PIDM kepada serangan siber yang mana ancammannya dijangka berterusan memandangkan kami terus beralih kepada persekitaran digital.

Berikutnya persekitaran yang kekal tidak menentu, PIDM telah meningkatkan tahap pengawasan dan tumpuan terhadap tahap kesediaan kami supaya dapat bertindak dengan segera bila perlu.

PIDM menyedari impak pandemik terhadap aset utama kami iaitu kakitangan. Usaha dipertingkatkan terhadap pengurusan kebijakan pekerja dan kesihatan mental memandangkan kakitangan terpaksa bekerja secara jarak jauh dan terasing untuk tempoh masa yang lama.

Ringkasan risiko utama kami untuk tahun 2021 dibentangkan dalam jadual di bawah.

RISIKO UTAMA	KONTEKS
Menceburui Landskap yang Lebih Cenderung kepada Siber dan Digital – Risiko Operasi	Risiko pandemik COVID-19 termasuk: <ul style="list-style-type: none"> peningkatan potensi ancaman siber akibat pengaturan kerja dan akses jarak jauh dalam persekitaran yang semakin meningkatnya serangan siber; penyesuaian proses dan prosedur operasi ke platform maya dan hibrid; menyejerakan keperluan untuk melakukan transformasi digital berikutnya perubahan pantas dalam persekitaran operasi pelindungan maklumat ketika berkerja dari rumah; dan memastikan persekitaran kerja yang selamat dan juga keselamatan fizikal kakitangan.
Meningkatkan Kesediaan untuk Melaksanakan Mandat – Risiko Insurans	Risiko berkaitan pandemik COVID-19 termasuklah ketidaktentuan tentang pemulihan ekonomi global dan Malaysia serta kesannya kepada orang awam, perniagaan dan industri sekiranya kesihatan ini berlanjut.
Modal Insan – Risiko Kakitangan	Pandemik COVID-19 menimbulkan risiko berkenaan semangat dan prestasi kakitangan. Dalam kalangan kakitangan mungkin ada di antara mereka sukar untuk mengurus ketidaktentuan dalam kehidupan atau mengimbangi komitmen peribadi dan profesional semasa bekerja dari rumah. Cabaran lain termasuk mengekalkan budaya kerja yang diinginkan dan semangat berpasukan di dalam organisasi dalam suasana kerja jarak jauh yang sepenuhnya.
Imej dan Reputasi Terjejas – Risiko Reputasi	Kredibiliti PIDM sebagai sebuah badan berkanun bergantung kepada kepercayaan dan keyakinan pelbagai kumpulan pemegang kepentingan, terutamanya semasa intervensi dan resolusi kegagalan. Sokongan yang secukupnya daripada pihak berkepentingan utama juga penting bagi PIDM memenuhi inisiatif korporat dan mandatnya dengan efektif. PIDM juga telah menggunakan platform alternatif untuk terus mengukuhkan hubungannya dengan pemegang kepentingan, termasuk mengutamakan media digital dan sosial untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan mereka.

Pada dasarnya, falsafah risiko PIDM tertumpu pada menjangka dan memastikan kesediaan bagi meminimumkan risiko yang mengancam perlindungan untuk simpanan konsumen kewangan di Malaysia dan kestabilan sistem kewangan.

¹ Bahagian 2C Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Antarabangsa yang disemak semula (Januari 2021) mentakrifkan modal sebagai sumber atau "stok nilai" yang meningkat, menurun atau berubah melalui aktiviti dan output sebuah organisasi. Sebagai contoh, modal kewangan organisasi meningkat apabila ia membuat keuntungan atau lebih, dan kualiti modal insannya bertambah baik apabila kakitangan menjadi lebih terlatih


PERKARA-PERKARA MATERIAL

PERKARA-PERKARA MATERIAL

MENENTUKAN PERKARA-PERKARA MATERIAL

Perkara-perkara material dipertimbangkan berdasarkan kepada perspektif pemacu nilai yang ketara, keperluan pemegang kepentingan, faktor luaran dan dalaman, prestasi semasa, risiko utama dan modal kami. Kami kemudian menilai bagaimana semua faktor ini memberi kesan kepada keupayaan kami untuk mewujudkan nilai, sama ada ia meningkatkan atau mengubah pelbagai sumber atau modal PIDM.

HUBUNG KAIT DAN PENTERJEMAHAN MODAL-MODAL KAMI UNTUK MENCAPAI MANDAT PIDM	
 Modal insan	<ul style="list-style-type: none"> Kecekapan, keupayaan dan pengalaman kakitangan
 Modal sosial dan perhubungan	<ul style="list-style-type: none"> Hubungan yang erat dalam PIDM dan juga dengan pemegang kepentingan luar Reputasi dan imej
 Modal kewangan	<ul style="list-style-type: none"> Pendapatan berkanan berupa premium dan levi yang dikumpul daripada institusi ahli dan pendapatan pelaburan dana-dana perlindungan Keupayaan membuat pinjaman bagi melaksanakan fungsi-fungsi berkanan kami
 Modal intelektual	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahuan dan kepakaran mengenai Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans Pengetahuan mengenai amalan tadbir urus korporat dalam sektor awam Pengetahuan yang diperoleh dan dikumpul menerusi inisiatif pembelajaran organisasi kami
 Modal pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Sistem dan infrastruktur untuk operasi harian serta intervensi dan resolusi kegagalan Pusat pemulihan bencana dan infrastruktur keselamatan teknologi maklumat

**Mandat**


- Mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
- Menyediakan perlindungan terhadap kehilangan deposit yang diinsuranskan di bank ahli serta manfaat takaful atau insurans daripada ahli penginsurans
- Menyediakan insentif untuk pengurusan risiko yang wajar
- Menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan

Sumber Modal Kewangan

Sumber modal kewangan utama PIDM adalah daripada premium atau levi yang dikenakan ke atas institusi ahli, dan pendapatan pelaburan daripada dana-dana. Kadar premium dan levi diputuskan oleh Menteri Kewangan atas cadangan PIDM.

Pengumpulan dana bagi sistem perlindungan PIDM dilakukan sebelum berlaku kegagalan sebarang institusi ahli (sistem *ex-ante*). Saiz dana sasaran ditentukan dengan merujuk kepada apa yang dianggap mencukupi untuk memenuhi kewajipan masa hadapan PIDM dan juga untuk menampung kos operasi dan kos berkaitan. Dana sasaran berkenaan tidak bertujuan untuk menanggung semua deposit atau liabiliti insurans atau takaful yang dilindungi. Ini adalah untuk mengelakkan PIDM memegang dana-dana yang tidak diperlukan dan boleh digunakan oleh industri untuk memberikan pinjaman atau tujuan perniagaan yang lain. Ini bermakna, untuk membolehkan PIDM melaksanakan tanggungjawabnya dengan segera semasa intervensi atau resolusi kegagalan, kami mestilah mempunyai akses segera kepada pendanaan kecairan, sekiranya terdapat kekurangan dalam pembiayaan dalaman.

Pada tahun 2021, lebihan terkumpul, tahap sasaran dan masa capaian dana bagi dana-dana Sistem Insurans Deposit dan Sistem Manfaat Takaful dan Insurans digambarkan dalam carta di bawah. Walaupun tahap sasaran bagi dana perlindungan insurans am telah dicapai pada tahun 2015, PIDM dijangka akan mencapai jajaran tahap rendah semasa dana sasaran yang lain untuk dana-dana Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Rujuk Nota 12¹² penyata kewangan untuk butiran dana masing-masing.



Modal Kewangan dan Modal Perhubungan Membentuk Modal Intelektual, dan Modal-Modal Lain bagi Mewujudkan Nilai

Sebahagian besar kos operasi PIDM adalah berkait dengan modal insan. Model ‘nilai’ atau urusan operasi kami sangat bergantung kepada aset tidak ketara (modal intelektual, serta modal sosial dan perhubungan). Oleh itu, nilai PIDM bergantung kepada kakitangan kami. Hanya dengan memiliki tenaga kerja yang sesuai, PIDM dapat memanfaatkan nilai pengetahuan aset tidak ketara dan membangunkan modal sosial dan perhubungan yang diperlukan untuk melaksanakan mandat dengan jayanya.

Pengetahuan yang melibatkan pengalaman, penyelidikan dan pembelajaran, merupakan modal utama PIDM. Pengetahuan tidak akan dapat menjadi aset yang berharga, kecuali PIDM terus membangunkan modal intelektual kami.

Sebagai sebahagian daripada jaringan keselamatan kewangan, PIDM juga perlu membina hubungan yang relevan untuk mengurus sumber kewangan dan keperluan kecairan kami dengan jayanya semasa intervensi dan resolusi kegagalan. Modal sosial dan perhubungan (reputasi dan imej) juga penting untuk mendapatkan kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap PIDM dan juga dalam usahanya untuk menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dengan efektif. Ini bukan sahaja bergantung kepada kecekapan kakitangan kami, tetapi juga ditentukan oleh struktur tadbir urus, etika dan tingkah laku dalaman, serta komunikasi dan perhubungan awam yang sesuai.

Modal pembangunan seperti infrastruktur teknologi maklumat PIDM adalah penting untuk keberkesaan dan kecekapan operasi. Pada masa hadapan, rancangan PIDM merangkumi pelan transformasi digital untuk membantu kami mengurus dan menggunakan data dan maklumat yang dikumpul (contohnya daripada institusi ahli, Bank Negara Malaysia (BNM) dan pihak berkuasa resolusi lain) serta menjalankan lebih banyak penyelidikan, khususnya mengenai data dan maklumat yang boleh dianalisis dan digunakan oleh PIDM dan pihak lain, dengan tujuan untuk memudahkan pewujudan nilai untuk masyarakat.

PERKARA-PERKARA MATERIAL

PERKARA-PERKARA MATERIAL

PERKARA-PERKARA MATERIAL

Seperti yang dinyatakan di atas, perkara-perkara material termasuk kebimbangan yang berkaitan dengan beberapa risiko yang diterangkan di bahagian sebelum ini. Perkara-perkara material dibincangkan mengikut urutan keutamaan, dengan mengambil kira kesannya terhadap keupayaan PIDM untuk melaksanakan fungsi berkanunnya.

Modal

 Modal insan	 Modal sosial dan perhubungan	 Modal kewangan	 Modal intelektual	 Modal pembangunan
---	--	--	---	---

PERKARA MATERIAL	DEFINISI	PEMEGANG KEPENTINGAN / MODAL YANG TERLIBAT / RISIKO UTAMA	STRATEGI
Kesediaan	<p>Mencapai tahap kesediaan yang tinggi untuk membolehkan PIDM memenuhi mandatnya dengan efektif dan cekap, dari perspektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • rangka kerja perundangan, sistem dan proses; • kecekapan dan kemampuan kakitangan; • koordinasi dan kerjasama dalam kalangan ahli jaringan keselamatan kewangan; dan • pendanaan. 	Pemegang kepentingan <ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan • BNM • Orang awam • Rakan strategik Modal  Risiko utama <ul style="list-style-type: none"> • Risiko insurans • Risiko kakitangan • Risiko reputasi • Risiko operasi 	<p>Memastikan protokol dan pengaturan diwujudkan dalam kalangan ahli utama jaringan keselamatan kewangan dan rakan kongsi strategik untuk meningkatkan koordinasi, dan meneruskan latihan simulasi serta menguji pelbagai aspek pelan luar jangka PIDM.</p> <p>Memastikan penajaran kakitangan, proses dan sistem terhadap perubahan landskap industri – transformasi digital.</p>
	<p>Berkaitan dengan persediaan, perancangan resolusi merujuk kepada “sebuah pelan yang bertujuan memudahkan cara penggunaan Kuasa Resolusi secara efektif oleh Pihak Berkuasa Resolusi bagi membolehkan resolusi dilaksanakan ke atas mananya institusi kewangan tanpa mengakibatkan gangguan sistemik ... sambil melindungi fungsi sistemik yang penting.”²</p>	Pemegang kepentingan <ul style="list-style-type: none"> • Industri • BNM • Konsumen kewangan institusi ahli • Rakan sejawat antarabangsa • Kakitangan • Pemegang saham dan kreditor institusi ahli Modal  Risiko utama <ul style="list-style-type: none"> • Risiko insurans • Risiko kakitangan • Risiko reputasi 	<p>Penglibatan awal dan sokongan daripada pihak berkepentingan berkaitan.</p>

PERKARA MATERIAL	DEFINISI	PEMEGANG KEPENTINGAN / MODAL YANG TERLIBAT / RISIKO UTAMA	STRATEGI	
	<p>Kesedaran, kepercayaan dan keyakinan orang awam serta komunikasi ketika krisis</p>	<p>Mencapai kesedaran, kefahaman dan kepercayaan orang awam supaya wujudnya keyakinan terhadap kestabilan sistem kewangan dalam kalangan pendeposit dan konsumen kewangan lain. PIDM juga perlu mempunyai kredibiliti yang mencukupi untuk menenangkan orang awam dalam keadaan ketidaktentuan.</p> <p>Mempunyai rancangan luar jangka supaya PIDM sentiasa bersedia untuk berkomunikasi dengan efektif ketika krisis untuk mengelak atau mengurangkan risiko.</p>	Modal  Risiko utama <ul style="list-style-type: none"> • Risiko reputasi • Risiko insurans 	<p>Bekerjasama dengan rakan strategik untuk meningkatkan visibiliti dan kefahaman dalam kalangan orang awam dan pemegang kepentingan yang disasarkan untuk mengukuh reputasi dan kredibiliti serta persediaan untuk komunikasi ketika krisis.</p>
	<p>Kepemimpinan, penglibatan dan pembangunan kakitangan</p>	<p>Komitmen terhadap penglibatan kakitangan, perancangan penggantian dan pembangunan kemahiran untuk keperluan semasa dan masa hadapan.</p>	Modal  Risiko utama <ul style="list-style-type: none"> • Risiko kakitangan • Risiko operasi 	<p>Memastikan strategi dan pelan modal insan sejajar dengan hala tuju strategik, objektif korporat dan keperluan PIDM.</p> <p>Memastikan penglibatan kakitangan yang berterusan dan juga pengurusan kebajikan mereka.</p>
	<p>Tadbir urus korporat</p>	<p>Komitmen terhadap ketelusan, akauntabiliti dan integriti, serta memastikan pengurusan strategik dan amalan pengurusan yang berhemat.</p>	Modal  Risiko utama <ul style="list-style-type: none"> • Risiko operasi • Risiko reputasi 	<p>Memastikan kakitangan, proses dan sistem sejajar dengan perubahan landskap industri – transformasi digital.</p> <p>Menerima pakai amalan terbaik dalam pengurusan Memastikan pengurusan data dan pengetahuan yang teratur, memanfaatkan teknologi sambil memastikan keselamatan siber dan teknologi maklumat.</p>

Melangkah ke hadapan, risiko utama juga telah diselaraskan dengan inisiatif rancangan korporat bagi tempoh perancangan 2022 - 2024. Maklumat lanjut boleh didapati di www.pidm.gov.my.

² Definisi International Association of Deposit Insurers di www.iadi.org

PRESTASI

PRESTASI

Pada tahun 2021, ketidaktentuan yang berterusan menjurus kami untuk meningkatkan lagi kesediaan dalam memastikan ketangkasan bagi mendepani sebarang cabaran. Pandemik COVID-19 telah mengubah cara kami bekerja serta merupakan pemungkinan dalam pelaksanaan agenda transformasi digital kami. PIDM meneruskan pelaksanaan pengaturan kerja jarak jauh bagi memastikan kesejahteraan kakitangannya. Dengan memanfaatkan infrastruktur dan juga teknologi yang ada serta pengajaran daripada pandemik COVID-19, ia membolehkan kami meneruskan operasi secara efektif dan dapat memenuhi keperluan pemegang kepentingan utama kami.

Langkah-langkah pemulihan kewangan yang dilaksanakan pada tahun 2020 bagi meringankan beban kawal selia, iaitu pengurangan 50% dalam premium tahunan dan kadar levi, serta jumlah minimum premium dan levi tahunan telah dilanjutkan bagi tahun taksiran 2021. Keadaan ekonomi yang dijangka pulih pada masa depan secara amnya membawa prospek positif bagi institusi ahli PIDM. Namun demikian, PIDM sentiasa berwaspada terhadap risiko akibat daripada impak susulan pandemik, dan akan terus memantau perkembangan ekonomi dan pasaran kewangan, selain meneliti impak kegagalan terhadap institusi ahli kami, termasuklah dalam senario paling buruk (*worst case scenario*).

2021 – Tangkas Mendepani Cabaran

PIDM telah melaksanakan tugas kawal selia secara konsisten melalui strategi yang diperincikan dalam rancangan korporat tahunannya. Bahagian ini menghuraikan pencapaian kami pada tahun 2021, berdasarkan Ringkasan Rancangan Korporat 2021 - 2023 yang bertemakan “Tangkas Mendepani Cabaran”. Selain mengekalkan hala tuju strategik jangka panjang dan peranan kami sebagai pihak berkuasa resolusi, objektif strategik kami pada tahun 2021 juga mengambil kira impak akibat daripada pandemik COVID-19 untuk memastikan PIDM mempunyai daya tahan yang lebih kukuh dan ketangkasan yang lebih tinggi. Berdasarkan objektif strategik kami, bidang keputusan utama (*key result area - KRA*) dan inisiatif korporat dalam Rancangan Korporat 2021 - 2023 kami adalah seperti berikut:

Sasaran dicapai; inisiatif disempurnakan

Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan / atau dalam lingkungan bajet

Objektif Strategik	Inisiatif Korporat (Rujuk halaman seterusnya untuk maklumat lanjut)	Sasaran 2021	Status
Kesediaan Resolusi	KRA 1: Persediaan mendepani krisis <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan persediaan PIDM mendepani krisis dengan pelaksanaan program berdasarkan risiko berbilang tahun yang mengenal pasti dan mengutamakan aktiviti ujian dan latihan berkala. 	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan latihan simulasi luaran dan dalam, termasuk simulasi komunikasi ketika krisis antara agensi dengan Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM). 	
	KRA 2: Penilaian premium dan levi, serta pelan resolusi bagi institusi ahli <ul style="list-style-type: none"> Meneruskan program perancangan resolusi dengan bank rintis dan menambah baik garis panduan perancangan resolusi. Mengkaji semula dan mempertingkatkan rangka kerja sistem premium dan levi berbeza. 	<ul style="list-style-type: none"> Menyempurnakan program rintis perancangan resolusi, mengerakkan hubungan dengan pihak berkuasa antarabangsa dan membangunkan rancangan untuk penubuhan <i>resolution focus group</i>. Menjalankan perundingan industri mengenai rangka kerja Sistem Premium Berbeza. 	
	KRA 3: Kesediaan pembayaran balik <ul style="list-style-type: none"> Meneruskan pembangunan platform pembayaran elektronik bagi membolehkan pembayaran deposit yang diinsuranskan PIDM dibuat secara elektronik tanpa penglibatan aktif pendeposit. 	<ul style="list-style-type: none"> Menyempurnakan integrasi sistem pembayaran balik kepada Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata PayNet, mengautomasikan prosedur permintaan pasca pembayaran, dan meneliti perkembangan platform pembayaran elektronik. 	

Objektif Strategik	Inisiatif Korporat (Rujuk halaman seterusnya untuk maklumat lanjut)	Sasaran 2021	Status
Kepercayaan dan Keyakinan terhadap PIDM	KRA 4: Kesedaran, kepercayaan dan keyakinan orang awam <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan inisiatif kesedaran awam melalui pelbagai medium, termasuk kempen daya tahan kewangan untuk orang awam, serta kolaborasi dengan Jaringan Pendidikan Kewangan dan rakan kongsi strategik lain. 	KRA 5: Visibiliti dan reputasi <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan visibiliti dan reputasi PIDM dalam kalangan pemegang kepentingan yang relevan melalui kandungan yang sesuai. Meneruskan penglibatan pemegang kepentingan utama dalam persediaan mendepani krisis dan resolusi institusi kewangan, melalui pelbagai saluran. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengekalkan indeks kesedaran awam PIDM sekurang-kurangnya pada 65%. Menggalakkan daya tahan dan literasi kewangan yang disasarkan kepada golongan milenial.
Keupayaan Organisasi	KRA 6: Keselamatan dan kecekapan operasi <ul style="list-style-type: none"> Memajukan PIDM dan terus membangunkan keupayaan organisasi 	KRA 7: Tenaga kerja yang produktif, tangkas dan mampan <ul style="list-style-type: none"> Meneruskan pemantauan dan meningkatkan keselamatan siber dan infrastruktur serta memperoleh pensijilan Information Security Management Systems (ISMS) ISO/IEC 27001. Membangunkan dan melaksanakan pelan hala tuju transformasi digital dan meneruskan usaha untuk meningkatkan program pengumpulan data dan kemampuan visualisasi dan menganalisis data. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan sesi keterlibatan dengan pemegang kepentingan utama mengenai persediaan mendepani krisis dan resolusi, membangun dan menerbitkan kajian kes resolusi, kertas penyelidikan mengenai teknologi kewangan (<i>Fintech</i>) dan kajian tingkah laku. Meletakkan PIDM dalam kalangan kumpulan pemegang kepentingan utama melalui kerjasama dalam pembangunan kandungan, pemasaran dan penajaan.

PRESTASI

PRESTASI


Pencapaian Utama Tahun 2021

Berikut adalah laporan tentang pencapaian kami pada tahun 2021 berbanding tiga objektif strategik dan bidang keputusan utama.

- KRA 1** Persediaan mendepani krisis
- KRA 2** Penilaian premium dan levi, serta pelan resolusi bagi institusi ahli
- KRA 3** Kesediaan pembayaran balik
- KRA 4** Kesedaran, kepercayaan dan keyakinan orang awam
- KRA 5** Visibiliti dan reputasi
- KRA 6** Keselamatan dan kecekapan operasi
- KRA 7** Tenaga kerja yang produktif, tangkas dan mampan

KRA 1: Persediaan mendepani krisis

Koordinasi antara agensi dipertingkatkan. Pada tahun 2021, kami telah mempertingkatkan lagi koordinasi dan kerjasama antara agensi bagi pengurusan krisis. Kami telah menubuhkan Jawatankuasa Antara Agensi yang terdiri daripada wakil pegawai kanan Kementerian Kewangan, BNM dan PIDM, bagi perbincangan pelan strategik dan menetapkan hala tuju strategik untuk latihan simulasi tiga pihak. Jawatankuasa Antara Agensi dibantu oleh Kumpulan Kerja Simulasi Antara Agensi di peringkat kerja untuk menyediakan butiran taktikal dan operasi latihan simulasi. Dengan kerjasama agensi-agensi ini, kami telah melengkapkan empat latihan simulasi antara agensi (dua pihak dan tiga pihak) dan empat sesi perkongsian pengetahuan dengan tumpuan kepada komunikasi ketika krisis.



Menyempurnakan latihan simulasi yang dirancang. Kami telah meneruskan pelaksanaan latihan simulasi tahunan di mana kami telah menyempurnakan latihan simulasi yang dirancang bagi resolusi sebuah institusi perbankan Islam, peristiwa kebocoran data dan kes COVID-19 di pejabat. Kami juga telah menjalankan perkongsian dalaman tentang pengalaman mengendalikan komunikasi ketika krisis dari sudut pandangan pengawal selia dan perspektif firma perhubungan awam. Pengajaran daripada latihan simulasi ini akan digunakan untuk menambah baik dasar dan prosedur dalaman kami. Berkeraan dengan latihan simulasi krisis serantau Financial Stability Institute, perbincangan dan persediaan sedang dijalankan untuk latihan simulasi yang dijadualkan pada tahun 2022.

OBJEKTIF STRATEGIK: KESEDIAAN RESOLUSI | PENCAPAIAN UTAMA

KRA 2: Penilaian premium dan levi, serta pelan resolusi bagi institusi ahli

Memuktamadkan program rintis perancangan resolusi. Kami telah memuktamadkan program rintis perancangan resolusi yang menguji kewajaran draf keperluan perancangan resolusi. Penambahbaikan akan dibuat terhadap garis panduan perancangan resolusi berdasarkan maklum balas daripada bank rintis.

Memeterai Memorandum Persefahaman dengan MAS. Pada bulan November 2021, kami telah memeterai Memorandum Persefahaman dengan Monetary Authority of Singapore (MAS). Memorandum Persefahaman ini bertujuan untuk memudahkan pertukaran maklumat dan pengaturan kerjasama berkaitan perancangan resolusi dan pengurusan krisis yang melibatkan institusi kewangan di bawah kuasa PIDM di Malaysia dan MAS di Singapura.

Mengadakan perundingan industri bagi penambahbaikan Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza. Sebagai sebahagian daripada kajian semula Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza, kami telah mencadangkan penambahbaikan yang dijangka dapat meneruskan amalan pengurusan risiko yang wajar dalam sistem perbankan dan pada masa yang sama menyediakan insentif ke arah kebolehselesaian (*resolvability*). Tindakan ini adalah sejajar dengan mandat PIDM sebagai pihak berkuasa resolusi untuk institusi ahli kami. Ciri utama yang dicadangkan adalah penilaian bank ahli berdasarkan dua kriteria iaitu, keselamatan dan kekuuhan, dan bertumpuan resolusi. Kami telah mengadakan perundingan industri dan maklum balas yang diterima akan dikaji semula dan dipertimbangkan.

KRA 3: Kesediaan pembayaran balik

Menambah baik keupayaan pembayaran balik secara berterusan. Kami terus menambah baik proses pembayaran balik dengan memanfaatkan teknologi untuk melaksanakan pembayaran balik deposit secara elektronik sekiranya berlaku pembubaran bank tanpa memerlukan penglibatan aktif pendeposit dalam transaksi tersebut.

Pada tahun 2021, kami telah membangunkan dan menyempurnakan integrasi infrastruktur pembayaran elektronik bagi tujuan pembayaran balik deposit. Selain itu, kami juga telah mula menambah baik proses kami untuk memastikan pengurusan permintaan pendeposit yang teratur ketika proses pembayaran balik.

ULASAN KEWANGAN

Pemacu kos utama

- Kajian semula dan latihan simulasi pengurusan krisis termasuk latihan simulasi antara agensi
- Program pembangunan kapasiti termasuk latihan dan sesi perkongsian pengetahuan
- Bengkel kerja dan sesi pendidikan untuk pelancaran perancangan resolusi kepada industri
- Pembangunan platform pembayaran elektronik dan integrasi kepada sistem pembayaran balik



MELANGKAH KE HADAPAN

Dalam tempoh perancangan seterusnya, kesediaan resolusi kekal sebagai keutamaan kami dan akan menjadi teras pencapaian kami.

Rujuk bahagian Strategi untuk tinjauan rancangan kami di masa depan.

PRESTASI

OBJETIF STRATEGIK: KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN TERHADAP PIDM | PENCAPAIAN UTAMA

KRA 4: Kesedaran, kepercayaan dan keyakinan orang awam

Mencatat tahap tertinggi dalam indeks kesedaran awam PIDM. Bagi mengukur tahap kesedaran orang awam terhadap PIDM dan sistem perlindungan konsumen kewangan kami, tinjauan tahunan kesedaran orang awam telah dijalankan di seluruh negara melalui sebuah agensi penyelidikan bebas. Pada tahun 2021, tahap kesedaran orang awam terhadap PIDM adalah sebanyak 81% (2020: 72%), pencapaian tertinggi yang dicatat setakat ini melalui tinjauan secara hibrid, iaitu gabungan tinjauan dalam talian (70%) dan temu bual bersempena (30%), melibatkan 1,003 responden di seluruh Malaysia.

Manfaatkan media digital dan sosial secara berterusan. Dalam usaha mengekalkan tahap kesedaran awam terhadap PIDM, kami telah memanfaatkan media digital dan sosial sebagai saluran yang utama.

- Kami telah melancarkan bahan pengiklanan baharu tentang Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dalam format animasi untuk mendidik orang awam tentang sistem perlindungan PIDM. Bahan pengiklanan baharu ini lebih fokus kepada konsep bahawa PIDM akan memastikan pendeposit mendapat akses berterusan kepada simpanan mereka di bank dan perlindungan berterusan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli. Bahan pengiklanan baharu ini menarik tontonan terkumpul sejumlah 4.5 juta di YouTube dan Facebook.
- Kami juga telah menyiaran *jingle* PIDM di stesen radio popular untuk terus meningkatkan kesedaran orang awam tentang PIDM dan sistem perlindungannya.



Kejayaan pelancaran kempen daya tahan kewangan – #SediaPayungKewangan. Kempen #SediaPayungKewangan (#SPK) yang disasarkan kepada golongan milenial telah dijalankan dari bulan Mei hingga Oktober 2021, bersempena Bulan Literasi Kewangan yang dianjurkan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan.

- Chief BerUang – ikon pengurusan kewangan yang baik PIDM telah diperkenalkan dalam tiga siri video animasi “Borak Bersama Chief BerUang” yang memperoleh 3.9 juta tontonan terkumpul di Facebook dan YouTube. Kempen ini berjaya memenangi Anugerah Gangsa “Excellence in Public Sector / Non-Profit Marketing” di Marketing Excellence Awards 2021 yang dianjurkan oleh Marketing Interactive.
- Laman mikro kempen #SPK – laman bermaklumat yang menyediakan kalkulator belanjawan, semakan skor kredit, artikel dan video berkaitan literasi kewangan.
- Webinar #SPK – lima sesi perbincangan secara langsung bersama selebriti tempatan dan atlet Olimpik yang berkongsi pengalaman pengurusan kewangan peribadi mereka.
- Cabaran FinFit PIDM – cabaran dan kuiz harian berkaitan pengurusan kewangan dalam kumpulan komuniti Facebook untuk memupuk tabiat wang yang baik dengan sokongan rakan sebaya yang sealiran.

Rujuk Bahagian I: Perlindungan PIDM Bagi Konsumen Kewangan [🔗](#) untuk artikel mengenai kempen #SPK.



KRA 5: Visibiliti dan reputasi

Menyempurnakan kajian tingkah laku tentang simpanan dan insurans. Kami telah menyempurnakan dua kajian tingkah laku tentang simpanan dan insurans dengan kerjasama rakan kongsi penyelidikan. Melalui kajian ini kami dapat memahami tingkah laku untuk mengenal pasti jalan penyelesaian efektif yang boleh digunakan untuk meningkatkan daya tahan konsumen kewangan Malaysia. Kajian ini telah dijalankan melalui tinjauan dalam talian dan eksperimen tingkah laku melibatkan kira-kira 2,500 rakyat Malaysia. Hasil dan cadangan kajian ini telah dibincangkan oleh Panel Penasihat Penyelidikan dan dikongsikan dalam Perbincangan Panel Maya Komuniti Amalan Jaringan Pendidikan Kewangan pada bulan Oktober 2021 untuk menggalakkan lebih banyak kajian pelbagai disiplin dan tingkah laku dalam bidang literasi kewangan. Kami telah menganjurkan Komuniti Amalan Jaringan Pendidikan Kewangan bersama dengan BNM, buat julung kali sempena Bulan Literasi Kewangan.



Panel Penasihat Penyelidikan Literasi Kewangan berfungsi sebagai panel pakar penyelidikan gunaan dalam bidang literasi kewangan di Malaysia. Ia bertujuan untuk mengumpul, berkongsi dan memberi input kepada kajian dan penyelidikan oleh organisasi ahli.


Meningkatkan visibiliti PIDM dalam kalangan pemegang kepentingan di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2021, kami telah menganjurkan persidangan antarabangsa, 19th International Association of Deposit Insurers Asia-Pacific Regional Committee bertemakan “COVID-19 Legacy and Beyond: Building Operational Resilience and Recalibrating the Role of Deposit Insurance”, yang dihadiri oleh 250 peserta daripada 17 ahli Asia-Pacific Regional Committee. Persidangan ini diikuti dengan Mesyuarat Agung Tahunan dan Dialog Ketua Pegawai Eksekutif.

Sepanjang tahun 2021, kami juga telah menjadi pengajur bersama untuk tiga webinar dan membuat penyampaian mengenai resolusi bank bermasalah, risiko berkaitan iklim, teknologi kewangan untuk penginsurans deposit, dan menangani pinjaman tidak berbayar ketika pandemik COVID-19.

ULASAN KEWANGAN

Pemacu kos utama

- Kempen daya tahan kewangan – #SediaPayungKewangan
- Aktiviti pengiklanan bertumpukan kepada media sosial dan ruang digital
- Dialog, webinar, bengkel kerja dan persidangan antarabangsa



MELANGKAH KE HADAPAN

Dalam tempoh perancangan seterusnya, kepercayaan pemegang kepentingan merupakan faktor utama kejayaan PIDM dan kami beraspirasikan untuk beralih daripada kesedaran asas kepada kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap PIDM dan reputasinya.

Rujuk bahagian Strategi [🔗](#) untuk tinjauan rancangan kami di masa depan.

OBJEKTIF STRATEGIK: KEUPAYAAN ORGANISASI | PENCAPAIAN UTAMA

KRA 6: Keselamatan dan kecekapan operasi

Memperoleh pensijilan ISO/IEC 27001:2013. PIDM telah menerima pakai ISO/IEC 27001:2013 dalam operasi keselamatan maklumat dan pusat datanya di samping memperolehi pensijilan ISMS pada tahun 2021 di mana kami telah mengkaji dan menyelaraskan semula amalan pengurusan risiko keselamatan maklumat. Pendekatan ini telah membantu PIDM membuat penambahbaikan efektif dan menyeluruh.


Selain itu, penubuhan Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pengurusan Keselamatan Maklumat juga turut mengukuhkan fungsi tadbir urus dan pengawasan keselamatan maklumat PIDM. Ini adalah penting bagi memastikan kami dapat memenuhi objektif daya tahan keselamatan siber dan dapat menyokong aspirasi kami untuk mencapai tahap kematangan keselamatan siber yang dingini menjelang tahun 2023 dan seterusnya meningkatkan lagi kepercayaan dan keyakinan dalam kalangan pemegang kepentingan yang relevan.



Membangunkan pelan hala tuju transformasi digital PIDM. Pada tahun 2021, kami telah memulakan agenda transformasi digital dan membangunkan pelan hala tuju yang menggariskan visi dan matlamat pendigitalan kami. Pelan hala tuju ini menetapkan dua fokus strategik iaitu kecekapan berterusan dan inovasi, sebagai pemasu utama ke arah kesediaan digital.

Dalam membangunkan pelan hala tuju ini, kami mengamalkan pendekatan menyeluruh untuk memahami keperluan dalaman dan menghubungkan transformasi ini dengan mandat dan visi PIDM, serta menanda aras terhadap landskap tempatan dan global. Aktiviti keterlibatan dengan pengurusan kanan dan kakitangan telah dilaksanakan dengan objektif untuk mengumpul maklumat bagi mengenal pasti aliran maklumat antara bahagian dan kebergantungan serta cabaran dan matlamat masa depan dari segi data, proses, infrastruktur dan budaya.

Pelan terperinci akan dibangunkan untuk pelaksanaan secara berperingkat dalam tahun-tahun berikutnya.



KRA 7: Tenaga kerja yang produktif, tangkas dan mampu

Melaksanakan program pengurusan tenaga kerja berbilang tahun bagi tujuan pembangunan tenaga kerja. Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk membangunkan barisan pelapis pemimpin dan tenaga kerja teknikal, kami telah melaksanakan langkah-langkah berikut bagi tujuan pengurusan dan pembangunan tenaga kerja.


- Pada tahun 2021, kami telah melaksanakan Resolution Trainee Programme. Lima calon yang dipilih daripada 244 pemohon telah menyertai PIDM pada 1 Julai 2021 sebagai *resolution trainee*. Mereka bertugas di Bahagian Penilaian Risiko dan Resolusi untuk tempoh dua tahun di mana mereka akan menjalani program latihan berstruktur yang meliputi latihan teknikal dan kemahiran insaniah. Mereka boleh diambil sebagai penganalisis tetap selepas menamatkan program ini.
- Beberapa kakitangan telah dipinjamkan kepada rakan kongsi strategik pada tahun 2020 untuk menyokong dan menyumbang kepada operasi mereka, membina rangkaian kerja serta menimba pengalaman. Mereka telah kembali ke PIDM dengan membawa pengalaman dan peluang pembelajaran yang berharga.
- Bagi meningkatkan keupayaan kepimpinan dan penglibatan, sesi latihan bagi pengurusan kanan telah disempurnakan seperti yang dirancang.

Memastikan pembangunan dan kesejahteraan kakitangan. Berikutan pandemik COVID-19 dan lanjutan tempoh pengaturan kerja jarak jauh, kami menitikberatkan kesejahteraan kakitangan, latihan dan pembangunan mereka. Selaras dengan persekitaran kerja norma baru, kami telah melancarkan platform pembelajaran secara maya yang dikenali sebagai Great2Learn bagi semua kakitangan. Platform ini membolehkan kakitangan untuk belajar secara dalam talian dan mengikut ketentuan masa mereka sendiri. Kami juga meneruskan sesi keterlibatan kakitangan dan program kesejahteraan kesihatan secara maya termasuk sesi *town hall* setiap suku tahun, sesi bulanan PIDM Talk, ceramah kesihatan fizikal, nasihat pakar psikologi klinikal, cabaran langkah fizikal, dan aktiviti anjuran Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan PIDM.

ULASAN KEWANGAN

Pemasu kos utama

- Infrastruktur pertahanan dan keselamatan siber
- Pelan hala tuju transformasi digital
- Penambahan tenaga kerja sebagai pelapis dan peningkatan kapasiti khususnya bagi fungsi resolusi
- Inisiatif pengurusan tenaga kerja termasuk pembangunan platform pembelajaran maya



* Perbelanjaan berkaitan merupakan sebahagian daripada perbelanjaan operasi dan pentadbiran

MELANGKAH KE HADAPAN

Bagi tempoh perancangan seterusnya, kami akan terus meningkatkan keupayaan organisasi dalam pelbagai aspek iaitu tenaga kerja, proses dan teknologi. Ketiga-tiga aspek ini merupakan peneraju utama untuk menjadikan PIDM sebuah organisasi yang tangkas dan bersedia untuk masa depan.

Rujuk bahagian Strategi [Strategi](#) untuk tinjauan rancangan kami di masa depan.

PRESTASI

PRESTASI

ULASAN KEWANGAN

Ringkasan Prestasi Kewangan



Sekilas Pandang



Meskipun terus berdepan dengan cabaran pandemik, PIDM masih dapat melaksanakan kebanyakan inisiatif utamanya seperti yang dirancang. Berikutnya kemunculan semula jangkitan COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan pada tahun 2021, beberapa inisiatif telah diubah semula keutamaannya. Secara keseluruhannya, perbelanjaan tahunan kami kekal stabil dengan amalan pengurusan kewangan yang berhemat serta pengoptimuman sumber sedia ada.

Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan adalah 6.3% lebih rendah berbanding bajet disebabkan terutamanya oleh pendapatan pelaburan yang lebih rendah diimbangi dengan perbelanjaan operasi yang lebih rendah. Dengan lebih terkumpul sepanjang tahun, Dana Perlindungan PIDM pada 31 Disember 2021 berjumlah RM5.2 bilion.

Pendapatan

Pada tahun 2021, kami telah melanjutkan pelaksanaan langkah-langkah pemuliharaan kewangan kepada institusi ahli kami. Jumlah pendapatan bagi tahun kewangan ini adalah sebanyak RM439.9 juta, iaitu 13% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya disebabkan oleh asas penilaian atau taksiran premium dan levi.


Pendapatan pelaburan dan pulangan bagi tahun ini adalah lebih rendah berbanding pada tahun sebelumnya, disebabkan oleh persekitaran kadar faedah rendah yang berterusan. Namun begitu, pendapatan pelaburan dan pulangan kami masih dapat menampung perbelanjaan operasi.



Hasil premium dan levi

Rangka kerja Sistem Premium dan Levi Berbeza kami menyediakan insentif kepada institusi ahli untuk mempertingkatkan amalan pengurusan risiko mereka.

Bagi tahun taksiran 2020 and 2021, PIDM telah mencatatkan jumlah kutipan premium dan levi yang lebih rendah disebabkan oleh pelaksanaan langkah-langkah pemuliharaan pengawal selia di mana kami memberikan pengurangan terhadap kadar premium dan levi yang ditaksirkan. Langkah ini bertujuan untuk meringankan beban institusi ahli, yang juga selaras dengan tindakan Kerajaan untuk menangani impak pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun kami masih menerima pakai sistem premium dan levi berbeza.





Pendapatan pelaburan dan pulangan

Falsafah pelaburan kami kekal konservatif, dengan tujuan memelihara modal dan mengekalkan kecairan aset kewangan bagi memenuhi obligasi kewangan apabila diperlukan.

Sumber utama pendapatan pelaburan dan pulangan kami diperoleh daripada sekuriti pelaburan yang terjamin iaitu Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGSII) dan juga Sekuriti Hutang Swasta dengan penarafan AAA yang diterbitkan oleh entiti berkaitan Kerajaan.

Pendapatan pelaburan bagi tahun 2021 turut terkesan dengan persekitaran kadar faedah yang rendah di mana pelaburan semula portfolio pelaburan dan pelaburan baharu daripada premium dan levi yang diterima pada tahun 2021 dilaburkan dalam sekuriti pelaburan jangka pendek pada kadar hasil rendah. Bagi tahun 2021, pendapatan pelaburan kami adalah sebanyak RM123.7 juta, iaitu RM20.7 juta atau 14.3% lebih rendah berbanding tahun sebelumnya.



PRESTASI

Pendapatan pelaburan dan pulangan terhadap perbelanjaan operasi

Sejak tahun 2018, kutipan premium dan levi daripada institusi ahli menyumbang secara langsung kepada jumlah terkumpul Dana Perlindungan. Bagi tahun taksiran 2020 dan 2021, kutipan premium dan levi PIDM berkurang sebanyak separuh selepas pengurangan 50% ke atas kadar premium dan levi yang dinilai ke atas institusi ahli di bawah pelaksanaan langkah-langkah pemuliharan kewangan. Namun begitu, pendapatan pelaburan dan pulangan bagi tahun kewangan ini masih dapat menampung perbelanjaan operasi kami.



Perbelanjaan Operasi



Pandemik COVID-19 yang berterusan tidak menghalang kami untuk beroperasi secara konsisten pada tahun 2021 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM98.4 juta, meningkat sedikit, sebanyak 3.4% berbanding RM95.2 juta pada tahun 2020. Jumlah ini adalah RM9.6 juta atau 8.9% lebih rendah daripada bajet.

Meskipun berdepan dengan cabaran, kami masih dapat meneruskan operasi harian tanpa gangguan dan juga dapat melaksanakan kebanyakan kerja dan inisiatif yang dirancang bagi tahun ini.

Perbelanjaan pengurusan modal insan

Berdasarkan kepada model operasi kami, perbelanjaan pengurusan modal insan merupakan perbelanjaan utama yang merangkumi 70% daripada jumlah perbelanjaan kami. Pada akhir tahun 2021, tenaga kerja kami meningkat kepada 176 berbanding 169 pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, kesan kos penuh bagi kakitangan baharu pada tahun 2021 hanya akan dapat dilihat sepenuhnya pada tahun 2022.


Rujuk Pencapaian Utama Tahun 2021 di bahagian ini untuk maklumat lanjut.



Perbelanjaan operasi dan pentadbiran

Perbelanjaan operasi dan pentadbiran kami kekal stabil. Secara keseluruhan, jumlahnya menurun sebanyak RM2.3 juta atau 10.5% berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh perbelanjaan susut nilai yang lebih rendah di mana lebih banyak aset yang telah disusut nilai sepenuhnya selain membuat pengutamaan semula dan pendekatan baharu untuk beberapa inisiatif pada tahun ini.


Meskipun perbelanjaan operasi secara keseluruhannya menurun, perbelanjaan berkaitan sistem teknologi maklumat dan telekomunikasi adalah lebih tinggi berikutan pelaburan dalam aplikasi sistem teknologi maklumat utama dan usaha mengukuhkan lagi keselamatan teknologi maklumat dan pertahanan siber.



Kami mencatatkan perbelanjaan operasi dan pentadbiran berjumlah RM5.7 juta atau 22.4% lebih rendah berbanding bajet, disebabkan oleh pengutamaan semula beberapa aktiviti operasi dan inisiatif berikutan pandemik COVID-19.

Perbelanjaan berkaitan inisiatif

Perbelanjaan kami juga menyokong pelaksanaan inisiatif korporat selaras dengan objektif strategik dan bidang keputusan utama kami. Secara agregat, perbelanjaan berkaitan inisiatif adalah RM3.1 juta atau 24.2% lebih rendah berbanding bajet disebabkan oleh pengutamaan semula beberapa inisiatif dan pendekatan yang lebih kos efektif untuk inisiatif tertentu berikutan pandemik.




Rujuk Pencapaian Utama Tahun 2021 di bahagian ini untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif korporat yang dilaksanakan pada tahun 2021.

PRESTASI


Perbelanjaan Pembangunan

Pada 31 Disember 2021, perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak RM3.3 juta, iaitu 56.9% daripada jumlah bajet perbelanjaan pembangunan tahun 2021 sebanyak RM5.8 juta. Perbelanjaan ini bertujuan terutamanya untuk menambah baik keupayaan kesediaan pembayaran balik PIDM dan juga membina platform Teknologi Resolusi (ResTech).¹ Kami juga telah memperkuuhkan infrastruktur pertahanan siber memandangkan risiko keselamatan siber yang semakin meningkat.




Penyata Kedudukan Kewangan

Jumlah Dana Perlindungan PIDM pada 31 Disember 2021 adalah sebanyak RM5.22 bilion, dengan aset berjumlah RM5.2 bilion dan liabiliti bersih berjumlah RM0.02 bilion.



Aset-aset kami kekal cair dengan aset kewangan terdiri daripada tunai, kesetaraan tunai, pelaburan dan aset kewangan lain. Kesemuanya berjumlah RM5.21 bilion, iaitu 99.4% daripada jumlah aset kami pada 31 Disember 2021. Baki aset bukan kewangan adalah berkaitan hartaanah dan peralatan yang bernilai RM0.02 bilion dan juga RM0.01 bilion 'aset berkaitan hak penggunaan' untuk pajakan premis pejabat dan peralatan pejabat.

Liabiliti kami pula merangkumi akaun belum bayar dan liabiliti pajakan. Akaun belum bayar terdiri daripada bayaran bagi barang dan perkhidmatan yang telah diterima oleh PIDM, serta peruntukan cuti yang tidak terambil dan peruntukan Rancangan Persaraan Jangka Panjang PIDM.



Butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota kepada Penyata Kewangan, yang boleh didapati di Bahagian IV Laporan Tahunan ini.

¹ Teknologi moden untuk aktiviti resolusi supaya lebih efisien dan dapat meningkatkan analisis strategik dan dalam membuat keputusan

DALAM PEMERHATIAN

PENGLIBATAN PIDM DALAM TREND DAN ISU-ISU GLOBAL

Pada tahun 2021, PIDM telah mengekalkan momentum penglibatannya dengan pemegang kepentingan antarabangsa secara dua hala dan pelbagai hala dalam berbagai forum. Ini termasuk International Association of Deposit Insurers (IADI), International Forum of Insurance Guarantee Schemes (IFIGS), Financial Stability Institute (FSI), Financial Stability Board (FSB), Bank Dunia, Study Group on Resolution of the Executives' Meeting of East-Asia Pacific Central Banks (EMEAP), dan South East Asian Central Banks (SEACEN) Research and Training Centre.

PIDM telah menyumbang secara aktif kepada perkembangan dasar global melalui penglibatannya dengan pemegang kepentingan antarabangsa dalam mesyuarat, persidangan dan bengkel-bengkel secara maya mengenai pelbagai topik. Kami menggalas peranan kepimpinan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kajian Teknikal bagi Jawatankuasa Serantau Asia Pasifik IADI dan sebagai Naib Pengerusi Pertama IFIGS. Kami juga merupakan ahli dalam jawatankuasa teknikal IADI berkenaan teknologi kewangan (Fintech) dan insurans deposit Islam.




Pada tahun ini, PIDM telah menganjurkan pelbagai webinar, persidangan antarabangsa dan Dialog Ketua Pegawai Eksekutif dalam kalangan penginsurans deposit di rantau Asia Pasifik.¹ Forum-forum ini membincangkan implikasi strategik COVID-19 serta trend jangka masa sederhana dan panjang seperti risiko berkaitan iklim dan Fintech ke atas sistem insurans deposit, resolusi bank serta kestabilan sistem kewangan. Penginsurans deposit, skim jaminan insurans dan pihak berkuasa resolusi telah merumuskan secara mendalam tentang strategi pengurusan baharu untuk mendepani cabaran-cabaran akan datang. PIDM juga telah menyumbang kepada kajian mengenai resolusi bank yang dikendalikan oleh institusi-institusi pelbagai hala serta

berkongsi pengalaman dengan rakan sejawat antarabangsa, antaranya, berkenaan persediaan krisis, sistem insurans deposit Islam serta ciri-ciri skim jaminan insurans.

Satu lagi dimensi utama penglibatan PIDM bertumpu kepada tema simulasi, sebagai sebahagian daripada usaha mempertingkatkan persediaan krisis dan resolusi kami. Kami menerima banyak manfaat daripada sesi perkongsian pengalaman oleh rakan sejawat antarabangsa serta institusi-institusi pelbagai hala tentang latihan-latihan simulasi dan komunikasi ketika krisis, dasar-dasar resolusi, pembayaran balik pendeposit ketika pandemik COVID-19 serta strategi organisasi berkaitan pendigitalan. Untuk memantapkan pengaturan kerjasama resolusi rentas sempadan, kami meneruskan penglibatan dengan rakan sejawat antarabangsa secara dua hala melalui kumpulan pengurusan krisis yang ditubuhkan untuk institusi-institusi ahli dan forum resolusi EMEAP, serta menandatangani memorandum persefahaman dengan Money Authority of Singapore.

Secara kolektif, inisiatif-inisiatif ini membolehkan PIDM kekal berada di barisan hadapan dalam perkembangan dasar global bagi sistem perlindungan dan resolusi institusi-institusi kewangan di samping memperoleh pengajaran yang bernilai daripada pelbagai pengalaman bidang kuasa lain dalam persediaan mendepani dan mengurus krisis. Usaha melanjutkan penglibatan PIDM di persada antarabangsa akan kekal sebagai satu keutamaan pada tahun 2022. Ini termasuklah menggalas peranan sebagai Pengerusi IFIGS, mengambil bahagian dalam latihan simulasi serantau, menujuhan resolution focus groups untuk kumpulan perbankan Malaysia yang mempunyai operasi rentas sempadan, menjalankan kajian dalam topik-topik baru muncul, serta usaha-usaha lain ke arah mencapai rejim resolusi yang efektif untuk sistem kewangan Malaysia.

¹ Persidangan antarabangsa ini dihadiri oleh 250 wakil daripada 17 bidang kuasa rantau Asia Pasifik, manakala Dialog Ketua Pegawai Eksekutif menyaksikan penyertaan kira-kira 50 pegawai kanan daripada penginsurans deposit dan pihak berkuasa resolusi di seluruh rantau Asia Pasifik

Penglibatan PIDM dalam Acara Antarabangsa pada Tahun 2021²² Layari www.pidm.gov.my untuk butiran lanjut mengenai acara ini

BAHAGIAN


MARA KE
HADAPAN

Strategi ☈

*Dalam Fokus: Keselamatan Siber – Memacu Masa Depan dengan Perlindungan Proaktif ☈**Ulasan: Ke Arah Kemampunan – Suatu Peralihan ☈*

STRATEGI

STRATEGI



Berikut adalah tinjauan strategi PIDM sejak penubuhan.



¹ Rujuk bahagian Prestasi untuk butiran lanjut mengenai strategi bagi tahun 2021 dan bidang keputusan utama


STRATEGI

Tumpuan Strategik 2022 - 2024 | Mendepani Cabaran, Menerajui Masa Depan

Sebagai sebahagian daripada perancangan tahun 2022 - 2024, kami akan meningkatkan lagi kesediaan kami untuk mendepani sebarang cabaran. Di samping inisiatif yang sedang dilaksanakan pada tahun 2021, perancangan kami juga mengambil kira keutamaan baharu selaras dengan anjakan strategik masa depan. Dalam persekitaran yang tidak menentu ini, PIDM telah mengekalkan tumpuan kepada usaha semasa iaitu memperkuuh keyakinan konsumen kewangan di Malaysia dan menggalakkan ketabilan sistem kewangan bagi memastikan kami sentiasa bersedia untuk melaksanakan resolusi, di samping menyokong pemulihran ekonomi. Menyedari bahawa sistem kewangan semasa mengalami perubahan pesat dari segi bentuk dan strukturnya, PIDM akan memastikan pertimbangan dibuat terhadap impak inovasi kewangan dan digital, serta risiko berkaitan yang boleh menjelaskan pencapaian mandat kami, selain meneruskan usaha untuk memodenkan lagi operasi dan sumber bagi masa depan.

Rancangan Korporat 2022 - 2024 bertemakan "Mendepani Cabaran, Menerajui Masa Depan" berteraskan tiga tonggak strategik iaitu Kesediaan Resolusi, Kepercayaan Pemegang Kepentingan dan Keupayaan Organisasi. Tiga tonggak strategik ini mengambil kira kebanyakan inisiatif PIDM yang sedang dilaksanakan dan keutamaan baharu selaras dengan anjakan strategik masa depan. Sehubungan itu, perbelanjaan adalah perlu agar ketangkasan dan kesediaan PIDM dapat dikekalkan, baik pada masa kini mahupun pada masa depan. Rancangan kewangan yang dibangunkan adalah untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dengan kemahiran baharu dan lebih khusus, menyokong inisiatif transformasi baharu, selain meneruskan inisiatif yang sedia ada.

Berikut adalah tinjauan strategi PIDM bagi tempoh perancangan 2022 - 2024.



Rujuk Ringkasan Rancangan Korporat 2022 - 2024 di www.pidm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DALAM FOKUS

KESELAMATAN SIBER –
MEMACU MASA DEPAN DENGAN
PERLINDUNGAN PROAKTIF

Pandemik COVID-19 telah menjadi pemangkin kepada fasa transformasi digital perniagaan dan organisasi di selera dunia termasuk industri kewangan. Namun begitu, kepesatan penggunaan teknologi digital juga turut mengundang peningkatan kes-kes serangan siber dan pelanggaran keselamatan siber. Baru-baru ini, satu tinjauan telah mendedahkan bahawa 81% organisasi global telah terkesan dengan peningkatan ancaman siber semasa pandemik.¹ Penemuan ini mengetengahkan kelemahan infrastruktur siber moden dan kepentingan keselamatan siber sebagai unsur pelengkap bagi strategi transformasi digital sesebuah organisasi.

SISTEM KAMI – DISAHKAN, DIUJI DAN
DITADBIR URUS DENGAN BAIK

Ketika kami mulakan transformasi digital di PIDM, kami menyedari keperluan segera untuk mengutamakan dan memantapkan seni bina keselamatan siber. Sebagai tanda komitmen kami untuk terus menambah baik posisi keselamatan siber serta melindungi maklumat dan data yang sensitif, kami telah memperoleh pensijilan Information Security Management Systems (ISMS) - ISO/IEC 27001:2013² pada tahun 2021. Sistem pengurusan yang digunakan ini membolehkan kami untuk mengkaji dan menyelaraskan semula amalan pengurusan risiko keselamatan maklumat. Pendekatan ini telah membantu PIDM membuat penambahbaikan efektif dan menyeluruh.



¹ Tinjauan oleh McAfee Enterprise and FireEye "Cybercrime in a Pandemic World: The Impact of COVID-19", November 2021

² Proses dan amalan standard keselamatan maklumat yang diiktiraf di peringkat antarabangsa

Keberkesaan sistem pengurusan ini dinilai dan disahkan melalui ujian penembusan teknikal dan penilaian kerentanan untuk pengukuran kawalan yang berkaitan. Latihan simulasi keselamatan siber juga telah berjaya dilaksanakan untuk menambah baik proses tindak balas dan pemulihran berkaitan insiden keselamatan siber dan pada masa yang sama, mempertingkatkan tahap kesedaran serta kesediaan pihak-pihak yang berkenaan. Kami juga telah menubuhkan Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk menguahkan fungsi tadbir urus dan pengawasan keselamatan maklumat PIDM. Ini adalah penting bagi memastikan kami dapat memenuhi objektif data tahun keselamatan siber.

TEKNOLOGI – MEMBENTUK PERTAHANAN TERBAIK

Dalam usaha menangani ancaman terhadap maklumat dan aset berkaitan maklumat kami, pelanggaran keselamatan siber tidak lagi bergantung kepada pendekatan "bertindak dan pertahan". Pendekatan tradisional seperti membina benteng sekatan secara meluas mungkin tidak lagi efektif. Oleh itu, kami perlu bertindak balas dengan lebih proaktif dengan menerima pakai pendekatan "memburu ancaman" ("threat hunting"), di mana kami mengawasi dan meneliti seluruh rangkaian kami untuk mengesan kemungkinan ancaman. Dengan menjalankan penilaian secara kerap terhadap rangkaian kami untuk mengenal pasti kemungkinan ancaman, kami dapat menanganinya sebelum berlaku sebarang serangan.

Pendekatan proaktif sebegini memerlukan penggunaan peralatan canggih yang melibatkan proses automasi, perisikan dan analisis ancaman serta sokongan teknologi kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) yang boleh mengenal pasti ancaman dengan kelajuan mesin. Beberapa inisiatif utama telah dilaksanakan untuk mengukuhkan lagi daya tahan keselamatan siber termasuk penggunaan sistem pengesahan peringkat akhir dan sistem tindak balas yang akan mengawasi, menangani dan mengurangkan ancaman siber secara berterusan. Kami juga telah mempertingkatkan sistem pencegahan kebocoran data untuk memelihara kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat kami. Inisiatif-inisiatif ini akan menyokong hasrat kami untuk mencapai tahap keselamatan siber matang yang diingini dan meningkatkan kepercayaan dan keyakinan dalam kalangan pemegang kepentingan PIDM.

DALAM FOKUS

KAKITANGAN – BENTENG KAMI

Secanggih mana sistem dan teknologi untuk menangani ancaman siber akan menjadi sia-sia sekiranya kakitangan kami menjadi mangsa tipu daya penggodam keselamatan siber yang mengambil kesempatan terhadap kelemahan yang paling ketara bagi mana-mana sistem keselamatan iaitu para pengguna. Dengan mengeksploitasi unsur-unsur psikologi manusia seperti sikap ingin tahu, takut dan tamak, seseorang yang berniat jahat boleh secara licik mendapat akses kepada data peribadi, maklumat sulit dan perniagaan melalui apa yang dikatakan sebagai "kejuruteraan sosial" ("social engineering").

Sehubungan itu, sejajar dengan usaha untuk meningkatkan pertahanan siber kami dari aspek teknologi, PIDM juga telah meningkatkan kesedaran dalam kalangan kakitangan kami. Ini untuk memastikan bahawa PIDM mempunyai satu "benteng kemanusiaan" untuk melindungi keselamatan sistem dan maklumat kami. Ini dilakukan dengan mengendalikan sesi latihan atau perkongsian serta mengeluarkan secara kerap amaran dan nota nasihat keselamatan siber untuk memberi peringatan kepada kakitangan kami berkaitan pancingan data (*phishing*), perdayaan (*spoofing*), perisian tebusan (*ransomware*) dan pelbagai lagi taktik jenayah siber yang digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Keberkesanan langkah-langkah pengawalan ini akan diukur melalui penilaian kejuruteraan sosial untuk menilai tahap kesedaran kakitangan kami.

Seperti mana amalan penjagaan kebersihan diri yang baik seperti membasuh atau mensanitasi tangan adalah penting untuk melindungi kita daripada virus COVID-19, begitu juga pentingnya untuk kami memupuk amalan penjagaan siber yang baik dalam kalangan kakitangan untuk melindungi maklumat dan aset digital.

MASA DEPAN
BERMULA SEKARANG

Dalam usaha meningkatkan keupayaan organisasi bagi tahun 2022 dan seterusnya, kami telah membangunkan satu pelan hala tuju transformasi digital yang merangkumi strategi serta fokus kami terhadap pendigitalan. Berpandukan pelan hala tuju ini, PIDM akan memacu ke arah memantapkan asas infrastruktur operasi kami, mempertingkatkan keberkesanan proses dan memupuk inovasi sambil memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan siber yang mantap disediakan untuk menyokong serta melindungi sistem dan operasi kami.

Ini adalah penting untuk memastikan bahawa kami dapat mencapai hasrat untuk menjadikan PIDM sebuah organisasi yang tangkas dan bersedia untuk masa depan.

ULASAN

KE ARAH KEMAMPANAN –
SUATU PERALIHAN

Terdapat 17 Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) yang digariskan dalam Agenda Pembangunan Mampan 2030 (*2030 Agenda for Sustainable Development*) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu suatu seruan penting yang menggesa semua negara dunia menamatkan kemiskinan dan menggalakkan keamanan serta kemakmuran, di samping melindungi alam sekitar dan iklim.¹ Di Malaysia, usaha untuk mengarusperdalamkan Matlamat Pembangunan Mampan adalah melalui rancangan pembangunan lima tahun negara sejak tahun 2015.²

PIDM komited untuk mengendali hal ehwal pentadbiran dan pengawalselian kami secara bertanggungjawab, mampan dan bermakna serta mengambil kira tadbir urus yang baik, alam sekitar dan masyarakat, sejajar dengan usaha dan aspirasi kemampunan Kerajaan. Jika dilihat daripada aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environment, social and governance – ESG*), PIDM telah melangkuai daripada usaha mengukuhkan tadbir urus kepada usaha membantu masyarakat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Sejak ditubuhkan, kami telah memastikan pembangunan rangka kerja tadbir urus yang mematuhi piawaian tertinggi dan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat. Rangka kerja ini menjadi asas bagi kemampunan sistem perlindungan untuk melindungi konsumen kewangan sekiranya berlaku sebarang kegagalan kepada institusi ahli dan menggalakkan kestabilan sistem kewangan. Tadbir urus yang kukuh diterapkan dalam operasi harian PIDM supaya kami dapat membuat keputusan yang efektif, bertanggungjawab dan berwibawa sebagai sebuah institusi yang kukuh dan ditadbir dengan baik, serta membolehkan kami terus melaksanakan mandat kami.

PIDM juga telah membangunkan Pelan Organisasi Pencegahan Rasuah 2020 - 2024 sebagai sebahagian daripada Pelan Pencegahan Rasuah Nasional, satu dasar anti rasuah bersepadan bertujuan menggalakkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti bagi mencerminkan harapan rakyat Malaysia untuk sebuah negara yang bebas rasuah. Kami juga menggalakkan pengurusan risiko yang wajar dalam institusi ahli melalui sistem penilaian berdasarkan risiko dan FIDE FORUM, sebuah platform perkongsian pengetahuan dalam kalangan pengurusan kanan dan ahli Lembaga Pengarah. Butiran lanjut tentang rangka kerja dan struktur tadbir urus PIDM boleh didapati di bahagian Tadbir Urus. ³



16 PEACE, JUSTICE
AND STRONG
INSTITUTIONS



4 QUALITY
EDUCATION



1 NO
POVERTY

¹ Rujuk sdgs.un.org


² Rujuk www.epu.gov.my

Di samping usaha memperkuatkan tadbir urus dan memantapkan kesediaan resolusi, kami juga memperluaskan usaha kemampuan bagi membantu masyarakat yang memerlukan melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat kami. Inisiatif teras tanggungjawab sosial korporat kami iaitu Program Biasiswa Sarjana Muda PIDM yang dilancarkan pada tahun 2010, sehingga kini telah menawarkan biasiswa kepada 184 sarjana dari seluruh Malaysia. Program Biasiswa ini ternyata merupakan satu platform untuk membantu pelajar yang layak dan berbakat tetapi tidak mampu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi di Malaysia.

Kami juga telah melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut untuk membantu komuniti yang terpinggir dan mereka yang memerlukan pada tahun 2021.



Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat pada Tahun 2021



Kami juga terlibat secara aktif dalam inisiatif literasi kewangan sebagai ahli Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network*) - FEN. FEN merupakan sebuah kumpulan antara agensi yang ditubuhkan pada tahun 2016 untuk mendidik dan menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup kewangan yang sihat. Literasi kewangan mampu menangani kemiskinan dengan menambah baik keupayaan individu mengurus sumber kewangan mereka, selain mempengaruhi tingkah laku kewangan serta kebolehan membuat keputusan penting demi meningkatkan kesejahteraan ekonomi dalam kalangan golongan miskin.

Butiran lanjut tentang PIDM yang mengetuai fungsi Penyelidikan dan Pembangunan dalam Jaringan Pendidikan Kewangan, serta kempen daya tahan kewangan kami #SediaPayungKewangan boleh didapati dalam "Ulasan: Mengenai Daya Tahan Kewangan Ke arah Kehidupan Yang Mampan", [di Bahagian I laporan ini](#).

Berikutan pandemik COVID-19, PIDM juga mengambil langkah berhati-hati dalam meningkatkan kemahiran dan memastikan kesejahteraan fizikal dan emosi kakitangan. Kami melaksanakan persekitaran kerja yang menggunakan pendekatan hibrid dan "gelembung kerja" ("work bubble"), serta memperkenalkan dan menggalakkan pembelajaran maya melalui platform e-pembelajaran interaktif, untuk membolehkan kakitangan terus belajar dan meningkatkan kemahiran mereka di rumah. Kami menyedari akan keperluan keseimbangan kerja dengan kesihatan diri dan kesejahteraan mental kakitangan. Kami telah mengendalikan sesi-sesi kecergasan, ceramah pelbagai topik, program berkenaan kesihatan mental dan aktiviti-aktiviti rekreasi secara maya.

PIDM juga menunjukkan kesaksamaan gender, seperti mana dibuktikan oleh pengagihan gender yang seimbang di peringkat pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah semasa kami terdiri daripada 55.5% wanita dan 44.5% lelaki, manakala komposisi pengurusan kanan kami terdiri daripada 44.8% wanita dan 55.2% lelaki.

Melangkah ke hadapan, kami berhasrat untuk menerapkan amalan mampan dengan lebih meluas, termasuk amalan alam sekitar yang selamat, di samping aktiviti tanggungjawab sosial korporat sebagai fokus kepada aktiviti yang sedang kami jalankan.

Bagi tujuan memenuhi objektif alam sekitar dalam jangka masa terdekat, PIDM akan mengurus jejak karbon (*carbon footprint*) kami secara dalaman. Kami akan mengenal pasti garis dasar jejak karbon dan membangunkan sasaran jangka panjang melalui pelbagai pelan tindakan. Ini adalah supaya inisiatif kami boleh dilaksanakan secara efektif serta konsisten untuk mencapai hasil kemampuan yang diingini.

Bagi tempoh jangka masa sederhana dan panjang, PIDM berhasrat untuk menilai dan jika didapati sesuai, mengambil kira langkah-langkah yang perlu diambil bagi menangani kesan perubahan iklim terhadap institusi ahli kami ke dalam rangka kerja kawal selia kami. Di peringkat antarabangsa, kami telah mengadakan perbincangan dan menganjurkan webinar dengan Korea Deposit Insurance Corporation berkaitan risiko iklim dan implikasinya terhadap kestabilan sistem kewangan pada awal tahun 2021. Dalam negara pula, kami dapat melihat kemajuan secara beransur-ansur dalam pembangunan kawal selia berkaitan risiko perubahan iklim. Kami akan terus mengikuti perkembangan ini termasuklah pelaksanaan atau pengamalan inisiatif berkaitan iklim oleh institusi ahli kami. Sekiranya konsisten dengan dasar pelaburan kami, dana perlindungan PIDM juga akan dilabur dalam pelaburan patuh ESG terutamanya yang melibatkan instrumen kewangan hijau atau mesra alam.

Dalam usaha mencapai kemampuan dan meningkatkan ikhtiar berkaitan alam sekitar, kami akan terus memanfaatkan kekuahan asas tadbir urus dan mengekalkan sumbangan kepada masyarakat melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat dan daya tahan kewangan kami. Sehubungan itu, kami akan menjalankan kajian secara menyeluruh dan mengemas kini dasar sekiranya perlu untuk mempertingkatkan tadbir urus dan memastikan hasil yang dicapai lebih objektif. Matlamat akhir kami adalah untuk mengetengahkan nilai ESG yang kritikal dalam persekitaran kerja kerajaan dan perniagaan, baik di dalam maupun di luar organisasi kami.

PENYATA KEWANGAN

[Laporan Lembaga Pengarah](#)

[Pernyataan Pengarah](#)

[Akuan Berkanun](#)

[Sijil Ketua Audit Negara](#)

[Penyata Kedudukan Kewangan](#)

[Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain](#)

[Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab](#)

[Penyata Aliran Tunai](#)

[Nota kepada Penyata Kewangan](#)

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Dengan ini, para Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

AKTIVITI UTAMA

PIDM ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM).

Sistem Insurans Deposit menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan incentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas. PIDM juga melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi:

- i. deposit Islam dan konvensional; dan
- ii. manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga.

Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua Dana Perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit serta empat Dana Perlindungan berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Tiada percampuran dana di antara Dana Perlindungan yang berasingan tersebut.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	2021 RM'000	2020 RM'000
Jumlah Pendapatan Komprehensif bagi tahun kewangan:		
Kumpulan Dana Insurans Deposit	253,160	209,837
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	90,744	84,109
	343,904	293,946

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan dalam Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab.

Para Pengarah berpendapat bahawa hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau kejadian penting dan luar biasa.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

KEPUTUSAN KEWANGAN (sambungan)

Jumlah Dana Perlindungan terkumpul pada akhir tahun kewangan ialah:

	2021 RM'000	2020 RM'000
Kumpulan Dana Insurans Deposit:		
Dana Insurans Deposit Konvensional	2,613,909	2,424,703
Dana Insurans Deposit Islam	619,880	555,926
Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit	3,233,789	2,980,629
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
Dana Perlindungan Insurans Am	1,357,402	1,331,141
Dana Perlindungan Insurans Hayat	517,212	461,368
Dana Perlindungan Takaful Am	33,372	31,111
Dana Perlindungan Takaful Keluarga	79,651	73,273
Jumlah Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	1,987,637	1,896,893

PARA PENGARAH

Nama para Pengarah PIDM yang berkhidmat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 ialah:

- Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff (Pengerusi)
- Tan Sri Nor Shamsiah binti Mohd Yunus
- Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon
- Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood
- Dato' Dr. Gan Wee Beng
- Puan Gloria Goh Ewe Gim
- Datuk Dr. Yacob bin Mustafa
- Puan Suhara binti Husni
- Encik Lee Kong Eng (dilantik pada 1 Februari 2021)

Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon dan Tan Sri Nor Shamsiah binti Mohd Yunus adalah Pengarah *ex officio* atas dasar jawatan mereka, menurut subseksyen 11(2) Akta PIDM. Selain daripada Pengarah *ex officio*, ahli Lembaga Pengarah PIDM telah dilantik oleh Menteri Kewangan mengikut subseksyen 11(2) Akta PIDM.

MANFAAT PENGARAH

Tidak wujud pada akhir tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, sebarang pengaturan yang melibatkan PIDM, di mana para Pengarah berkemungkinan menerima apa-apa manfaat menerusi perolehan saham atau debentur mana-mana badan korporat yang lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Pengarah yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat daripada emolumen diterima atau berbayar kepada para Pengarah, seperti mana dinyatakan di Nota 16 kepada penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh PIDM atau perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah itu ialah seorang ahli atau dengan syarikat yang mana Pengarah itu memegang kepentingan kewangan yang ketara.

PENJEJASAN NILAI DAN KAEDAH PENILAIAN

Sebelum Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain serta Penyata Kedudukan Kewangan disediakan, para Pengarah telah berpuas hati bahawa pihak Pengurusan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan penjejasan nilai yang ketara perlu dibuat, dan para Pengarah juga tidak mengetahui akan apa-apa keadaan yang memerlukan penjejasan nilai yang perlu dibuat, selain daripada perkara yang telah diiktiraf dan dinyatakan di dalam Nota 16(i) kepada penyata kewangan. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan lain yang akan memerlukan sebarang penjejasan nilai dalam penyata kewangan PIDM.

Para Pengarah juga telah berpuas hati bahawa pihak Pengurusan telah mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi menentukan nilai-nilai aset dan liabiliti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan PIDM. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang berbangkit yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada di dalam akaun PIDM mengelirukan atau tidak sesuai.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan PIDM yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

ITEM YANG BERSIFAT LUAR BIASA

Susulan daripada pengisytiharan pandemik COVID-19 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada Mac 2020, Malaysia terus menangani kesan pandemik yang terus berkembang. Terdapat beberapa kelonggaran sekatan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") pada awal tahun 2021, namun, berikutnya penambahan semula kes jangkitan, penutupan seluruh negara telah dikenakan pada 1 Jun 2021. Selepas itu, kerajaan mengumumkan 4 fasa Pelan Pemulihan Negara pada pertengahan Jun 2021, di mana semua negeri telah mencapai fasa pemulihan ke-3 dan ke-4 menjelang akhir tahun 2021.

Walaupun pandemik dan langkah-langkah pencegahan PKP telah memberi kesan yang ketara kepada ekonomi dan perniagaan secara amnya, PIDM terus memanfaatkan transformasi digitalnya, serta platform operasi maya dan pelan kesinambungan operasi yang mantap, yang mana membolehkan peralihan lancar kepada mod operasi "kerja dari rumah" dan membolehkannya untuk memberi khidmat berterusan kepada pihak berkepentingan utamanya.

Di dalam keadaan persekitaran kadar faedah semasa telah memberi pulangan pelaburan yang rendah kepada PIDM. PIDM juga terus memantau risiko kredit pelaburan yang timbul daripada ketidakpastian dalam persekitaran operasi, yang mana, PIDM tidak menjangkakan kesannya ke atas portfolio pelaburan akan menjadi ketara memandangkan sifat pelaburan PIDM jangka pendek dan dasar pelaburan yang konservatif yang mentadbir strategi pelaburan PIDM.

Selaras dengan langkah-langkah pelepasan kawal selia PIDM yang diluluskan bagi tahun taksiran 2020, pengurangan kadar premium dan levi diteruskan untuk tahun taksiran 2021 seperti yang diterangkan dalam Nota 13 kepada penyata kewangan. Walaupun hasil premium dan levi serta pendapatan pelaburan telah berkurang, PIDM masih dapat mengumpul lebihan bersih tahunan bagi membina Dana Perlindungannya.

PIDM juga telah menilai keperluan operasinya dan cara operasi yang berkesan, termasuk penggunaan ruang pejabatnya. PIDM telah menyediakan rancangan untuk mengoptimumkan penggunaan ruang pejabat dan pengurusan kos melalui rasionalisasi ruang dan rundingan semula terma pajakan.

Selain daripada yang dinyatakan di atas, sepanjang tempoh antara tahun kewangan berakhir dengan tarikh laporan ini, hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan semasa yang mana laporan ini disediakan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau kejadian penting dan luar biasa.

Pada tarikh laporan ini, tidak berlaku sebarang caj ke atas aset PIDM yang berbangkit sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian dalam mengendali Sistem Perlindungan

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah Sistem Insurans Deposit serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini.

Sehingga tarikh laporan ini, penularan pandemik COVID-19 yang masih berterusan. Kerajaan serta agensi dibawahnya masih sedang terus menangani kesan pandemik ini. Dalam hal ini, PIDM akan terus menjalankan penilaian dan pemantauan risiko ke atas semua institusi ahlinya. Pada tarikh pernyata kewangan ini, tiada sebarang kejadian khusus melibatkan institusi ahli PIDM yang memerlukan PIDM merekodkan peruntukan khusus dalam pernyata kewangannya selaras dengan MFRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan rizab di dalam setiap Dana Perlindungan menerusi pengumpulan lebihan bersih tahunan.

Lebihan terkumpul disimpan di dalam setiap Dana Perlindungan bagi memenuhi obligasi untuk menampung kerugian bersih apabila berlaku. Seperti yang dibincangkan di Nota 12 kepada pernyata kewangan, PIDM telah menujuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans untuk menentukan tahap dana yang mencukupi untuk memenuhi kerugian bersih yang dijangka daripada aktiviti-aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan.

Sekiranya sesuatu Kumpulan Dana tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi kewajipannya, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk membangunkan dana mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut, termasuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana serta mentaksir dan mengenakan premium dan levi yang lebih tinggi dengan kelulusan daripada Menteri Kewangan.

Lain-lain liabiliti luar jangka

Berdasarkan pernyataan yang dibuat oleh pihak Pengurusan, para Pengarah berpendapat bahawa selain daripada pendedahan kepada kerugian yang dibincangkan di atas, tidak wujud:

- (i) sebarang liabiliti luar jangka selepas berakhirnya tahun kewangan; dan
- (ii) sebarang liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuat kuasa atau berkemungkinan akan berkuat kuasa dalam tempoh 12 bulan selepas berakhir tahun kewangan ini, yang akan atau mungkin menjaskan keupayaan PIDM untuk memenuhi obligasinya apabila tiba masanya.

PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

PIDM telah memperbadankan lima subsidiari sebagai sebahagian daripada usaha PIDM bagi memastikan kesediaan operasi untuk melaksanakan sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Menurut seksyen 10 Akta PIDM, PIDM boleh menujuhkan subsidiari sekiranya perlu bagi menjalankan fungsi, kuasa dan obligasinya. Subsidiari tersebut diperbadankan awal sebagai sebahagian daripada kesediaan operasi PIDM sebelum berlakunya sebarang kegagalan institusi ahli, dan oleh itu akan kekal dorman sehingga diaktifkan untuk pelaksanaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan yang perlu. Asas perakaunan serta butiran subsidiari-subsidiari diuraikan dengan lanjut di Nota 2.2(b), Nota 3.1(a) dan Nota 7 kepada pernyata kewangan.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Dalam memberikan pendapat berhubung pernyata kewangan, para Pengarah telah bergantung kepada pernyataan Pengurusan mengenai proses dan sistem kawalan dalaman serta fungsi audit dalaman dan luaran yang direka bagi memastikan bahawa:

- (i) pernyata kewangan PIDM telah disediakan mengikut Akta PIDM dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS*) dan mematuhi Piawaian Pelaporan Piawaian Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards – IFRS*) yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2021, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
- (ii) Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah, seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

JURUAUDIT

Menurut Akta PIDM, akaun PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi yang telah diluluskan oleh para Pengarah

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff
Pengerusi Lembaga Pengarah

Puan Gloria Goh Ewe Gim
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
17 Mac 2022

PERNYATAAN PENGARAH

Kami, Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff dan Puan Gloria Goh Ewe Gim, dua daripada Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan telah disediakan dan dibentangkan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM) dan *Malaysian Financial Reporting Standards* dan mematuhi *International Financial Reporting Standards* yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal PIDM pada 31 Disember 2021, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Para Pengarah juga berpendapat bahawa Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi yang telah diluluskan oleh para Pengarah

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff
Pengerusi Lembaga Pengarah

Puan Gloria Goh Ewe Gim
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
17 Mac 2022

AKUAN BERKANUN OLEH PIHAK PENGURUSAN BERHUBUNG
TANGGUNGJAWAB PELAPORAN KEWANGAN

Penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan maklumat berhubung penyata kewangan ini adalah tanggungjawab pihak Pengurusan. Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards – MFRS*) dan mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antrabangsa (*International Financial Reporting Standards – IFRS*) yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2021, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan integriti dan kesaksamaan penyata kewangan, pihak Pengurusan menyenggara sistem kawalan dan amalan kewangan dan pengurusan. Kepatuhan kepada sistem kawalan dan amalan disahkan oleh fungsi audit dalaman yang bebas yang direka untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa transaksi telah diluluskan dengan sewajarnya, aset adalah dilindungi dan rekod disenggarakan dengan teratur mengikut Akta PIDM serta Akta Badan Berkawan (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Penyata kewangan ini telah diaudit dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara Malaysia dan hasil pengauditan telah diambil maklum dengan sewajarnya oleh pihak Pengurusan. Juruaudit mempunyai akses kepada semua dokumen dan rekod PIDM semasa melaksanakan audit. Juruaudit juga mempunyai akses kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang menyelia tanggungjawab pihak Pengurusan dalam menyenggara sistem kawalan dan kualiti pelaporan kewangan yang mencukupi serta mengesyorkan penyata kewangan ini kepada Lembaga Pengarah.

Penyata kewangan telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui resolusi yang telah diluluskan pada 17 Mac 2022.

Kami, Rafiz Azuan bin Abdullah dan Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi, dua pegawai utama yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan PIDM, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan, dengan sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah betul dan kami membuat pengakuan ini dengan berhemat dan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkawan 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama yang dinyatakan di atas di Kuala Lumpur pada 17 Mac 2022

Rafiz Azuan bin Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif

Di hadapan saya,
Pesuruhjaya Sumpah



GI-1-2, GROUND FLOOR, MENARA 1 DUTAMAS,
SOLARIS DUTAMAS, NO. 1, JALAN DUTAMAS 1,
50480 KUALA LUMPUR

Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi
Ketua Pegawai Kewangan
CA (M) 24850

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Dana dan Rizab serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 6 hingga 102.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [Akta 720]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [Akta 720]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanannya kawalan dalaman Perbadanan Insurans Deposit Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjelaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [Akta 720] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(NOR AZIAN BINTI NORDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
21 MAC 2022



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER

	Nota	2021 RM'000	2020 RM'000
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	94,392	152,245
Pelaburan	5	5,063,096	4,655,630
Aset Lain	6	52,060	54,732
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	7	-*	-*
Hartanah dan peralatan	8	25,161	26,686
Aset berkaitan hak penggunaan	9	5,908	14,263
Jumlah Aset		5,240,617	4,903,556
LIABILITI			
Akaun belum bayar	11	12,023	10,073
Liabiliti pajakan	10	7,168	15,961
Jumlah Liabiliti		19,191	26,034
KUMPULAN DANA DAN RIZAB			
Kumpulan Dana Insurans Deposit			
Lebihan terkumpul	12a	3,233,789	2,980,629
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans			
Lebihan terkumpul	12b	1,987,637	1,896,893
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab		5,221,426	4,877,522
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab		5,240,617	4,903,556

*Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran. Sila rujuk Nota 7 untuk butiran lanjut.

**PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN
KOMPREHENSIF LAIN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2021 RM'000	2020 RM'000
Hasil premium dan levi	13	316,144	243,621
Pendapatan pelaburan dan pulangan daripada kesetaraan tunai dan sekuriti pelaburan	14	123,725	144,371
Pendapatan lain	8	-	782
Jumlah pendapatan		439,869	388,774
Perbelanjaan pengurusan modal insan	15	68,988	66,719
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	16	19,734	22,008
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	17	9,663	6,488
Jumlah perbelanjaan		98,385	95,215
Lebihan bersih bagi tahun semasa		341,484	293,559
Pendapatan komprehensif lain			
Pengukuran semula Rancangan Persaraan Jangka Panjang	11ii	2,420	387
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		343,904	293,946

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN DANA DAN RIZAB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT

		Dana Insurans Deposit Konvensional	Dana Insurans Deposit Islam	Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab
	Nota	RM'000	RM'000	RM'000
<u>Lebihan terkumpul</u>				
Pada 1 Januari 2020	12a	2,267,355	503,437	2,770,792
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		157,348	52,489	209,837
Pada 31 Disember 2020	12a	2,424,703	555,926	2,980,629
Pada 1 Januari 2021	12a	2,424,703	555,926	2,980,629
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		189,206	63,954	253,160
Pada 31 Disember 2021	12a	2,613,909	619,880	3,233,789

KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

	Dana Perlindungan Insurans	Dana Perlindungan Insurans	Dana Perlindungan Takaful	Dana Perlindungan Takaful	Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab
	Am RM'000	Hayat RM'000	Am RM'000	Keluarga RM'000	RM'000
<u>Lebihan terkumpul</u>					
Pada 1 Januari 2020	12b	1,294,811	422,698	28,233	67,042 1,812,784
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		36,330	38,670	2,878	6,231 84,109
Pada 31 Disember 2020	12b	1,331,141	461,368	31,111	73,273 1,896,893
Pada 1 Januari 2021	12b	1,331,141	461,368	31,111	73,273 1,896,893
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		26,261	55,844	2,261	6,378 90,744
Pada 31 Disember 2021	12b	1,357,402	517,212	33,372	79,651 1,987,637

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2021 RM'000	2020 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium dan levi daripada institusi ahli		316,144	243,621
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(86,061)	(80,502)
Penerimaan pendapatan pelaburan dan pulangan		197,990	189,115
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi		428,073	352,234
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		1,872,711	2,060,488
Pembelian sekuriti pelaburan		(2,350,474)	(2,324,591)
Pembelian hartaanah dan peralatan		(2,621)	(2,400)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(480,384)	(266,503)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN			
Pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan	10	(4,854)	(4,666)
Kos kewangan bagi pajakan		(686)	(999)
Hasil daripada pinjaman		5,135	-
Pembayaran balik pinjaman		(5,135)	-
Faedah dibayar atas pinjaman		(2)	-
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan		(5,542)	(5,665)
(Pengurangan) / Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai			
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		(57,853)	80,066
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	4a	152,245	72,179
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	4a	94,392	152,245
Nota 1:	Penyata Aliran Tunai menunjukkan bagaimana tunai dan kesetaraan tunai telah berubah sepanjang tempoh pelaporan di PIDM. Selaras dengan MFRS 107, aliran tunai dibahagikan kepada aliran tunai daripada aktiviti operasi dan pelaburan. Tunai dan kesetaraan tunai yang dinyatakan dalam Penyata Aliran Tunai adalah bersesuaian dengan Penyata Kedudukan Kewangan bagi butir tunai dan kesetaraan tunai. Jumlah aset cair yang tersedia bagi PIDM turut merangkumi pelaburan (diterangkan di dalam Nota 5) dan pendapatan pelaburan dan pulangan belum terima (diterangkan di dalam Nota 6). Rujuk kepada Nota 22(c) untuk maklumat lanjut mengenai pengurusan risiko kecairan PIDM.		
Nota 2:	Penyata Aliran Tunai yang disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.		

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

1. AKTIVITI UTAMA

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM).

Sistem Insurans Deposit menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas. PIDM juga melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemosyikilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi:

- i. deposit Islam dan konvensional; dan
- ii. manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga.

Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua Dana Perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit serta empat Dana berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Tiada percampuran dana di antara Dana Perlindungan berasingan tersebut.

Tiada sebarang perubahan ketara berlaku terhadap aktiviti utama sepanjang tahun kewangan semasa.

Alamat pejabat PIDM ialah Aras 12, Menara Axiata, No. 9, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Lembaga Pengarah telah meluluskan Penyata Kewangan ini melalui resolusinya pada 17 Mac 2022.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan PIDM telah disediakan mengikut Akta PIDM dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysia Financial Reporting Standards – MFRS*) yang berkaitan. Penyata kewangan ini juga mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards – IFRS*) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (*International Accounting Standards Board – IASB*).

Asas-asas pengukuran yang digunakan, dan polisi perakaunan yang digunakan bagi penyediaan penyata kewangan diterangkan di dalam Nota 2.2. Penilaian dan anggaran perakaunan ketara diterangkan di dalam Nota 3.

Penyata kewangan ini merangkumi aktiviti berhubung pentadbiran kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Manfaat Takaful dan Insurans oleh PIDM. Kumpulan Dana Perlindungan Islam disenggara dan ditadbir menurut keperluan Syariah dan mematuhi Akta PIDM.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

PIDM membentangkan Penyata Kedudukan Kewangan mengikut urutan kecairan. Aset kewangan dan liabiliti kewangan diimbangi dan aman bersih dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan hanya apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi jumlah yang diiktirafkan serta terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak akan diimbangi dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain melainkan jika dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana piawaian perakaunan atau tafsiran, dan seperti yang dinyatakan secara khusus di dalam polisi penting perakaunan PIDM.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM'000), melainkan ianya dinyatakan sebaliknya.

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan

(a) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila PIDM menjadi pihak yang terikat kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan tersebut.

Kaedah pengukuran*Kos terlunas dan kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan*

Kos terlunas ialah aman di mana aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur ketika pengiktirafan awal, yang telah ditolak pembayaran balik prinsipal, serta dicampur atau ditolak pelunasan terkumpul yang dikira menggunakan kaedah kadar efektif bagi faedah atau pulangan untuk perbezaan di antara aman permulaan dan aman kematangan. Juga, bagi aset kewangan, ianya diselaraskan bagi sebarang peruntukan kerugian. Aman bawaan kasar suatu aset kewangan adalah kos terlunas suatu aset kewangan sebelum diselaraskan bagi sebarang peruntukan kerugian.

Kaedah kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan ialah satu kaedah untuk mengira kos terlunas suatu instrumen hutang dan memperuntukkan pendapatan faedah atau pulangan sepanjang tempoh yang berkaitan. Kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan ialah kadar sebenar yang mendisksa penerimaan atau pembayaran tunai masa hadapan sepanjang jangkaan hayat aset kewangan atau liabiliti kewangan terhadap aman bawaan kasar suatu aset kewangan (iaitu kos terlunasnya sebelum sebarang peruntukan penjejasan nilai) atau terhadap kos terlunas suatu liabiliti kewangan. Pengiraan tersebut tidak mengambil kira jangkaan kerugian kredit, dan termasuk kos urus niaga, premium atau diskau dan yuran serta perkara lain yang dibayar atau diterima yang ketara terhadap kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan, seperti yuran permulaan. Bagi aset kewangan yang dibeli atau asalnya terjejas kredit (POCI) iaitu aset kewangan yang terjejas kredit ketika pengiktirafan awal, PIDM mengira kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan yang diselaraskan kredit, yang berdasarkan kos terlunas aset kewangan tersebut dan bukan aman bawaan kasarnya, dan yang telah mengambil kira impak jangkaan kerugian kredit bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Pendapatan faedah atau pulangan yang diperoleh

Pendapatan faedah atau pulangan yang diperoleh dikira berdasarkan kadar efektif bagi faedah atau pulangan terhadap aman bawaan kasar aset kewangan, kecuali bagi:

- Aset kewangan POCI, yang mana kadar efektif asal bagi faedah atau pulangan yang telah diselaras kredit digunakan terhadap kos terlunas aset kewangan; atau
- Aset kewangan yang bukan 'POCI' tetapi kemudiannya menjadi terjejas kredit [atau dikenali sebagai 'peringkat 3' (rujuk kepada **Penjejasan nilai aset kewangan**)], di mana pendapatan faedah atau pulangan yang diperoleh dikira berdasarkan kadar efektif bagi faedah atau pulangan terhadap kos terlunas berkenaan (iaitu selepas ditolak peruntukan bagi jangkaan kerugian kredit).

Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai saksama ialah harga yang akan diterima untuk menjual suatu aset kewangan atau dibayar untuk memindahkan liabiliti kewangan dalam urus niaga teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran nilai. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan anggapan bahawa urus niaga penjualan aset kewangan atau pemindahan liabiliti kewangan tersebut berlaku sama ada:

- dalam pasaran utama bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan; atau
- jika tiada pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut.

Pasaran utama atau yang paling berfaedah tersebut hendaklah boleh diakses oleh PIDM.

Nilai saksama bagi suatu aset kewangan atau liabiliti kewangan dikira dengan menggunakan andaian yang diguna oleh peserta pasaran bagi menetapkan harga aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut, dengan anggapan bahawa peserta pasaran akan bertindak berdasarkan kepentingan ekonomi yang terbaik bagi mereka.

PIDM menggunakan teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan yang mana data mencukupi boleh diperolehi untuk mengukur nilai saksama, dengan memaksimumkan input boleh diperhatikan yang relevan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan menurut hierarki nilai saksama yang dinyatakan di bawah, berdasarkan input tahap terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

Tahap 1 — Sebut harga pasaran yang tidak diubah bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan yang serupa, yang diperoleh dari pasaran aktif.

Tahap 2 — Teknik penilaian di mana input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3 — Teknik penilaian di mana input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama tidak boleh diperhatikan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

PIDM menyediakan maklumat nilai saksama mengenai pelaburannya adalah bagi tujuan pendedahan pelaporan.

Bagi aset dan liabiliti kewangan yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, PIDM akan menentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam hierarki dengan menilai semula kategori yang digunakan (berdasarkan input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan dan liabiliti kewangan pada asalnya diukur pada nilai saksama. Kos langsung transaksi terhadap perolehan atau terbitan aset kewangan dan liabiliti kewangan (selain daripada aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian) adalah ditambah kepada atau ditolak daripada nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan tersebut, sekiranya perlu, ketika pengiktirafan awal. Kos langsung transaksi terhadap perolehan aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf terus di dalam keuntungan atau kerugian.

Semua kaedah biasa pembelian atau penjualan aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf berdasarkan tarikh dagangan, iaitu tarikh apabila PIDM terikat untuk membeli atau menjual aset tersebut. Kaedah pembelian atau penjualan biasa merupakan pembelian atau pembelian aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen pasaran.

Klasifikasi dan pengukuran seterusnya

Semua aset kewangan yang diiktiraf diukur seterusnya secara keseluruhan sama ada pada kos terlunas atau nilai saksama, bergantung kepada klasifikasi aset kewangan tersebut.

Semua liabiliti kewangan diklasifikasi dan diukur seterusnya pada kos terlunas, melainkan ia dinyatakan sebaliknya.

Dalam menentukan klasifikasi aset kewangan, PIDM mempertimbangkan syarat-syarat berikut:

- model urusniaga PIDM bagi mengurus aset kewangan tersebut; dan
- ciri-ciri aliran tunai aset kewangan tersebut.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

*Klasifikasi dan pengukuran seterusnya (sambungan)**Model perniagaan*

Model perniagaan menunjukkan bagaimana PIDM mengurus aset kewangannya untuk menghasilkan aliran tunai. Iaitu, sama ada objektif PIDM adalah hanya untuk mengumpul aliran tunai berkontrak daripada aset atau untuk mengumpul kedua-dua aliran tunai berkontrak dan aliran tunai daripada penjualan aset. Sekiranya kedua-duanya tidak diguna pakai (contohnya aset kewangan yang dipegang bagi tujuan dagangan), aset kewangan tersebut diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada modal perniagaan ‘lain’ dan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Model perniagaan PIDM tidak dinilai mengikut instrumen, tetapi pada peringkat tinggi atau peringkat portfolio beragregat dan berpandukan faktor-faktor seperti:

- bagaimana prestasi model perniagaan dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut dinilai dan dilaporkan kepada kaitangan pengurusan utama PIDM; dan
- risiko-risiko yang menjelaskan prestasi model perniagaan tersebut (dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut) dan, khususnya, kaedah risiko-risiko ini diurus.

Penilaian model perniagaan adalah berdasarkan senario munasabah yang dijangkakan tanpa mengambil kira senario ‘kes terburuk’ atau ‘kes tekanan’. Sekiranya aliran tunai selepas pengiktirafan awal direalisasikan dengan cara yang berbeza daripada jangkaan asal, PIDM tidak mengubah klasifikasi aset kewangan selebihnya yang dipegang dalam model perniagaan tersebut, tetapi sebaliknya memasukkan maklumat tersebut apabila menilai aset kewangan terbitan baru atau yang baru dibeli, bagi tempoh kehadapan. Klasifikasi semula diambil kira dari bermulanya perubahan pertama tempoh pelaporan. Perubahan-perubahan ini dijangka jarang berlaku. Tiada perubahan ini berlaku dalam tempoh pelaporan.

Ujian ‘hanya pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan’ (SPPI)

Sebagai langkah kedua proses klasifikasi, PIDM menilai terma-terma kontrak aset kewangan untuk mengenal pasti sama ada ia memenuhi ujian SPPI.

‘Prinsipal’ untuk tujuan ujian ini ditakrifkan sebagai nilai saksama aset kewangan pada peringkat pengiktirafan awal dan boleh berubah sepanjang hayat aset kewangan (contohnya sekira pembayaran semula prinsipal atau pelunasan premium atau diskaun dibuat).

Dalam membuat penilaian ini, PIDM mempertimbangkan sama ada aliran tunai berkontrak adalah selaras dengan aturan peminjaman asas iaitu faedah atau pulangan hanya termasuk pertimbangan untuk nilai tunai hadapan, risiko kredit, risiko peminjaman asas lain dan margin keuntungan, yang selaras dengan aturan peminjaman asas. Sekiranya terma kontrak memperkenalkan pendedahan kepada risiko atau turun naik yang tidak konsisten dengan aturan peminjaman asas, aset kewangan berkenaan diklasifikasikan dan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Aset kewangan yang terbabit dengan derivatif adalah dikira secara keseluruhan apabila menentukan sama ada aliran tunainya adalah semata-mata pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Ujian ‘hanya pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan’ (SPPI) (sambungan)

Butiran klasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan PIDM diterangkan di bawah.

Aset kewangan

(i) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit boleh panggil di bank dan pelaburan mudah tunai jangka pendek yang sedia untuk ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang rendah. Ini termasuk pelaburan jangka pendek dalam instrumen pasaran wang serta pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang kurang daripada 90 hari dari tarikh pembelian. Tunai dan kesetaraan tunai dibawa pada kos terlunas di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah langsung. Penyata Aliran Tunai yang disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung juga dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.

(ii) Sekuriti pelaburan

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur seterusnya pada kos terlunas:

- aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai berkontrak; dan
- terma kontrak aset kewangan yang menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu, yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan (iaitu melepas ‘ujian SPPI’) ke atas amaun prinsipal tertunggak.

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur seterusnya pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (FVTOCI):

- aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan yang objektifnya tercapai melalui pengumpulan aliran tunai berkontrak dan penjualan aset kewangan tersebut; dan
- terma-terma kontrak aset kewangan tersebut juga menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu, yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak.

Sekuriti pelaburan PIDM merangkumi Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia dan Sekuriti Hutang Swasta yang mudah dipasarkan. PIDM melabur dalam sekuriti denominasi Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana yang dipegang sehingga tempoh matang bagi mengumpul aliran tunai berkontrak dan bukan untuk didagangkan. Aliran tunai berkontrak bagi sekuriti pelaburan tersebut adalah hanya untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak. Oleh yang demikian, sekuriti pelaburan ini diukur pada kos terlunas.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Aset kewangan (sambungan)

(iii) Akaun belum terima lain

Akaun belum terima lain merangkumi aset kewangan yang dipegang dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai berkontrak, di mana aliran tunai berkontrak tersebut adalah hanya untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak dan dibawa pada kos terlunas dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(iv) Akaun belum bayar

Melainkan dinyatakan sebaliknya, PIDM mengukur liabiliti kewangannya pada kos terlunas, yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

Penyahiktirafan

(i) Aset kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila:

- hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah tamat; atau
- PIDM telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut atau telah mengambil alih tanggungjawab untuk membayar aliran tunai yang diterima sepenuhnya tanpa kelewatan ketara kepada pihak ketiga di bawah perjanjian “*pass-through*”, dan sama ada:
 - o PIDM telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut; atau
 - o PIDM tidak memindahkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset tersebut, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset tersebut.

Apabila PIDM telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah memeterai perjanjian “*pass-through*”, dan tidak memindahkan atau tidak mahu mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset atau tidak memindahkan kawalan aset itu, aset tersebut akan masih diiktiraf oleh PIDM selagi ada tahap penglibatan berterusan PIDM pada aset tersebut. Dalam kes itu, PIDM juga mengiktiraf liabiliti yang berkaitan. Dalam hal ini, aset dan liabiliti yang telah dipindahkan tersebut akan diukur pada asas yang mencerminkan hak dan obligasi PIDM yang masih dikekalkan.

Apabila aset kewangan yang diukur pada kos terlunas dinyahiktirafkan, perbezaan di antara nilai bawaan aset dan jumlah penerimaan yang diterima serta belum terima adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Di samping itu, apabila suatu pelaburan dalam instrumen hutang yang diklasifikasi sebagai FVTOCI dinyahiktirafkan, keuntungan atau kerugian yang sebelum ini terkumpul dalam rizab penilaian semula pelaburan, akan diklasifikasikan semula kepada keuntungan atau kerugian.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penyahiktirafan (sambungan)

(ii) Liabiliti kewangan

Penyahiktirafan liabiliti kewangan akan dilakukan apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut telah dibatalkan atau ditamatkan atau luput. Jika suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh liabiliti lain daripada pemberi pinjaman yang sama, tetapi atas terma yang nyata berbeza atau terma liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan ke atas liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baharu berlaku. Perbezaan antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Penjejasan nilai aset kewangan

PIDM mengiktiraf suatu peruntukan kerugian kredit (ECL) ke atas aset kewangannya yang diukur pada kos terlunas atau pada FVTOCI. Amaun kerugian kredit yang dijangkakan dikemas kini pada setiap tarikh pelaporan untuk mencerminkan perubahan risiko kredit sejak pengiktirafan awal instrumen hutang.

Bagi semua aset kewangan yang tertakluk kepada keperluan penjejasan nilai, PIDM mengiktiraf ECL jangka hayat apabila terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit berbanding pengiktirafan awal. Walau bagaimanapun, sekiranya risiko kredit ke atas instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, PIDM mengukur peruntukan kerugian bagi instrumen kewangan tersebut pada amaun yang sama dengan ECL selama 12 bulan.

ECL jangka hayat merupakan kerugian kredit yang dijangkakan daripada kesemua kebarangkalian kegagalan sesuatu instrumen kewangan, dalam tempoh hayatnya. Sebaliknya, ECL 12 bulan merupakan sebahagian daripada ECL jangka hayat yang mencerminkan kebarangkalian peristiwa kegagalan suatu instrumen kewangan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Perubahan dalam kualiti kredit sejak pengiktirafan awal

Peringkat 1 (Pengiktirafan awal)	Peringkat 2 (Peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal)	Peringkat 3 (Aset terjejas kredit)
Kerugian kredit 12 bulan yang dijangkakan	Jangka hayat kerugian kredit yang dijangkakan	Jangka hayat kerugian kredit yang dijangkakan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjelasan nilai aset kewangan (sambungan)

(i) Peningkatan ketara dalam risiko kredit

Dalam menilai sama ada risiko kredit ke atas instrumen kewangan telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, PIDM membandingkan risiko kegagalan berlaku bagi suatu instrumen kewangan pada tarikh pelaporan dengan risiko kegagalan berlaku bagi instrumen kewangan tersebut pada tarikh pengiktirafan awal. Dalam melaksanakan penilaian ini, PIDM mempertimbangkan kedua-dua maklumat kuantitatif dan kualitatif yang munasabah dan boleh disokong, termasuk pengalaman sejarah dan maklumat berpandangan ke hadapan yang tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Maklumat berpandangan ke hadapan yang dipertimbangkan termasuk yang diperoleh daripada laporan pakar ekonomi, penganalisa kewangan, badan-badan kerajaan serta pertimbangan pelbagai sumber luaran maklumat ekonomi sebenar dan ramalan.

Secara khusus, maklumat berikut diambil kira apabila menilai sama ada risiko kredit telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal:

- kemerosotan ketara yang sebenar atau yang dijangkakan dalam penarafan kredit luaran atau penilaian kredit oleh agensi penarafan yang diiktiraf, bagi instrumen kewangan tersebut;
- kemerosotan ketara dalam petunjuk pasaran luaran risiko kredit bagi instrumen kewangan tertentu, contohnya, peningkatan ketara dalam penyebaran kredit, harga swap mungkir kredit bagi peminjam, atau tempoh masa atau tahap yang mana nilai saksama suatu aset kewangan adalah rendah daripada kos terlunasnya;
- perubahan sedia ada atau yang diramalkan dalam keadaan perniagaan, kewangan atau ekonomi yang dijangka akan menyebabkan pengurangan ketara dalam keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi hutangnya;
- kemerosotan ketara yang sebenar atau dijangkakan dalam hasil operasi peminjam;
- peningkatan ketara dalam risiko kredit ke atas instrumen kewangan lain peminjam yang sama;
- toleransi atau penstrukturran semula sebenar atau yang dijangkakan;
- perubahan buruk ketara yang sebenar atau dijangkakan dalam persekitaran kawal selia, ekonomi, atau operasi peminjam yang menyebabkan pengurangan ketara dalam keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi hutangnya.

Walau bagaimanapun, PIDM menganggap bahawa risiko kredit ke atas suatu aset kewangan telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal apabila pembayaran kontrak melebihi 30 hari lampau tempoh, kecuali PIDM mempunyai maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang menunjukkan sebaliknya.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjelasan nilai aset kewangan (sambungan)

(i) Peningkatan ketara dalam risiko kredit (sambungan)

Walaupun demikian, PIDM mengandaikan bahawa risiko kredit ke atas instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal sekiranya instrumen kewangan ditetapkan untuk mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh pelaporan. Suatu instrumen kewangan ditetapkan untuk mempunyai risiko kredit yang rendah sekiranya:

- instrumen kewangan tersebut mempunyai risiko kegagalan yang rendah;
- peminjam mempunyai keupayaan kukuh untuk memenuhi obligasi aliran tunai berkontrak dalam tempoh terdekat; dan
- perubahan buruk dalam keadaan ekonomi dan perniagaan dalam tempoh yang lebih panjang, berkemungkinan tetapi tidak semestinya mengurangkan keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi aliran tunai berkontraknya.

PIDM menganggap suatu aset kewangan mempunyai risiko kredit yang rendah apabila aset tersebut mempunyai penarafan kredit luaran ‘gred pelaburan’ menurut takrifan yang difahami di peringkat global atau sekiranya tiada penarafan luaran, aset tersebut mempunyai penarafan dalam sebagai ‘baik’ atau ‘berbayar’ (‘performing’). Baik atau berbayar bermaksud bahawa pihak yang terlibat mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan tiada amaun tidak berbayar sebelum ini.

PIDM sentiasa memantau keberkesanan kriteria yang digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit, serta menyemak kriteria tersebut sekiranya perlu bagi memastikan kriteria tersebut berupaya mengenal pasti peningkatan ketara dalam risiko kredit sebelum tersebut lewat tempoh bayarannya.

(ii) Definisi kegagalan

PIDM menganggap perkara berikut sebagai peristiwa kegagalan bagi tujuan pengurusan risiko kredit dalam, berdasarkan pengalaman sejarah yang menunjukkan bahawa aset kewangan yang memenuhi salah satu daripada kriteria berikut secara umumnya tidak boleh diperolehi semula:

- apabila terdapat pelanggaran perjanjian kewangan oleh pihak yang terlibat; atau
- maklumat yang dibangunkan secara dalaman atau diperolehi dari sumber luaran menunjukkan bahawa pihak berkenaan tidak mungkin membayar pemutangnya, termasuk PIDM, secara penuh (tanpa mengambil kira sebarang cagaran yang mungkin dipegang oleh PIDM).

Walau bagaimanapun, PIDM menganggap kegagalan telah berlaku apabila pembayaran berkenaan suatu aset kewangan melebihi 90 hari lampau tempoh, kecuali apabila PIDM mempunyai maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai untuk menunjukkan bahawa kriteria kegagalan yang memberi tempoh lebih lama adalah lebih sesuai untuk digunakan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjelasan nilai asset kewangan (sambungan)

(iii) Aset kewangan terjejas kredit

Aset kewangan dianggap terjejas kredit apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan berkenaan, telah berlaku. Bukti bahawa suatu aset kewangan terjejas kredit termasuk data yang dapat diperhatikan mengenai peristiwa-peristiwa berikut:

- kesukaran kewangan ketara yang dihadapi oleh penerbit atau peminjam;
- pelanggaran kontrak, seperti peristiwa mungkir atau kelewatan tempoh bayaran yang ketara;
- pemberi pinjaman kepada memberi konsesi peminjam yang dalam kebiasaannya tidak akan diberikan, atas sebab kemerosotan ekonomi atau kesukaran kewangan peminjam dalam memenuhi tuntutan kontrak;
- peminjam berkemungkinan akan menghadapi kebankrakan atau akan melalui pengaturan semula kewangan yang lain; atau
- kehilangan pasaran yang aktif bagi aset kewangan tersebut disebabkan oleh kesukaran kewangan.

(iv) Hapus kira

PIDM menghapus kira suatu aset kewangan apabila terdapat maklumat yang menunjukkan bahawa penghutang berada dalam kesukaran kewangan yang teruk dan tiada prospek pemulihan yang realistik, contohnya, apabila penghutang diletakkan di bawah proses pembubaran atau telah menghadapi prosiding kebankrakan. Aset kewangan yang dihapus kira mungkin tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan di bawah prosedur pemulihan PIDM, dengan mengambil kira nasihat perundangan sekiranya wajar. Sebarang pemulihan yang dibuat adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(v) Pengukuran dan pengiktirafan peruntukan kerugian kredit (ECL)

Pengukuran ECL merupakan fungsi kebarangkalian kegagalan, kerugian akibat kegagalan (iaitu tahap kerugian sekiranya berlaku kegagalan) dan pendedahan semasa kegagalan, seperti yang diterangkan di bawah:

- PD *Kebarangkalian kegagalan (Probability of Default)* merupakan anggaran kemungkinan kegagalan entiti yang mungkin berhadap obligasi/pembayaran balik dalam tempoh yang ditetapkan (iaitu lebih dari 12 bulan atau sepanjang jangka hayat instrumen kewangan).
- EAD *Pendedahan semasa kegagalan (Exposure at Default)* merupakan anggaran pendedahan pada tarikh kegagalan masa hadapan, dengan mengambil kira perubahan yang dijangkakan dalam pendedahan selepas tarikh pelaporan, termasuk pembayaran balik prinsipal dan faedah atau pulangan, sama ada kontrak berjadual atau sebaliknya, pengurangan yang dijangkakan kepada komitmen kemudahan, dan faedah atau pulangan terakru daripada pembayaran yang tidak dibuat.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjelasan nilai asset kewangan (sambungan)

(v) Pengukuran dan pengiktirafan peruntukan kerugian kredit (ECL) (sambungan)

- LGD *Kerugian akibat kegagalan (Loss Given Default)* merupakan anggaran kerugian yang timbul akibat kegagalan yang berlaku dalam tempoh yang dinyatakan. Ia adalah berdasarkan perbezaan antara aliran tunai berkontrak yang perlu dibayar dan yang perlu diterima oleh pemberi pinjaman, termasuk daripada realisasi apa-apa cagaran atau pemulihan aset. Ia biasanya dinyatakan sebagai peratusan daripada EAD.

Penilaian kebarangkalian kegagalan dan kerugian akibat kegagalan adalah berdasarkan data sejarah yang diselaraskan dengan maklumat berpandangan ke hadapan seperti yang diterangkan di atas, khususnya input makroekonomi seperti ukuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), yang telah dinilai mempunyai korelasi tertinggi kepada penarafan kredit.

Apabila menganggarkan ECL, khususnya instrumen hutang, PIDM mempertimbangkan beberapa senario di mana setiap senario dikaitkan dengan PD yang berbeza yang digunakan untuk mengukur ECL. Senario yang dipertimbangkan untuk tempoh pelaporan dan wajaran senario ditentukan berdasarkan analisis statistik dan pertimbangan pakar, dengan mengambil kira pelbagai perwakilan hasil daripada setiap senario yang dipilih, serta keadaan persekitaran operasi pada tarikh pelaporan. Sekurang-kurangnya dua senario akan dipertimbangkan dalam menganggarkan ECL pada bila-bila masa.

Berikut pengisyntiasan penularan wabak COVID-19 sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada 11 Mac 2020, PIDM telah mengemas kini senario dan andaian utama yang digunakan untuk mencerminkan persekitaran operasi. Senarai senario dan andaian utama, yang diambil kira oleh PIDM adalah seperti berikut:

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021¹

Senario	Deskripsi – Senario Ekonomi Tempatan
Garis Dasar	Keadaan ekonomi dan/atau pertumbuhan dijangka serupa dengan keadaan dan pertumbuhan sejarah. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia antara 4.5% dan 7.0%
Negatif Sederhana	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka sama dengan situasi dan kadar pertumbuhan lampau. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara 1.0% dan 4.5%
Negatif	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka pada tahap rata atau negatif. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara -5.0% dan 1.0%
Kemerosotan Teruk	Keadaan ekonomi dan/atau pertumbuhan dijangka jauh lebih lemah daripada norma jangka panjang. KDNK Malaysia dijangka tidak berkembang lebih daripada -5.0%

¹ Sumber kategori senario dan kadar pertumbuhan KDNK adalah diambil dari Rating Agency Malaysia (RAM) MFRS9 SaaS version 4.0.5 – 1 November 2021 (2020: RAM MFRS9 SaaS version 4.0.0 – 26 October 2020)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjejasan nilai asset kewangan (sambungan)

(v) Pengukuran dan pengiktirafan peruntukan kerugian kredit (ECL) (sambungan)

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020

Senario	Deskripsi – Senario Ekonomi Tempatan
Negatif Sederhana	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka sama dengan situasi dan kadar pertumbuhan lampau. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara 1.0% dan 4.5%
Negatif	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka pada tahap rata atau negatif. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara -5.0% dan 1.0%
Kemerosotan Teruk	Keadaan ekonomi dan/atau pertumbuhan dijangka jauh lebih lemah daripada norma jangka panjang. KDNK Malaysia dijangka tidak berkembang lebih daripada -5.0%

Sekiranya PIDM telah mengukur peruntukan kerugian bagi suatu instrumen kewangan pada amaun yang sama dengan ECL jangka hayat dalam tempoh pelaporan terdahulu, tetapi menentukan pada tarikh tempoh pelaporan semasa bahawa syarat-syarat bagi ECL jangka hayat tidak lagi dipenuhi, PIDM mengukur peruntukan kerugian pada amaun yang sama dengan 12 bulan ECL pada tarikh pelaporan semasa.

PIDM mengiktiraf penjejasan nilai pendapatan atau kerugian dalam keuntungan atau kerugian bagi semua instrumen kewangan dengan pelarasian yang sesuai dengan amaun bawaannya melalui akaun peruntukan kerugian, kecuali bagi pelaburan dalam instrumen hutang yang diukur pada FVTOCI, di mana peruntukan kerugian diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan terkumpul dalam rizab penilaian semula pelaburan, dan tidak mengurangkan amaun bawaan aset kewangan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(b) Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari diukur dalam Penyata Kedudukan Kewangan PIDM pada nilai kos setelah mengambil kira sebarang kerugian penjejasan nilai, melainkan pelaburan tersebut dipegang untuk jualan.

Selaras dengan seksyen 35 Akta PIDM, keputusan kewangan subsidiari-subsidiari tidak digabungkan dengan penyata kewangan PIDM. Penyediaan penyata kewangan gabungan PIDM dan subsidiari-subsidiarinya tidak akan memberikan maklumat yang berguna dan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan dan prestasi kewangan PIDM. Ini adalah kerana pendedahan kewangan serta kesan pelaksanaan sebarang intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli akan hanya memberi kesan kepada Kumpulan Dana Perlindungan tertentu yang berkaitan dengan institusi ahli tersebut.

Tambahan lagi, selaras dengan keperluan MFRS 10 *Consolidated Financial Statements*, PIDM tidak menyediakan penyata kewangan yang digabungkan kerana PIDM tidak memenuhi kesemuanya kriteria yang diperlukan untuk mempunyai kawalan ke atas subsidiari-subsidiarinya, sebagaimana yang ditakrif di dalam MFRS 10. Ini kerana PIDM, sebagai sebuah entiti, mempunyai pendedahan kewangan serta hak yang terhad kepada pulangan serba berubah daripada pelaburannya di dalam subsidiari-subsidiari tersebut. Sebaliknya, pendedahan kewangan serta hak kepada pulangan serba berubah tersebut adalah dihubungkait secara langsung kepada Kumpulan Dana Perlindungan yang berkenaan. Perkara ini dibincangkan secara lanjut di Nota 3.1(a).

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(c) Hartanah dan peralatan, dan susut nilai

Semua butiran harta dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada nilai kos. Kos tambahan berikutnya akan dimasukkan ke dalam nilai bawaan atau dianggap sebagai aset yang lain, mengikut kesesuaian, hanya apabila kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan dengannya diperoleh oleh PIDM dan penilaian kos butiran tersebut boleh dipercayai. Amaun bawaan bagi bahagian atau komponen aset yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain akan diakaunkan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian bagi tahun kewangan yang mana kos tersebut berlaku.

Selepas pengiktirafan awal, harta dan peralatan dinyatakan pada kos selepas mengambil kira susut nilai dan sebarang kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi mengurangkan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut, mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan di atas tanah pegangan bebas	50 tahun
Perabot dan kelengkapan	20.00%
Kenderaan motor	20.00%
Ubah suai pejabat	20.00%
Peralatan pejabat dan sistem komputer	33.33%

Tanah pegangan bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad maka dengan itu ianya tidak disusutnilaikan. PIDM telah mempermodalkan tanah dan amaun tanah dipermodalkan adalah mengikut pengiktirafan awal menggunakan harga belian di samping kos-kos lain yang berkaitan yang dibelanjakan bagi membawa tanah tersebut kepada keadaannya pada masa sekarang.

Harta dan peralatan masih dalam pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset tersebut sedia untuk diguna.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tahun disusut nilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya serta corak penggunaan manfaat ekonomi harta dan peralatan tersebut. Harta dan peralatan tidak lagi diiktiraf setelah dilupuskan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan diperoleh daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

(d) Penjejasan nilai asset bukan kewangan

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, PIDM mengkaji amaun bawaan aset bukan kewangannya, bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Jika terdapat petunjuk tersebut, amaun yang boleh diperoleh semula dianggarkan bagi menentukan jumlah kerugian penjejasan nilai.

Bagi tujuan ujian penjejasan nilai aset-aset ini, amaun yang boleh diperoleh semula dianggarkan ke atas penilaian individu setiap aset. Amaun yang boleh diperoleh semula ialah amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama aset tersebut setelah dikurangkan kos jualan dan nilai guna sesuatu aset. Dalam menentukan nilai guna, anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan ke nilai kini menggunakan kadar diskon yang menggambarkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai tunai hadapan dan risiko aset tersebut. Apabila amaun bawaan untuk sesuatu aset melebihi amaun yang boleh diperoleh semula, aset tersebut dianggap terjejas dan nilai bawaannya akan dikurangkan kepada amaun yang boleh diperoleh semula.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(d) Penjejasan nilai aset bukan kewangan (sambungan)

Kerugian penjejasan nilai diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian dalam tahun yang sama ia berlaku, melainkan aset itu dibawa pada amaun yang dinilai semula, yang mana penjejasan nilai tersebut hendaklah diakaunkan sebagai penilaian semula yang dikurangkan setakat mana amaun kerugian penjejasan nilai itu tidak melebihi amaun yang diambil kira dalam rizab penilaian semula aset tersebut.

Kerugian penjejasan nilai bagi aset akan dibalikkan semula jika, dan hanya jika, terdapat perubahan antara anggaran yang digunakan untuk menilai amaun yang boleh diperoleh semula dengan anggaran susut nilai yang diiktiraf sebelumnya. Selain daripada aset muhibah, nilai bawaan aset boleh dinaikkan kepada amaun yang boleh diperoleh semula, selagi amaun tersebut tidak melebihi nilai bawaan yang sepatutnya ditentukan (nilai selepas ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai bagi aset tersebut telah diiktiraf pada tahun sebelumnya. Suatu pembalikan semula kerugian penjejasan nilai bagi aset selain daripada aset muhibah akan diiktiraf dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian, melainkan aset tersebut direkodkan pada amaun dinilai semula, yang mana, dalam situasi ini, pembalikan semula tersebut harus diakaunkan sebagai penambahan penilaian semula.

(e) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Semua pendapatan dan perbelanjaan operasi berkaitan dengan Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans diiktiraf mengikut asas akruan. Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk mengkredit semua pendapatan operasi secara langsung kepada, dan caj semua perbelanjaan terhadap Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana yang berkaitan.

1. Pendapatan

Pendapatan premium dan levi yang diiktiraf dalam sesuatu tahun kewangan ditaksir berdasarkan premium dan levi yang ditaksirkan semasa tahun kewangan tersebut.

Pendapatan pelaburan termasuk pendapatan daripada penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek diiktiraf mengikut asas pembahagian masa yang menggambarkan pulangan efektif aset tersebut.

2. Perbelanjaan

Perbelanjaan yang berkaitan secara langsung kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana tertentu dicaj kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana tersebut.

Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana akan diagih berdasarkan ketetapan Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pengagihan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) Perintah 2017.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(e) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan (sambungan)

2. Perbelanjaan (sambungan)

Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana yang khusus boleh dikategorikan kepada dua kategori seperti berikut:

(i) *Perbelanjaan yang boleh dikaitkan kepada Sistem Insurans Deposit atau Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans tetapi merupakan perbelanjaan tidak langsung bagi sistem masing-masing.* Pengagihan bagi kategori perbelanjaan ini adalah berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi untuk sistem masing-masing pada tahun kewangan tahun sebelumnya seperti perbelanjaan, kos atau kerugian yang diagihkan. Bagi tahun kewangan 2021, perbelanjaan telah diagihkan kepada sistem masing-masing berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi untuk sistem masing-masing dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020. Kadar peruntukan yang digunakan sepanjang tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Sistem Insurans Deposit		Sistem Perlindungan Manfaat Takaful Dan Insurans			
	Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Keluarga
2021	75.73%	24.27%	40.58%	48.45%	3.22%	7.75%
	100%			100%		
2020	77.33%	22.67%	31.68%	57.63%	2.16%	8.53%
	100%			100%		

(ii) *Perbelanjaan yang merupakan perbelanjaan biasa atau kos tidak langsung untuk mentadbir kedua-dua Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.* Perbelanjaan yang tidak boleh dirujuk secara khusus kepada mana-mana Sistem Insurans Deposit atau Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, perlu diperuntukkan berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi bagi setiap Kumpulan Dana Perlindungan di dalam Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pada tahun sebelumnya seperti perbelanjaan, kos atau kerugian yang diagihkan. Bagi tahun kewangan 2021, perbelanjaan sebegini telah dicajkan kepada Dana Perlindungan masing-masing berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi bagi setiap Dana Perlindungan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020. Asas pengagihan yang digunakan adalah seperti berikut:

Tahun	Sistem Insurans Deposit			Sistem Perlindungan Manfaat Takaful Dan Insurans			
	Jumlah	Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Keluarga
2021	100%	54.34%	17.42%	11.46%	13.68%	0.91%	2.19%
2020	100%	57.39%	16.82%	8.17%	14.86%	0.56%	2.20%

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(f) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan manfaat lain seperti faedah kesihatan dan eluan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan PIDM. Cuti berganjaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ia boleh dikumpul dan ditokok tambah atas kelayakan masa hadapan. Cuti berganjaran jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit diiktiraf pada masa ketidakhadiran berlaku.

(ii) Manfaat pasca-pekerjaan

1. Rancangan caruman tetap

Rancangan caruman tetap ialah manfaat yang diberikan selepas tamat perkhidmatan yang mana PIDM membayar caruman tetap ke dalam dana atau kepada sebuah entiti berasingan. PIDM tidak mempunyai obligasi untuk membuat caruman tambahan sekiranya dana tersebut tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar manfaat kakitangan berdasarkan perkhidmatan kakitangan pada tahun kewangan semasa atau sebelumnya. Caruman itu diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian apabila ia berlaku. Sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, PIDM membuat caruman kepada skim pencegahan berkanun nasional, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial.

2. Rancangan manfaat ditentukan

PIDM melaksanakan satu rancangan manfaat ditentukan tanpa pendanaan yang dikenali sebagai Rancangan Persaraan Jangka Panjang dilaksanakan berkuat kuasa pada 1 Januari 2016. Rancangan Persaraan Jangka Panjang memberi manfaat kepada pekerja yang berbentuk satu tahap jaminan pembayaran persaraan secara sekaligus akan diberikan berdasarkan gaji akhir pekerja. Pembayaran manfaat Rancangan Persaraan Jangka Panjang bergantung kepada tempoh perkhidmatan dan gaji pada tahun terakhir persaraan.

Peruntukan bagi Rancangan Persaraan Jangka Panjang yang diiktirafkan di dalam kedudukan penyata kewangan adalah nilai kini obligasi Rancangan Persaraan Jangka Panjang pada akhir tempoh pelaporan, termasuk pelarasannya bagi untung / rugi aktuari dan mana-mana kos perkhidmatan lampau yang tidak diiktiraf.

PIDM akan menentukan perbelanjaan faedah bagi Rancangan Persaraan Jangka Panjang pada tempoh tersebut dengan menggunakan pakai kadar diskaun untuk mengukur obligasi Rancangan Persaraan Jangka Panjang pada permulaan tempoh tahunan kepada Rancangan Persaraan Jangka Panjang yang seterusnya. Perbelanjaan faedah dan perbelanjaan lain berkaitan dengan Rancangan Persaraan Jangka Panjang akan dinyatakan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(g) Mata wang

(i) Mata wang yang digunakan dan dinyatakan

Penyata kewangan PIDM dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang utama bagi ekonomi yang mana PIDM beroperasi (mata wang fungsian).

(ii) Urus niaga mata wang asing

Bagi penyediaan penyata kewangan PIDM, urus niaga dalam mata wang asing selain daripada mata wang fungsian PIDM akan direkodkan dalam mata wang fungsian dengan kadar tukaran yang digunakan semasa tarikh urus niaga. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, butiran kewangan dalam mata wang asing akan ditukar mengikut kadar tukaran semasa tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dalam mata wang asing akan ditukar pada kadar tukaran yang digunakan pada tarikh nilai saksamanya ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur mengikut kos sejarah dalam mata wang asing tidak ditukarkan.

Perbezaan tukaran asing akibat daripada penyelesaian dan penukaran butiran kewangan akan diambil kira di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian untuk tempoh berkaitan. Perbezaan tukaran asing bagi penukaran butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama diambil kira di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian untuk tempoh berkaitan kecuali bagi perbezaan disebabkan penukaran butiran bukan kewangan yang mana keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab. Perbezaan tukaran asing akibat daripada butiran bukan kewangan tersebut juga akan diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab.

(h) PIDM sebagai pihak pajak

PIDM menilai sama ada suatu kontrak merupakan pajakan atau mengandungi terma pajakan, dari permulaan kontrak tersebut. PIDM mengiktiraf suatu aset berkaitan hak penggunaan serta liabiliti pajakan yang sepadan bagi semua perjanjian pajakan di mana ia adalah pajak. Terkecuali adalah pajakan jangka pendek (ditakrifkan sebagai pajakan dengan tempoh pajakan selama 12 bulan atau kurang) dan pajakan aset bernilai rendah, di mana PIDM mengiktiraf pembayaran pajakan tersebut sebagai perbelanjaan operasi mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan, melainkan terdapat kaedah sistematik lain adalah lebih sesuai bagi corak masa di mana manfaat ekonomi aset pajakan itu digunakan.

Liabiliti pajakan di peringkat awalnya diukur pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan yang belum berbayar pada tarikh permulaan, yang didiskaunkan dengan menggunakan kadar tersirat bagi pajakan tersebut. Jika kadar ini tidak dapat ditentukan dengan tepat, PIDM menggunakan kadar peminjaman tambahannya.

Pembayaran pajakan yang termasuk dalam pengukuran liabiliti pajakan terdiri daripada:

- pembayaran pajakan tetap (termasuk isi kandungannya adalah pembayaran tetap), selepas ditolak sebarang insentif pajakan;
- pembayaran pajakan boleh ubah yang bergantung kepada suatu indeks atau kadar, yang pada mulanya diukur dengan menggunakan indeks atau kadar berkenaan pada tarikh permulaan;
- amaun yang dijangka dibayar oleh pemajak di bawah jaminan nilai sisa;

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(h) PIDM sebagai pihak pemajak (sambungan)

Pembayaran pajakan yang termasuk dalam pengukuran liabiliti pajakan terdiri daripada: (sambungan)

- harga laksana opsyen pembelian, sekiranya pemajak adalah munasabah pasti untuk melaksanakan opsyen tersebut; dan
- pembayaran penalti bagi penamatkan pajakan, sekiranya terma pajakan berkenaan ada mencerminkan suatu opsyen bagi menamatkan pajakan tersebut.

Liabiliti pajakan dibentangkan secara berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Liabiliti pajakan seterusnya diukur dengan menaikkan amaun bawaan untuk mencerminkan faedah atau pulangan ke atas liabiliti pajakan (menggunakan kaedah kadar efektif bagi faedah atau pulangan) dan dengan mengurangkan amaun bawaan untuk mencerminkan pembayaran pajakan yang dibuat.

PIDM mengukur semula liabiliti pajakan (dan membuat penyesuaian yang sepadan dengan aset berkaitan hak penggunaan) apabila:

- terma pajakan telah berubah atau terdapat perubahan dalam penilaian pelaksanaan opsyen pembelian, di mana liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskau yang disemak semula;
- pembayaran pajakan berubah disebabkan perubahan dalam indeks atau kadar atau perubahan dalam jangkaan pembayaran di bawah jaminan nilai sisa, di mana liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskau awal (kecuali perubahan pembayaran pajakan adalah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah atau pulangan terapung, di mana kadar diskau yang disemak semula akan digunakan); atau
- kontrak pajakan diubahsuai dan pengubahsuain pajakan tersebut tidak diambil kira sebagai pajakan berasingan. Dalam hal ini, liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskau yang disemak semula.

Aset berkaitan hak penggunaan terdiri daripada pengukuran awal liabiliti pajakan yang sepadan, pembayaran pajakan yang telah dibuat pada atau sebelum hari permulaan dan sebarang kos langsung permulaan. Ia kemudian diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai.

Apabila PIDM menanggung obligasi bagi kos untuk menghapus dan mengeluarkan suatu aset pajakan, atau memulihkan tapak di mana aset tersebut berada atau memulihkan aset tersebut kepada keadaan asal seperti yang diperlukan oleh terma dan syarat pajakan, suatu peruntukan perlu diiktiraf dan diukur di bawah MFRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*. Kos tersebut dimasukkan dalam nilai aset berkaitan hak penggunaan yang berkenaan.

Aset berkaitan hak penggunaan adalah disusut nilai dalam jangka lebih pendek antara tempoh pajakan atau tempoh hayat aset dasar. Sekiranya suatu pajakan berpindah milik kepada pemajak atau kos aset berkaitan hak penggunaan mencerminkan bahawa PIDM dijangka untuk melaksanakan opsyen pembelian, aset berkaitan hak penggunaan tersebut akan disusut nilai berdasarkan tempoh hayat aset dasar berkenaan. Susut nilai bermula dari tarikh permulaan pajakan.

Aset berkaitan hak penggunaan dibentangkan secara berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(h) PIDM sebagai pihak pemajak (sambungan)

PIDM menggunakan MFRS 136 *Impairment of Assets* untuk menentukan sama ada aset berkaitan hak penggunaan adalah terjejas dan mengambil kira kerugian penjejasan nilai yang dikenal pasti seperti yang diuraikan dalam Nota 2.2(d).

Sewa boleh ubah yang tidak bergantung kepada indeks atau kadar tidak dimasukkan dalam pengukuran liabiliti pajakan dan aset berkaitan hak penggunaan. Pembayaran yang berkaitan adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh yang mana peristiwa atau keadaan yang menyebabkan pembayaran tersebut berlaku dan dimasukkan dalam perenggan “perbelanjaan operasi dan pentadbiran” di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

Sebagai amalan praktikal, MFRS 16 *Leases* membenarkan pemajak untuk tidak memisahkan komponen bukan pajakan, dan sebaliknya mempertimbangkan sebarang pajakan atau komponen bukan pajakan yang berkaitan sebagai suatu aturan tunggal. PIDM telah menggunakan amalan praktikal ini.

2.3 Pelaksanaan Piawaian MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan

Piawaian, Tafsiran dan Pindaan MFRS yang baru dan disemak semula

Dasar perakaunan yang digunakan adalah konsisten dengan dasar-dasar perakaunan tahun kewangan sebelum ini.

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran yang telah diterbitkan oleh MASB, yang berkuatkuasa dalam tempoh pelaporan kewangan semasa dan telah diterima pakai oleh PIDM dalam penyata kewangan ini:

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021:

Amendments to MFRS 9, MFRS 139, MFRS 7, MFRS 4 and MFRS 16 (Interest Rate Benchmark Reform – Phase 2)

Pada tahun semasa, PIDM menerima pindaan Fasa 2 Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah—Pindaan kepada MFRS 9, MFRS 139, MFRS 7, MFRS 4 dan MFRS 16. Menggunakan pindaan ini akan membolehkan PIDM mencerminkan kesan peralihan daripada kadar yang ditawarkan antara bank (IBOR) kepada kadar faedah penanda aras alternatif tanpa menimbulkan kesan perakaunan yang tidak akan memberikan maklumat berguna kepada pengguna penyata kewangan.

Pindaan fasa 2 tidak berkaitan dengan PIDM kerana PIDM tidak mempunyai sebarang instrumen kewangan bukan derivatif yang matang selepas 2021 (tarikh pembaharuan dijangka dilaksanakan) mahupun liabiliti pajakan yang berdasarkan IBOR.

* Pengukuran semula Rancangan Persaraan Jangka Panjang adalah disebabkan perubahan kepada andaian kewangan dan pelarasan Rancangan Persaraan Jangka Panjang ini diwaktu tempoh penilaian-antara seperti yang dinilai oleh aktuari bertauliah. Andaian utama aktuari pada tempoh akhir pelaporan (dinyatakan di dalam purata berwajaran) adalah termasuk kadar diskain, pertumbuhan gaji pada masa depan, kadar pusing ganti pekerja, kadar kematian dan kadar kehilangan upaya. Kadar kematian adalah berdasarkan pada terbitan terkini *Malaysian Ordinary Life (M1115)* yang digunakan dalam industri insurans. Kadar kehilangan upaya yang digunakan adalah 10% daripada kadar kematian.

Pengukuran semula sebanyak RM2.4 juta pada 2021 juga termasuk pelarasan sekali sahaja sebanyak RM1.5 juta disebabkan oleh perubahan dalam kaedah kos aktuari yang digunakan untuk mengaitkan faedah kepada tempoh perkhidmatan. Semakan kaedah ini timbul daripada keputusan yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Tafsiran IFRS (IC). Perubahan kepada kaedah kos aktuari ini dikenakan secara prospektif, dan oleh itu tiada penyataan semula liabiliti tahun sebelumnya.

Liabiliti bersih yang dinyatakan di atas adalah berkait dengan pelan tanpa pendanaan, seperti yang dinyatakan berikut:

	2021	2020
	RM'000	RM'000
Nilai saksama bagi aset rancangan		
Nilai semasa obligasi tanpa pendanaan	3,204	3,885

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

12. KUMPULAN DANA DAN RIZAB

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit

Lebihan terkumpul

	2021		
	Jumlah	Insurans Deposit Konvensional	Insurans Deposit Islam
	RM'000	RM'000	RM'000
Baki pada 1 Januari	2,980,629	2,424,703	555,926
Lebihan bersih	253,160	189,206	63,954
Baki pada 31 Disember	3,233,789	2,613,909	619,880

	2020		
	Jumlah	Insurans Deposit Konvensional	Insurans Deposit Islam
	RM'000	RM'000	RM'000
Baki pada 1 Januari	2,770,792	2,267,355	503,437
Lebihan bersih	209,837	157,348	52,489
Baki pada 31 Disember	2,980,629	2,424,703	555,926

Kumpulan Dana Insurans Deposit ialah rizab terkumpul (dana ex-ante) untuk menampung kerugian bersih dijangka akibat perlindungan insurans deposit kepada pendeposit. Selaras dengan Akta PIDM, PIDM menyenggara Dana Insurans Deposit berasingan bagi Sistem Insurans Deposit Konvensional dan Islam. Kumpulan Dana Insurans Deposit tersebut terkumpul daripada lebihan bersih tahunan yang merupakan hasil premium dan pendapatan pelaburan yang diperoleh bersih dari perbelanjaan yang ditanggung berdasarkan kepada nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi bagi tahun tertentu.

Dalam tahun 2011, PIDM telah merangka satu rangka kerja untuk menentukan paras Kumpulan Dana Insurans Deposit yang perlu dikumpulkan sebagai rizab bagi tempoh jangka panjang untuk memenuhi objektif dan mandat yang dipertanggungjawabkan. Paras ini (yang dikenali sebagai Dana Sasaran) merupakan paras dana yang perlu bagi menampung kerugian bersih dijangka daripada aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Dana Sasaran dihuraikan sebagai peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan, dan ditetapkan sebagai jajaran paras sasaran (jajaran rendah dan tinggi).

Jajaran Dana Sasaran ialah antara 0.6% dan 0.9% bagi kedua-dua Dana Insurans Deposit Konvensional dan Islam. Berdasarkan kepada paras Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember 2020, jajaran dalam termasuk mutlak RM ialah antara RM2.7 bilion hingga RM4.1 bilion bagi Dana Insurans Deposit Konvensional dan antara RM0.8 bilion hingga RM1.2 bilion bagi Dana Insurans Deposit Islam. Rangka kerja Dana Sasaran sedang disemak dan akan diselaraskan dengan hasil semakan Sistem Premium Berbeza untuk kedua-dua Sistem Insurans Deposit Konvensional dan Islam.

12. KUMPULAN DANA DAN RIZAB (sambungan)

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit (sambungan)

Lebihan terkumpul (sambungan)

Baki semasa Kumpulan Dana Insurans Deposit pada 31 Disember 2020 seperti peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan berbanding jajaran Dana Sasaran telah dijelaskan di dalam jadual berikut:

Kumpulan Dana Insurans	Dana Sasaran			
	2021 Sebenar	2020 Sebenar	Jajaran Rendah	Jajaran Tinggi
	RM Juta/%	RM Juta/%	RM Juta / %	RM Juta / %
Dana Insurans Deposit Konvensional				
Baki	2,614	2,425	2,902	4,353
Peratus Jumlah Deposit Diinsuranskan	0.54%	0.56%	0.60%	0.90%
Dana Insurans Deposit Islam				
Baki	620	556	919	1,379
Peratus Jumlah Deposit Diinsuranskan	0.40%	0.46%	0.60%	0.90%

Bagi mencapai paras Dana Sasaran pada jajaran 0.6% sehingga 0.9% bagi Jumlah Deposit Diinsuranskan dalam jangka masa yang wajar, kadar premium yang ditaksir ke atas bank-bank ahli diterangkan di dalam Nota 13(a).

Berdasarkan kepada paras lebihan terkumpul terkini dan kadar premium, jajaran rendah Dana Sasaran (0.6% bagi Jumlah Deposit Diinsuranskan) dijangka dapat dicapai dalam tempoh 1 hingga 3 tahun yang akan datang.

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Lebihan terkumpul

	2021			
	Jumlah	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Baki pada 1 Januari	1,896,893	1,331,141	461,368	31,111
Lebihan bersih	90,744	26,261	55,844	2,261
Baki pada 31 Disember	1,987,637	1,357,402	517,212	33,372
				79,651

	2020			
	Jumlah	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Baki pada 1 Januari	1,812,784	1,294,811	422,698	28,233
Lebihan bersih	84,109	36,330	38,670	2,878
Baki pada 31 Disember	1,896,893	1,331,141	461,368	31,111
				73,273

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

12. KUMPULAN DANA DAN RIZAB (sambungan)

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (sambungan)

Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ialah rizab terkumpul (dana ex-ante) untuk menampung kerugian bersih dijangka akibat perlindungan manfaat takaful dan insurans kepada pemilik sijil takaful dan polis insurans. Selaras dengan Akta PIDM, PIDM menyenggara empat Dana berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans tersebut terkumpul daripada lebihan bersih tahunan yang merupakan hasil levi dan pendapatan pelaburan yang diperoleh bersih dari perbelanjaan yang ditanggung berdasarkan kepada nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi bagi tahun tertentu.

Rangka kerja Dana Sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Am telah menetapkan Jajaran Dana Sasaran antara 80% hingga 100% daripada paras maksimum kerugian dijangka. Pada 31 Disember 2021, jajaran Dana Sasaran dalam amaun mutlak RM juta ialah seperti berikut:

Dana Perlindungan Insurans Am	Dana Sasaran			
	2021	2020	Jajaran Rendah	Jajaran Tinggi
	Sebenar RM Juta	Sebenar RM Juta	RM Juta	RM Juta
Baki	1,358	1,331	256	320

Berdasarkan baki Dana Perlindungan Insurans Am pada 31 Disember 2021, kedudukan dana semasa telah melebihi jajaran tinggi paras Dana Sasaran. Maka dengan ini, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Pentadbiran Dana, di mana ia mengandungi perubahan kadar levi dan / atau potongan premium. Pada tahun taksiran 2016, PIDM telah mengkaji semula kadar levi untuk menilai ahli penginsurans am bagi tahun taksiran 2016 dan seterusnya. Rujuk Nota 13(b)(i) untuk mendapatkan butiran kadar levi yang ditaksir ke atas ahli penginsurans.

PIDM telah melaksanakan satu rangka kerja Dana Sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Hayat pada tahun 2016. Paras Dana Sasaran berada dalam jajaran antara 0.4% sehingga 0.6% daripada liabiliti penilaian aktuari bagi setiap ahli insurans hayat. Pada 31 Disember 2021, jajaran Dana Sasaran dalam amaun mutlak RM juta ialah seperti berikut:

Dana Perlindungan Insurans Hayat	Dana Sasaran			
	2021	2020	Jajaran Rendah	Jajaran Tinggi
	Sebenar RM Juta	Sebenar RM Juta	RM Juta	RM Juta
Baki	517	461	604	905

Berdasarkan kepada paras lebihan terkumpul semasa setelah mengambil kira persekitaran operasi dan impak kepada industri insurans, paras jajaran rendah Dana Sasaran dijangka akan dicapai antara 2 hingga 5 tahun yang akan datang.

12. KUMPULAN DANA DAN RIZAB (sambungan)

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (sambungan)

Pada tahun 2018, PIDM melaksanakan rangka kerja Dana Sasaran bagi Dana Perlindungan Takaful Am (GTPF) dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga (FTP). Rangka kerja Dana Sasaran bagi GTPF telah menggunakan pakai paras Dana Sasaran pada jajaran 2.8% hingga 3.3% daripada jumlah liabiliti takaful am². Pada 31 Disember 2021, jajaran Dana Sasaran dalam amaun mutlak RM juta ialah seperti berikut:

Dana Perlindungan Takaful Am	Dana Sasaran			
	2021	2020	Jajaran Rendah	Jajaran Tinggi
	Sebenar RM Juta	Sebenar RM Juta	RM Juta	RM Juta
Baki	33	31	88	104

Berdasarkan kepada paras lebihan terkumpul semasa setelah mengambil kira persekitaran operasi dan impak kepada industri takaful, paras jajaran rendah Dana Sasaran dijangka akan dicapai antara 10 hingga 12 tahun yang akan datang.

Rangka kerja Dana Sasaran bagi FTPF telah menggunakan pakai paras Dana Sasaran pada jajaran 1.0% hingga 1.5% daripada jumlah tanggungan takaful keluarga³. Pada 31 Disember 2021, jajaran Dana Sasaran dalam amaun mutlak RM juta ialah seperti berikut:

Dana Perlindungan Takaful Keluarga	Dana Sasaran			
	2021	2020	Jajaran Rendah	Jajaran Tinggi
	Sebenar RM Juta	Sebenar RM Juta	RM Juta	RM Juta
Baki	80	73	268	402

Berdasarkan kepada paras lebihan terkumpul semasa setelah mengambil kira persekitaran operasi dan impak kepada industri takaful, paras jajaran rendah Dana Sasaran dijangka akan dicapai antara 10 hingga 14 tahun yang akan datang.

² Liabiliti takaful am merangkumi liabiliti tuntutan dan liabiliti caruman kumpulan dana takaful am.

³ Liabiliti takaful keluarga merangkumi liabiliti penilaian aktuari kumpulan dana risiko peserta dan nilai aset bersih kumpulan dana pelaburan peserta, tidak termasuk nilai aset bersih kumpulan dana berkaitan pelaburan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

13. HASIL PREMIUM DAN LEVI

Sebagai tindak balas dalam menangani kesan pandemik COVID-19, Menteri Kewangan, atas saranan PIDM, telah meluluskan pengurangan kadar premium dan levi bagi tahun taksiran 2020 dan 2021. Pengurangan kadar premium dan levi ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah pelepasan kawal selia PIDM, yang selaras dengan tindak balas Kerajaan untuk menyokong ekonomi dan menangani kesan pandemik.

a. Hasil premium daripada bank ahli

	2021		
	Jumlah	Insurans Deposit Konvensional	Insurans Deposit Islam
	RM'000	RM'000	RM'000
Premium tahunan	247,632	182,399	65,233
Jumlah hasil premium daripada bank ahli	247,632	182,399	65,233

	2020		
	Jumlah	Insurans Deposit Konvensional	Insurans Deposit Islam
	RM'000	RM'000	RM'000
Premium tahunan	191,874	140,795	51,079
Jumlah hasil premium daripada bank ahli	191,874	140,795	51,079

Kadar premium yang berkenaan bank-bank ahli dikenakan menurut Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan dan Premium Pertama berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011⁴ (Perintah Premium – Bank-bank Ahli).

i. Kadar premium tahunan di bawah Sistem Premium Berbeza

KATEGORI PREMIUM	KADAR PREMIUM		JUMLAH PREMIUM TAHUN MINIMUM (RM)
	TAHUN TAKSIRAN 2020 DAN 2021		
1	0.03%		50,000
2	0.06%		100,000
3	0.12%		200,000
4	0.24%		400,000

Jika suatu bank ahli dikelaskan dalam kategori premium yang berbeza bagi deposit Islam diinsuranskan dan deposit konvensional diinsuranskan, kadar premium tahunan yang akan dikenakan adalah mengikut kadar premium bagi kategori premium deposit masing-masing

KATEGORI PREMIUM	KADAR PREMIUM		JUMLAH PREMIUM TAHUN MINIMUM(RM)
	TAHUN TAKSIRAN 2019		
1	0.06%		100,000
2	0.12%		200,000
3	0.24%		400,000
4	0.48%		800,000

13. HASIL PREMIUM DAN LEVI (sambungan)

a. Hasil premium daripada bank ahli (sambungan)

ii. Kadar bagi premium pertama

Sebuah bank ahli baharu [sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011] yang memegang deposit Islam diinsuranskan atau deposit konvensional diinsuranskan, kadar premium pertama bank ahli itu adalah sama dengan kadar premium untuk kategori premium 1, tertakluk kepada jumlah minimum premium pertama sebanyak RM250,000.

b. Hasil levi daripada ahli penginsurans

	2021		
	Jumlah	Insurans Am	Insurans Hayat
	RM'000	RM'000	RM'000
Levi tahunan	68,512	2,903	56,658
Jumlah hasil levi daripada ahli penginsurans	68,512	2,903	56,658

	2020		
	Jumlah	Insurans Am	Insurans Hayat
	RM'000	RM'000	RM'000
Levi tahunan	51,747	3,294	39,533
Jumlah hasil levi daripada ahli penginsurans	51,747	3,294	39,533

i. Kadar levi di bawah Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans

Kadar levi yang dikenakan ke atas ahli penginsurans adalah ditentukan mengikut Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Pertama dan Premium Tahunan Berkenaan Anggota Penanggung Insurans) Perintah 2016⁵ (Perintah Premium – Ahli Penginsurans) berdasarkan kategori levi di mana ahli penginsurans tersebut telah diklasifikasikan. Kadar levi yang ditaksir ke atas ahli penginsurans, sebagaimana yang dinyatakan di dalam Perintah Premium – Ahli Penginsurans adalah seperti berikut:

KATEGORI LEVI	TAHUN TAKSIRAN 2020 DAN 2021			
	INSURANS		TAKAFUL	
	AM	HAYAT	AM	KELUARGA
1	0.0125%	0.0125%	0.05%	0.0125%
2	0.025%	0.025%	0.1%	0.025%
3	0.05%	0.05%	0.2%	0.05%
4	0.1%	0.1%	0.4%	0.1%

⁴ Seperti pindaan di dalam Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan dan Premium pertama berkenaan Anggota Penerima Deposit)(Pindaan) 2020⁵ Seperti pindaan di dalam Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Pertama dan Premium Tahunan Berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) (Pindaan) 2020

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

13. HASIL PREMIUM DAN LEVI (sambungan)

b. Hasil levi daripada ahli penginsurans (sambungan)

i. Kadar levi di bawah Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans (sambungan)

KATEGORI LEVI	TAHUN TAKSIRAN 2019			
	INSURANS		TAKAFUL	
	AM	HAYAT	AM	KELUARGA
1	0.025%	0.025%	0.1%	0.025%
2	0.05%	0.05%	0.2%	0.05%
3	0.1%	0.1%	0.4%	0.1%
4	0.2%	0.2%	0.8%	0.2%

ii. Kadar levi minimum tahunan di bawah Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans

Pungutan tahunan levi yang perlu dibayar untuk tahun 2021 dikenakan pungutan minimum berdasarkan kategori pungutannya seperti berikut:

KATEGORI LEVI	TAHUN TAKSIRAN 2020 DAN 2021			
	AMAUN LEVI MINIMUM TAHUNAN (RM)			
	INSURANS		TAKAFUL	
AM	HAYAT	AM	KELUARGA	
1		37,500		
2	12,500		75,000	
3			150,000	
4			300,000	

KATEGORI LEVI	TAHUN TAKSIRAN 2019			
	AMAUN LEVI MINIMUM TAHUNAN (RM)			
	INSURANS		TAKAFUL	
AM	HAYAT	AM	KELUARGA	
1		75,000		
2	25,000		150,000	
3			300,000	
4			600,000	

iii. Kadar levi pertama yang perlu dibayar

Levi yang perlu dibayar oleh ahli penginsurans untuk tahun taksiran pertama dimana ia menjadi ahli institusi adalah RM250,000 atau kadar levi kategori 1, yang mana lebih tinggi nilainya.

14. PENDAPATAN PELABURAN DAN PULANGAN DARIPADA KESETARAAN TUNAI DAN SEKURITI PELABURAN

a. Pendapatan pelaburan mengikut kelas aset

	2021		
	Kumpulan Dana	Perlindungan	
Kumpulan Dana	Insurans	Manfaat Takaful	
Jumlah	Deposit	dan Insurans	
RM'000	RM'000	RM'000	
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	113,544	67,463	46,081
Sekuriti Hutang Swasta	8,418	5,190	3,228
Jumlah sub pendapatan pelaburan daripada sekuriti pelaburan	121,962	72,653	49,309
Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	1,763	1,370	393
Jumlah pendapatan pelaburan dan pulangan daripada kesetaraan tunai dan sekuriti pelaburan	123,725	74,023	49,702

	2020		
	Kumpulan Dana	Perlindungan	
Kumpulan Dana	Insurans	Manfaat Takaful	
Jumlah	Deposit	dan Insurans	
RM'000	RM'000	RM'000	
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	134,269	79,736	54,533
Sekuriti Hutang Swasta	7,643	5,178	2,465
Jumlah sub pendapatan pelaburan daripada sekuriti pelaburan	141,912	84,914	56,998
Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	2,459	1,638	821
Jumlah pendapatan pelaburan dan pulangan daripada kesetaraan tunai dan sekuriti pelaburan	144,371	86,552	57,819

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

14. PENDAPATAN PELABURAN DAN PULANGAN DARIPADA KESETARAAN TUNAI DAN SEKURITI PELABURAN
(sambungan)

b. Pendapatan pelaburan dan pulangan mengikut jenis pulangan pelaburan

	2021			
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana		
		Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Perlindungan Manfaat Takaful	dan Insurans RM'000
Kupon dan kadar keuntungan daripada sekuriti pelaburan	175,814	106,965	68,849	
Pulangan daripada penambahan diskau ke atas sekuriti pelaburan (bersih daripada pelunasan premium)	(53,851)	(34,312)	(19,539)	
Jumlah sub pendapatan pelaburan daripada sekuriti pelaburan	121,963	72,653	49,310	
Pulangan daripada penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	1,762	1,370	392	
Jumlah pendapatan pelaburan dan pulangan daripada kesetaraan tunai dan sekuriti pelaburan	123,725	74,023	49,702	

	2020			
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana		
		Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Perlindungan Manfaat Takaful	dan Insurans RM'000
Kupon dan kadar keuntungan daripada sekuriti pelaburan	167,951	100,960	66,991	
Pulangan daripada penambahan diskau ke atas sekuriti pelaburan (bersih daripada pelunasan premium)	(26,039)	(16,046)	(9,993)	
Jumlah sub pendapatan pelaburan daripada sekuriti pelaburan	141,912	84,914	56,998	
Pulangan daripada penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	2,459	1,638	821	
Jumlah pendapatan pelaburan dan pulangan daripada kesetaraan tunai dan sekuriti pelaburan	144,371	86,552	57,819	

14. PENDAPATAN PELABURAN DAN PULANGAN DARIPADA KESETARAAN TUNAI DAN SEKURITI PELABURAN
(sambungan)

c. Kadar Efektif Pulangan Purata Berwajaran (KEPPB)

KEPPB bagi sekuriti pelaburan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Tahun	Jenis Portfolio	Sistem Insurans Deposit			Sistem Perlindungan Manfaat		
		Konvensional	Islam	Insurans	Insurans	Takaful	Takaful
			Am	Hayat	Am	Am	Keluarga
2021	Sekuriti pelaburan						
	MGSII	2.55%	2.85%	2.62%	2.68%	2.78%	2.82%
	Sekuriti Hutang Swasta	2.54%	2.19%	2.40%	2.57%	2.23%	2.17%
	Jumlah sub	2.59%				2.63%	
	Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap						
		1.46%	1.48%	1.33%	1.50%	1.51%	1.49%
	Jumlah sub	1.47%				1.40%	
	Keseluruhan	2.40%				2.51%	
2020	Sekuriti pelaburan						
	MGSII	2.89%	3.21%	3.02%	3.10%	3.15%	3.17%
	Sekuriti Hutang Swasta	2.99%	2.75%	2.91%	3.35%	2.65%	2.83%
	Jumlah sub	2.93%				3.04%	
	Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap						
		1.72%	1.63%	1.68%	1.71%	1.86%	1.84%
	Jumlah sub	1.67%				1.72%	
	Keseluruhan	2.67%				2.89%	

KEPPB yang dinyatakan di atas adalah berdasarkan kadar purata pulangan setiap portfolio untuk tahun kewangan 2021 dan 2020.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

15. PERBELANJAAN PENGURUSAN MODAL INSAN

	2021		
	Jumlah	Kumpulan Dana	
		Kumpulan Dana Insurans	Perlindungan Deposit dan Manfaat Takaful
	RM'000	RM'000	RM'000
a. Manfaat Kakitangan			
Gaji dan upahan	52,246	37,404	14,842
Caruman kepada rancangan caruman tetap	8,744	6,263	2,481
Peruntukan cuti yang tidak terambil	1,204	780	424
Peruntukan Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	1,889	1,356	533
Kos faedah/pembentukan Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	142	102	40
Manfaat lain	3,825	2,692	1,133
Jumlah sub manfaat kakitangan	68,050	48,597	19,453
b. Perbelanjaan lain berkaitan Modal Insan			
Latihan dan pembangunan	453	330	123
Perbelanjaan pelbagai berkaitan Modal Insan	485	351	134
Jumlah sub perbelanjaan lain berkaitan modal insan	938	681	257
Jumlah perbelanjaan manfaat kakitangan	68,988	49,278	19,710

	2020		
	Jumlah	Kumpulan Dana	
		Kumpulan Dana Insurans	Perlindungan Deposit dan Manfaat Takaful
	RM'000	RM'000	RM'000
a. Manfaat Kakitangan			
Gaji dan upahan	51,022	37,842	13,180
Caruman kepada rancangan caruman tetap	8,432	6,255	2,177
Peruntukan cuti yang tidak terambil	1,524	1,085	439
Peruntukan Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	1,295	961	334
Kos faedah/pembentukan Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang	128	95	33
Manfaat lain	3,454	2,551	903
Jumlah sub manfaat kakitangan	65,855	48,789	17,066
b. Perbelanjaan lain berkaitan Modal Insan			
Latihan dan pembangunan	470	375	95
Perbelanjaan pelbagai berkaitan Modal Insan	394	293	101
Jumlah sub perbelanjaan lain berkaitan modal insan	864	668	196
Jumlah perbelanjaan manfaat kakitangan	66,719	49,457	17,262

Bilangan kakitangan pada akhir tahun kewangan berjumlah 176 (2020: 169).

16. PERBELANJAAN OPERASI DAN PENTADBIRAN

	2021		
	Nota	Kumpulan Dana	
		Kumpulan Dana Insurans	Perlindungan Deposit dan Manfaat Takaful
		RM'000	RM'000
Yuran audit		100	72
Saraan dan fi Pengarah*		1,218	874
Susut nilai hartanah dan peralatan	8	3,834	2,789
Susut nilai aset berkaitan hak penggunaan	9(b)	4,728	3,696
Kos kewangan pajakan	9(b)	686	540
Telekomunikasi dan sistem komputer		4,559	3,042
Utiliti, penyelenggaraan pejabat dan kenderaan dan insurans am		1,598	1,148
Yuran langganan dan keahlian		1,122	857
Penerbitan dan kolateral korporat		191	134
Sewa tempat letak kereta		517	368
Fi penasihat dan perundingan		1,272	930
Hapus kira hartanah dan peralatan		-	-
Bayaran pos, percetakan dan alat tulis		59	42
Pelarasan daripada pengubahsuaian kontrak pajakan	9(b)	(312)	(224)
Perbelanjaan kerugian kredit	16(i)	(35)	(25)
Pelbagai		197	9
Jumlah perbelanjaan operasi dan pentadbiran		19,734	14,252
			5,482

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

16. PERBELANJAAN OPERASI DAN PENTADBIRAN (sambungan)

	Nota	2020		
		Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Yuran audit		131	97	34
Saraan dan fi Pengarah*		1,095	812	283
Susut nilai hartaan dan peralatan	8	5,850	3,732	2,118
Susut nilai aset berkaitan hak penggunaan	9(b)	4,979	3,942	1,037
Kos kewangan pajakan	9(b)	999	791	208
Telekomunikasi dan sistem komputer		4,377	3,002	1,375
Utiliti, penyelenggaraan pejabat dan kenderaan dan insurans am		1,995	1,480	515
Yuran langganan dan keahlian		852	676	176
Penerbitan dan kolateral korporat		295	219	76
Sewa tempat letak kereta		499	370	129
Fi penasihat dan perundingan		736	567	169
Hapus kira hartaan dan peralatan		59	45	14
Bayaran pos, percetakan dan alat tulis		67	50	17
Pelarasan daripada pengubahsuaian kontrak pajakan	9(b)	-	-	-
Perbelanjaan kerugian kredit	16(i)	42	32	10
Pelbagai		32	21	11
Jumlah perbelanjaan operasi dan pentadbiran		22,008	15,836	6,172

*Para pengarah dibayar berdasarkan struktur fi dan elau yang telah diluluskan oleh Menteri Kewangan.

16. PERBELANJAAN OPERASI DAN PENTADBIRAN (sambungan)

i. Perbelanjaan kerugian kredit

	Nota	2021		
		Tahap 1 (Individu) RM'000	Tahap 2 (Individu) RM'000	Tahap 3 RM'000
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	-	-	-
Pelaburan	5	2	-	2
Aset lain	6a	-	-	(37) (37)

	Nota	2020		
		Tahap 1 (Individu) RM'000	Tahap 2 (Individu) RM'000	Tahap 3 RM'000
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	-	-	-
Pelaburan	5	5	-	5
Aset lain	6a	-*	-	37 37

*Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran.

Kerugian kredit yang dijangkakan untuk pelaburan yang diukur pada kos yang dilunaskan serta pendapatan dan pulangan pelaburan diiktiraf di bawah kategori Tahap 1, kerana risiko kredit berkenaan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awalnya. Berikut pengiktirafan kerugian kredit yang dijangkakan Peringkat 3 pada tahun 2020 yang berkaitan dengan deposit untuk penyewaan tempat letak kereta, terdapat penarikbalikan seterusnya pada 2021 disebabkan oleh pemulangan deposit.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

17. PERBELANJAAN BERKAITAN INISIATIF

	2021		
	Kumpulan Dana	Perlindungan Manfaat	Kumpulan Dana
	Kumpulan Dana Insurans	Deposit	dan Insurans
	Jumlah RM'000	RM'000	RM'000
Kesediaan resolusi			
Kesediaan krisis	1,601	1,149	452
Perancangan resolusi	154	150	4
Kesediaan pembayaran balik	392	281	111
Jumlah sub kesediaan resolusi	2,147	1,580	567
Kepercayaan dan keyakinan - Pengurusan dan penglibatan pihak berkepentingan			
Pengiklanan	4,135	2,672	1,463
Perhubungan awam	156	112	44
Lain-lain	1,266	932	334
Jumlah sub Kepercayaan dan keyakinan - Pengurusan dan penglibatan pihak berkepentingan	5,557	3,716	1,841
Tanggungjawab Sosial Korporat			
Program biasiswa	825	592	233
Tanggungjawab sosial korporat yang lain*	1,134	814	320
Jumlah sub tanggungjawab sosial korporat	1,959	1,406	553
Jumlah perbelanjaan berkaitan inisiatif	9,663	6,702	2,961

*Termasuk dalam tanggungjawab sosial korporat yang lain adalah sumbangan sekali sahaja kepada inisiatif CERDIK Kerajaan. Rujuk Nota 20(a)(v) untuk butiran.

17. PERBELANJAAN BERKAITAN INISIATIF (sambungan)

	2020		
	Kumpulan Dana	Perlindungan Manfaat	Kumpulan Dana
	Kumpulan Dana Insurans	Deposit	dan Insurans
	Jumlah RM'000	RM'000	RM'000
Kesediaan resolusi			
Kesediaan krisis	335	252	83
Perancangan resolusi	150	150	-
Kesediaan pembayaran balik	-	-	-
Jumlah sub kesediaan resolusi	485	402	83
Kepercayaan dan keyakinan - Pengurusan dan penglibatan pihak berkepentingan			
Pengiklanan	3,807	2,171	1,636
Perhubungan awam	60	49	11
Lain-lain	1,201	902	299
Jumlah sub Kepercayaan dan keyakinan - Pengurusan dan penglibatan pihak berkepentingan	5,068	3,122	1,946
Tanggungjawab Sosial Korporat			
Program biasiswa	877	651	226
Tanggungjawab sosial korporat yang lain	58	43	15
Jumlah sub tanggungjawab sosial korporat	935	694	241
Jumlah perbelanjaan berkaitan inisiatif	6,488	4,218	2,270

Perbelanjaan inisiatif di atas adalah perbelanjaan yang secara langsung dikaitkan dengan inisiatif tertentu, tetapi tidak termasuk perbelanjaan berkaitan modal insan yang dinyatakan dalam Nota 15.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif utama, PIDM turut menanggung perbelanjaan operasi FIDE FORUM⁶, dalam bentuk peminjaman pekerja serta kos ruang pejabat dan lain-lain perkhidmatan pentadbiran pejabat. Jumlah perbelanjaan yang dikaitkan dengan FIDE FORUM pada 2021 adalah RM2,240,603 (2020: RM2,202,392).

⁶ FIDE FORUM adalah sebuah pertubuhan bukan keuntungan yang ditubuhkan untuk mempromosikan kecemerlangan tadbir urus korporat di kalangan lembaga pengarah institusi kewangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

18. PERCUKAIAN

PIDM diberi pengecualian daripada cukai pendapatan.

19. KOMITMEN MODAL

	Nota	2021 RM'000	2020 RM'000
Diluluskan dan dikontrakkan bagi:			
Peralatan pejabat dan sistem komputer	a	1,119	251
Ubah suai pejabat	b	166	-
Jumlah komitmen pajakan operasi		1,285	251

Baki Komitmen modal berkenaan peralatan pejabat dan sistem komputer terutamanya termasuk pembangunan sistem teras teknologi maklumat, peningkatan infrastruktur teknologi maklumat, kemudahan keselamatan dan sistem.

20. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

a. Transaksi dengan pihak berkaitan

PIDM ialah sebuah badan berkanun yang tertakluk kepada Akta PIDM. Oleh yang demikian, PIDM adalah pihak berkaitan melalui kepentingan bersama dengan semua Jabatan Kerajaan, agensi-agensi dan badan-badan berkanun yang lain. Dalam tahun kewangan, PIDM telah berurusniaga dengan beberapa pihak berkaitan bagi pelbagai perkhidmatan dan juga pelaburan. Semua transaksi yang dijalankan adalah secara telus. Transaksi urusniaga yang penting dengan pihak berkaitan di sepanjang tahun adalah seperti berikut:

- PIDM membuat sumbangan kepada skim pencegah negara berkanun, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta Pertubuhan Keselamatan Sosial seperti yang dinyatakan dalam Nota 15.
- Selaras dengan Akta PIDM dan polisi pelaburan PIDM, PIDM hanya melabur dalam sekuriti pelaburan jangka pendek dan sederhana dalam Ringgit Malaysia yang diterbit oleh Kerajaan dan sekuriti pelaburan Bank Negara Malaysia, serta sekuriti gred pelaburan yang tinggi yang dikeluarkan oleh entiti berkaitan kerajaan, yang dijamin kerajaan atau dengan penarafan minimum AAA. Butiran aset pelaburan pada akhir tahun dan pendapatan pelaburan yang belum diterima telah diterangkan dalam Nota 5 dan 6, sementara butiran pendapatan pelaburan telah diterangkan di Nota 14. Polisi pengurusan risiko kewangan PIDM dan pendedahan yang berkaitan telah diterangkan di Nota 22.
- PIDM menanggung perbelanjaan operasi dan pengurusan FIDE FORUM sebagai sebahagian daripada penglibatan dan komitmen bagi memastikan mereka dapat meningkatkan dan menggalakkan piawaian tadbir urus lembaga pengarah yang tinggi dan membangunkan ahli pengarah bagi institusi kewangan di Malaysia. Butiran perbelanjaan telah dibentangkan di Nota 17.
- Salah seorang Pegawai Korporat PIDM adalah Ahli Majlis Institut Akauntan Malaysia. Institut Akauntan Malaysia menyediakan pelbagai program latihan dan pembangunan kepada ahli dan bukan ahli, termasuk kepada kakitangan PIDM. Semua transaksi bagi program-program berkenaan telah dijalankan secara tulus. Pegawai Korporat berkenaan juga tidak memperolehi sebarang faedah daripada transaksi-transaksi tersebut.

20. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN (sambungan)

a. Transaksi dengan pihak berkaitan (sambungan)

v. Sebagai sebahagian daripada aktiviti tanggungjawab sosial korporat (“CSR”), PIDM telah menyumbang satu kali kepada inisiatif CERDIK Kerajaan, yang menyokong penyediaan peranti komputer dan sambungan internet untuk pendidikan pelajar. Sumbangan RM1 juta telah dibuat dalam peruntukan CSR yang diluluskan untuk tahun tersebut dan dibuat mengikut Polisi CSR PIDM yang diluluskan. Sumbangan ini diiktiraf dalam butiran perbelanjaan ‘Penglibatan pihak berkepentingan dan tanggungjawab sosial korporat - Lain-lain’ seperti yang dinyatakan dalam Nota 17.

b. Ganjaran kakitangan pengurusan utama

	2021 RM'000	2020 RM'000
Manfaat jangka pendek	8,728	8,951
Manfaat pasca-pekerjaan:		
Caruman kepada rancangan caruman tetap	1,504	1,544
Jumlah ganjaran kakitangan pengurusan utama	10,232	10,495

Ganjaran kakitangan pengurusan utama termasuk ganjaran Ketua Pegawai Eksekutif dan semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif. Amaun di atas tidak termasuk saraan para Pengarah, yang didedahkan secara berasingan dalam Nota 16. Ganjaran kakitangan pengurusan utama turut didekahkan di Nota 15.

21. MAKLUMAT SEGMENT

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi setiap Dana berikut:

- Dana Insurans Deposit Konvensional;
- Dana Insurans Deposit Islam;
- Dana Perlindungan Insurans Am;
- Dana Perlindungan Insurans Hayat;
- Dana Perlindungan Takaful Am; dan
- Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Oleh itu, PIDM mempunyai segmen yang boleh dilaporkan mengikut kategori Dana seperti diatas. Tiada segmen operasi telah disatukan untuk membentuk segmen operasi yang boleh dilaporkan di atas.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

	Nota	Jumlah	Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
ASET								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	94,392	25,796	53,011	6,781	6,525	885	1,394
Pelaburan	5	5,063,096	2,552,593	557,220	1,341,210	503,370	31,872	76,831
Aset lain	6	52,060	27,380	8,246	9,448	5,301	492	1,193
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	7	-*	-*	-*	-*	-*	-*	-*
Hartanah dan peralatan	8	25,161	15,772	3,742	1,211	3,681	239	516
Aset berkaitan hak penggunaan	9	5,908	4,169	818	253	473	66	129
Jumlah Aset		5,240,617	2,625,710	623,037	1,358,903	519,350	33,554	80,063
LIABILITI								
Akaun belum bayar	11	12,023	6,777	2,157	1,178	1,552	103	256
Liabiliti pajakan	10	7,168	5,024	1,000	323	586	79	156
Jumlah Liabiliti		19,191	11,801	3,157	1,501	2,138	182	412
KUMPULAN DANA DAN RIZAB								
Lebihan terkumpul	12	5,221,426	2,613,909	619,880	1,357,402	517,212	33,372	79,651
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab		5,221,426	2,613,909	619,880	1,357,402	517,212	33,372	79,651
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab		5,240,617	2,625,710	623,037	1,358,903	519,350	33,554	80,063

*Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran.

21. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020

	Nota	Jumlah	Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
ASET								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	152,245	62,286	56,344	11,043	16,982	2,304	3,286
Pelaburan	5	4,655,630	2,323,729	492,009	1,306,098	436,603	28,317	68,874
Aset lain	6	54,732	29,146	5,631	13,544	5,318	308	785
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	7	-*	-*	-*	-*	-*	-*	-*
Hartanah dan peralatan	8	26,686	16,449	3,820	1,408	4,135	273	601
Aset berkaitan hak penggunaan	9	14,263	9,098	2,188	1,040	1,480	146	311
Jumlah Aset		4,903,556	2,440,708	559,992	1,333,133	464,518	31,348	73,857
LIABILITI								
Akaun belum bayar	11	10,073	5,822	1,618	828	1,495	74	236
Liabiliti pajakan	10	15,961	10,183	2,448	1,164	1,655	163	348
Jumlah Liabiliti		26,034	16,005	4,066	1,992	3,150	237	584
KUMPULAN DANA DAN RIZAB								
Lebihan terkumpul	12	4,877,522	2,424,703	555,926	1,331,141	461,368	31,111	73,273
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab		4,877,522	2,424,703	555,926	1,331,141	461,368	31,111	73,273
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab		4,903,556	2,440,708	559,992	1,333,133	464,518	31,348	73,857

*Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2021

	Notá	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
Hasil premium dan levi	13	316,144	182,399	65,233	2,903	56,658	2,373	6,578
Pendapatan pelaburan dan pulangan dari pada kesetaraan tunai dan sekuriti pelaburan	14	123,725	59,190	14,833	34,507	12,466	799	1,930
Pendapatan lain	8	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah Pendapatan	439,869	241,589	80,066	37,410	69,124	3,172	8,508	
Perbelanjaan pengurusan modal insan	15	68,988	37,654	11,624	8,083	9,538	617	1,472
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	16	19,734	10,988	3,264	2,140	2,643	219	480
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	17	9,663	5,056	1,646	1,203	1,430	97	231
Jumlah Perbelanjaan	98,385	53,698	16,534	11,426	13,611	933	2,183	
Lebihan bersih bagi tahun semasa	341,484	187,891	63,532	25,984	55,513	2,239	6,325	
Pendapatan komprehensif lain								
Pengukuran semula Pelan Jangka Panjang Manfaat Persaraan	11ii	2,420	1,315	422	277	331	22	53
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	21	343,904	189,206	63,954	26,261	55,844	2,261	6,378

21. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2020

	Notá	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
Hasil premium	13	243,621	140,795	51,079	3,294	39,533	2,624	6,296
Pendapatan pelaburan dan pulangan dari pada kesetaraan tunai dan sekuriti pelaburan	14	144,371	70,047	16,505	41,166	13,554	908	2,191
Pendapatan lain	8	782	516	119	23	103	7	14
Jumlah pendapatan	388,774	211,358	67,703	44,483	53,190	3,539	8,501	
Perbelanjaan pengurusan modal insan	15	66,719	38,444	11,013	5,483	9,985	361	1,433
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	16	22,008	12,502	3,334	2,002	3,322	242	606
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	17	6,488	3,286	932	698	1,272	60	240
Jumlah perbelanjaan	95,215	54,232	15,279	8,183	14,579	663	2,279	
Lebihan bersih bagi tahun semasa	293,559	157,126	52,424	36,300	38,611	2,876	6,222	
Pendapatan komprehensif lain								
Pengukuran semula Pelan Jangka Panjang Manfaat Persaraan	11ii	387	222	65	30	59	2	9
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	21	293,946	157,348	52,489	36,330	38,670	2,878	6,231

21. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2021

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

	Nota	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI								
Penerimaan premium dan levi institusi ahli								
Pembayaran operasi semasa kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan	(86,061)	(45,787)	(15,487)	(10,115)	(11,967)	(803)	(1,902)	
Penerimaan pendapatan pelaburan dan pulangan	197,990	96,239	21,274	56,872	19,597	1,174	2,834	
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	428,073	232,851	71,020	49,660	64,288	2,744	7,510	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN								
Hasil daripada kematangan sekuriti pelaburan	1,872,711	780,995	186,980	620,852	247,204	11,050	25,630	
Pembelian sekuriti pelaburan	(2,350,474)	(1,045,384)	(259,995)	(674,085)	(321,013)	(15,138)	(34,859)	
Pembelian harta tanah dan peralatan	(2,621)	(1,499)	(470)	(248)	(333)	(19)	(52)	
Aliran tunai bersih yang digunakan aktiviti pelaburan	(480,384)	(265,888)	(73,485)	(53,481)	(74,142)	(4,107)	(9,281)	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PINJAMAN								
Pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan	10	(4,854)	(3,017)	(762)	(389)	(531)	(49)	(106)
Pembayaran kos kewangan pajakan		(686)	(434)	(106)	(52)	(72)	(7)	(15)
Hasil daripada pinjaman	5,135	5,135	-	-	-	-	-	-
Pembayaran balik pinjaman	(5,135)	(5,135)	-	-	-	-	-	-
Faedah dibayar atas pinjaman	(2)	(2)	-	-	-	-	-	-
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pinjaman	(5,542)	(3,453)	(868)	(441)	(403)	(603)	(56)	(121)
(Pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(57,853)	(36,490)	(3,333)	(4,262)	(10,457)	(1,419)	(1,892)	
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	152,245	62,286	56,344	11,043	16,982	2,304	3,286	
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	4a	94,392	25,796	53,011	6,781	6,525	885	1,394

21. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2020

	Nota	Jumlah RM'000	Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI								
Penerimaan premium dan levi institusi ahli								
Pembayaran operasi semasa kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan	(80,502)	(45,504)	(13,320)	(6,820)	(12,528)	(473)	(1,857)	
Penerimaan pendapatan pelaburan dan pulangan	189,115	95,935	19,345	54,041	16,199	1,080	2,515	
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	352,234	191,226	57,104	50,515	43,204	3,231	6,954	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN								
Hasil daripada kematangan sekuriti pelaburan	2,060,488	1,193,835	111,190	607,840	125,053	7,220	15,350	
Pembelian sekuriti pelaburan	(2,324,591)	(1,348,193)	(126,291)	(655,511)	(164,057)	(9,544)	(20,995)	
Pembelian harta tanah dan peralatan	(2,400)	(1,277)	(360)	(242)	(434)	(19)	(68)	
Aliran tunai bersih yang digunakan aktiviti pelaburan	(266,503)	(155,635)	(15,461)	(47,913)	(39,438)	(2,343)	(5,713)	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PINJAMAN								
Pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan	10	(4,666)	(2,979)	(715)	(339)	(483)	(48)	(102)
Pembayaran kos kewangan pajakan		(999)	(637)	(154)	(74)	(102)	(10)	(22)
Hasil daripada pinjaman	-	-	-	-	-	-	-	-
Pembayaran balik pinjaman	-	-	-	-	-	-	-	-
Faedah dibayar atas pinjaman	-	-	-	-	-	-	-	-
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pinjaman	(5,665)	(3,616)	(869)	(413)	(585)	(58)	(124)	
(Pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	80,066	31,975	40,774	2,189	3,181	830	1,117	
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	72,179	30,311	15,570	8,854	13,801	1,474	2,169	
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	4a	152,245	62,286	56,344	11,043	16,982	2,304	3,286

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

22. RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan PIDM bertujuan untuk memastikan sumber kewangan adalah mencukupi bagi menjalankan aktiviti PIDM di samping menguruskan risiko-risiko mata wang, kadar faedah dan kadar pulangan, kecairan, pasaran dan kredit. PIDM beroperasi mengikut garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Polisi PIDM adalah untuk melabur hanya dalam sekuriti mata wang Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana Kerajaan dan Bank Negara Malaysia dan sekuriti daripada gred pelaburan tinggi yang dikeluarkan oleh entiti berkaitan kerajaan, yang dijamin oleh kerajaan atau dengan penarafan minimum AAA dengan kematangan berbeza. Berkaitan pengurusan tunai operasi harian, PIDM boleh menempatkan lebihan dana dalam pasaran wang atau penempatan semalam dengan bank-banknya. Tiada pelaburan dibuat dengan bank-bank ahli memandangkan PIDM ialah penginsurans deposit bank-bank ahli tersebut.

Sebahagian daripada portfolio pelaburan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang sebelum ini ditadbir oleh Bank Negara Malaysia, yang telah dipindahkan kepada PIDM dalam tahun 2011 terdiri daripada sekuriti pelaburan yang tidak selari dengan Polisi Pelaburan PIDM yang diluluskan. Dalam tahun 2011, kelulusan khusus daripada Lembaga Pengarah telah diperoleh untuk mengecualikan sekuriti pelaburan tersebut daripada mematuhi Polisi Pelaburan PIDM. Sekuriti pelaburan yang tidak mematuhi Polisi Pelaburan PIDM terdiri daripada sekuriti Kerajaan dengan tempoh jangka panjang serta Sekuriti Hutang Swasta dan akan dipegang hingga tempoh matang. Pada 31 Disember 2021, PIDM tidak lagi memegang sekuriti pelaburan daripada portfolio IGSF kerana kesemuanya telah matang.

a. Risiko mata wang asing

Pada masa ini PIDM tidak terdedah kepada sebarang risiko mata wang asing memandangkan semua transaksi diurusniagakan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan

Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan PIDM akan timbul terutamanya daripada perbezaan tarikh matang aset dan liabiliti kewangannya.

Aset kewangan terdiri terutamanya daripada aset pelaburan yang dipegang dalam Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia. Risiko kadar faedah dalam hal ini timbul daripada turun naik kadar faedah pasaran yang boleh memberi kesan kepada nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan. Risiko kadar pulangan ialah impak faktor pasaran yang berpotensi menjelaskan pulangan atas aset dan seterusnya boleh mengakibatkan nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan ini terjejas. Bagi mengurangkan risiko-risiko ini, PIDM pada masa ini hanya melabur dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana yang mengurangkan sebarang kesan perubahan kadar faedah pasaran atau kadar keuntungan atas nilai pasaran sekuriti berkenaan.

Tiada perubahan kepada pendedahan PIDM terhadap risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan atau cara risiko-risiko ini diuruskan dan diukur.

Pada masa ini PIDM tidak mempunyai sebarang liabiliti yang terdedah kepada risiko kadar faedah.

22. RISIKO KEWANGAN (sambungan)

b. Risiko kadar faedah dan risiko pulangan (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan nilai bawaan, Kadar Efektif Pulangan Purata Berwajaran (KEPPB) pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan tempoh matang instrumen kewangan PIDM yang terdedah kepada risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan.

	Nota	KEPPB %	Dalam tempoh			4 - 12 bulan RM'000	13 - 36 bulan RM'000	Jumlah RM'000					
			3 bulan RM'000	4 - 12 bulan RM'000	13 - 36 bulan RM'000								
Dana Insurans Deposit Konvensional													
31 Disember 2021													
Kadar tetap													
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	1.88	16,496	9,300	-	25,796							
Pelaburan	5	2.29	257,363	530,922	1,764,308	2,552,593							

31 Disember 2020								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai								
4a	1.95	12,986	49,300	-	62,286			
Pelaburan	5	2.65	210,152	572,580	1,540,997	2,323,729		

31 Disember 2020								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai								
4a	1.92	33,011	20,000	-	53,011			
Pelaburan	5	2.58	192,294	7,702	357,224	557,220		

31 Disember 2020								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai								
4a	1.84	44,144	12,200	-	56,344			
Pelaburan	5	3.11	109,860	77,325	304,824	492,009		

31 Disember 2020								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai								
4a	1.81	4,521	2,260	-	6,781			
Pelaburan	5	2.27	119,524	287,573	934,113	1,341,210		

31 Disember 2020								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai								
4a	1.80	4,743	6,300	-	11,043			
Pelaburan	5	2.82	95,190	527,180	683,728	1,306,098		

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

22. RISIKO KEWANGAN (sambungan)

b. Risiko kadar faedah dan risiko pulangan (sambungan)

	Nota	KEPPB	Dalam tempoh				Jumlah			
			3 bulan	4 - 12 bulan	13 - 36 bulan	RM'000				
Dana Perlindungan Insurans Hayat										
31 Disember 2021										
Kadar tetap										
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	1.73	5,525	1,000	-	6,525				
Pelaburan	5	2.37	23,486	143,751	336,133	503,370				
31 Disember 2020										
Kadar tetap										
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	1.95	8,882	8,100	-	16,982				
Pelaburan	5	3.01	72,187	175,728	188,688	436,603				
Dana Perlindungan Takaful Am										
31 Disember 2021										
Kadar tetap										
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	1.70	685	200	-	885				
Pelaburan	5	2.47	11,610	1,522	18,740	31,872				
31 Disember 2020										
Kadar tetap										
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	1.58	1,814	490	-	2,304				
Pelaburan	5	2.99	5,134	5,930	17,253	28,317				
Dana Perlindungan Takaful Keluarga										
31 Disember 2021										
Kadar tetap										
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	1.91	894	500	-	1,394				
Pelaburan	5	2.51	31,366	2,215	43,250	76,831				
31 Disember 2020										
Kadar tetap										
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	1.90	2,206	1,080	-	3,286				
Pelaburan	5	3.04	15,155	10,497	43,222	68,874				

22. RISIKO KEWANGAN (sambungan)

b. Risiko kadar faedah dan risiko pulangan (sambungan)

Berdasarkan kepada portfolio pelaburan PIDM pada 31 Disember 2021, jadual berikut menunjukkan bagaimana keses terhadap lebihan bersih daripada kenaikan atau penurunan 50 mata asas dalam KEPPB.

		Lebihan Bersih					
		Insurans Jumlah	Insurans Deposit Konvensional	Insurans Deposit Islam	Insurans Takaful Am	Insurans Hayat Am	Takaful RM'000
Kenaikan 50 mata asas							
- 31 Disember 2021		23,982	11,736	2,738	6,646	2,361	148
- 31 Disember 2020		24,550	12,208	2,725	6,878	2,229	152
Penurunan 50 mata asas							
- 31 Disember 2021		(23,982)	(11,736)	(2,738)	(6,646)	(2,361)	(148)
- 31 Disember 2020		(24,550)	(12,208)	(2,725)	(6,878)	(2,229)	(152)

c. Risiko kecairan

Risiko kecairan PIDM berkait rapat dengan keupayaan PIDM memenuhi obligasinya apabila diperlukan, tanpa menyebabkan kerugian yang tidak boleh diterima. Ini mungkin disebabkan ketidakupayaan untuk membubarkan aset apabila diperlukan atau memperoleh pembiayaan untuk memenuhi keperluan kecairannya. Sejumlah besar dana daripada kumpulan dana yang dipерuntukkan untuk tujuan pelaburan telah dilaburkan dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana sekuriti Kerajaan, yang merupakan aset mudah tunai sedia untuk dipasarkan. PIDM berusaha untuk menguruskan profil kematangan sekuriti ini secara berterusan bagi memastikan terdapat dana yang mencukupi pada setiap masa, untuk menampung keperluan modal kerja harian atau untuk menangani mana-mana pendedahan risiko kewangan mengikut had pendedahan yang diluluskan. Jadual berikut menetapkan aset jangka pendek PIDM dan profil liabiliti matang.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

22. RISIKO KEWANGAN (sambungan)

c. Risiko kecairan (sambungan)

	Nota	2021					
		Kurang Dari 30 Hari		60 - 90 Hari	Lebih Dari 90 Hari Tetapi Kurang Dari 36 Bulan		Jumlah
		RM'000	RM'000		RM'000	RM'000	
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	29,032	14,750	12,000	38,610	94,392	
Pelaburan	5	-	-	560,676	4,502,420	5,063,096	
Lain-lain aset	6a	12,642	9,641	15,877	11,061	49,221	
Akaun belum bayar	11a	(2,181)	(701)	(1,523)	(331)	(4,736)	
Aset jangka pendek bersih		39,493	23,690	587,030	4,551,760	5,201,973	

	Nota	2020					
		Kurang Dari 30 Hari		60 - 90 Hari	Lebih Dari 90 Hari Tetapi Kurang Dari 36 Bulan		Jumlah
		RM'000	RM'000		RM'000	RM'000	
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	30,025	15,600	23,450	83,170	152,245	
Pelaburan	5	-	268,544	239,136	4,147,950	4,655,630	
Lain-lain aset	6a	11,850	9,264	21,167	9,576	51,857	
Akaun belum bayar	11a	(2,025)	(121)	(558)	-	(2,704)	
Aset jangka pendek bersih		39,850	293,287	283,195	4,240,696	4,857,028	

PIDM juga mempunyai rangka kerja pembiayaan untuk menguruskan keperluan pembiayaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Objektif utama rangka kerja itu adalah untuk memastikan PIDM mempunyai sumber kewangan mencukupi bagi operasi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang kukuh dan mantap. Rangka kerja pembiayaan itu juga mengambil kira peranan PIDM dalam jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangannya berkaitan dengan sumber pembiayaan serta objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luaran.

- Pembiayaan dalaman** disediakan menerusi pengumpulan lebihan bersih operasi selepas perbelanjaan. Pengumpulan lebihan bersih dikreditkan ke dalam Dana perlindungan masing-masing sebagai rizab bagi memenuhi obligasi masa depan yang mungkin timbul hasil daripada penyediaan program perlindungan konsumen kewangan.
- Pembiayaan luaran** boleh diperolehi menerusi pinjaman daripada Kerajaan, pinjaman daripada pasaran modal atau sumber-sumber lain yang dianggap perlu dan sesuai. Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk meminjam atau memperolehi dana bagi memenuhi obligasinya. PIDM boleh meminjam daripada Kerajaan dengan kelulusan Menteri Kewangan dengan terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.

Tiada perubahan kepada pendedahan PIDM terhadap risiko kecairan atau cara risiko ini diuruskan dan diukur.

22. RISIKO KEWANGAN (sambungan)

d. Risiko pasaran

Risiko pasaran PIDM berkait rapat dengan risiko kerugian yang disebabkan oleh perubahan negatif dalam nilai pegangan aset berikutan pergerakan dalam kadar atau harga pasaran. Risiko pasaran bagi PIDM termasuk risiko yang berkaitan dengan pelaburan. Pendedahan risiko pasaran PIDM boleh berubah semasa operasi biasa atau kesan daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Semasa operasi biasa, PIDM melabur di dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana yang bertujuan untuk dipegang sehingga matang. Oleh itu, pendedahan PIDM kepada risiko pasaran dalam konteks pelaburan ini ialah minimum.

Tiada perubahan kepada pendedahan PIDM terhadap risiko pasaran atau cara risiko ini diuruskan dan diukur.

e. Risiko kredit

PIDM melabur dalam Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia, yang secara amnya dianggap sebagai aset berisiko rendah. PIDM tidak menjangkakan pihak yang berurusan dengannya akan gagal dalam pembayaran dan oleh itu, menganggap risiko kredit ke atas aset pelaburannya amat minimum.

Selain daripada portfolio IGSF, PIDM juga memegang Sekuriti Hutang Swasta lain yang dikeluarkan oleh entiti yang berkaitan dengan kerajaan selaras dengan Polisi Pelaburan. Pada 31 Disember 2021, nilai utama Sekuriti Hutang Swasta ini berjumlah RM436 juta atau 8.5% daripada jumlah pelaburan portfolio.

PIDM secara berterusan memantau kedudukan kredit penerbit Sekuriti Hutang Swasta untuk sebarang penurunan harga dalam penilaian kredit.

Dalam menentukan kerugian kredit yang dijangkakan bagi aset-aset ini, PIDM telah mengambil kira sejarah pengalaman kegagalan, kedudukan kewangan pihak berkaitan, serta prospek masa hadapan industri di mana penerbit sekuriti dan nota beroperasi. Maklumat tersebut diperolehi daripada laporan pakar ekonomi, laporan penganalisis kewangan. Juga jika perlu, dalam menganggarkan kebarangkalian berlaku kegagalan setiap aset kewangan bagi tempoh masa penilaian kerugian masing-masing, serta kerugian apabila berlaku kegagalan bagi setiap kes, pertimbangan diberi kepada pelbagai sumber luaran mengenai maklumat ekonomi sebenar dan yang diramalkan.

Maklumat penarafan kredit dibekalkan oleh agensi penarafan bebas yang tersedia dan, jika tidak tersedia, PIDM menggunakan maklumat kewangan yang tersedia kepada pihak awam dan rekod PIDM sendiri untuk menilai pihak berkaitan utamanya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

22. RISIKO KEWANGAN (sambungan)

e. Risiko kredit (sambungan)

Rangka kerja semasa PIDM berkenaan penggredan risiko kredit merangkumi kategori berikut:

Kategori	Huraian	Asas bagi pengiktirafan peruntukan kerugian kredit
Berbayar/ baik	Pihak terbabit mempunyai risiko kegagalan yang rendah dan tidak mempunyai amaun lampau tempoh	ECL 12 bulan
Meragukan	Amaun adalah >30 hari lampau tempoh atau terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal	ECL jangka hayat – tidak terjejas kredit
Mungkir	Amaun adalah >90 hari lampau tempoh dan terdapat bukti yang menunjukkan aset adalah terjejas kredit	ECL jangka hayat – terjejas kredit
Hapus kira	Terdapat bukti bahawa penghutang mengalami kesukaran kewangan yang teruk dan PIDM tidak mempunyai prospek realistik untuk pulih	Amaun hapus kira

Jadual di bawah memperincikan kualiti kredit aset kewangan PIDM serta pendedahan maksimum PIDM terhadap risiko kredit mengikut gred penarafan risiko kredit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 dan 31 Disember 2020.

	Nota	Penarafan kredit luar	Penarafan kredit dalam	ECL 12-bulan atau jangka hayat
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	5	Sovereign	Berbayar / baik	ECL 12-bulan
Sekuriti Hutang Swasta	5	AAA	Berbayar / baik	ECL 12-bulan
Pendapatan pelaburan belum terima	6	Sovereign & AAA	Berbayar / baik	ECL 12-bulan
Aset dan akaun belum terima lain	6	Tidak berkenaan	Berbayar / baik	ECL 12-bulan

Analisa sensitiviti

Asas dan huraian umum mengenai input dan andaian utama dalam menentukan dan mengukur ECL dinyatakan dalam Nota 2.2(a)(i) hingga (v) di bawah **Penjejasan nilai aset kewangan**. Seperti yang dinyatakan dalam Nota 3.2 mengenai sumber utama anggaran ketidakpastian, pengiraan ECL merupakan keluaran model kompleks dengan sebilangan andaian pendasar mengenai pilihan input boleh ubah dan kebergantungannya, dan oleh itu, adalah sensitif kepada perubahan dalam andaian utama dan input boleh ubah ini.

Memandangkan aset kewangan PIDM terutamanya terdiri daripada aset berkaitan pelaburan, termasuk akaun pendapatan pelaburan belum terima, andaian yang paling ketara yang memberi kesan kepada peruntukan ECL adalah yang memberi kesan kepada kebarangkalian kegagalan (PD) dan kerugian akibat kegagalan (LGD) aset-aset tersebut.

Aset pelaburan PIDM terutamanya adalah aset berisiko rendah yang terdiri daripada Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia. Satu-satunya kategori aset pelaburan yang mungkin lebih terdedah kepada penjejasan nilai berkaitan risiko kredit adalah ke atas Sekuriti Hutang Swasta yang dipegang oleh PIDM yang diberi penarafan minimum AAA. Oleh itu, bagi tujuan melaksanakan analisa sensitiviti, satu-satunya senario yang diandaikan adalah penurunan satu tahap dalam penarafan kredit, iaitu daripada AAA kepada AA1, yang mana memberi kesan separadan kepada PD yang berkenaan. Walau bagaimanapun, penurunan satu tahap ini tidak bermaksud penjejasan nilai yang ketara yang memerlukan peruntukan ECL jangka hayat.

Berkenaan dengan LGD, bagi tujuan melaksanakan analisa sensitiviti, dua senario diandaikan iaitu peningkatan dan penurunan LGD sebanyak 20% (2020: 20%).

22. RISIKO KEWANGAN (sambungan)

e. Risiko kredit (sambungan)

Kesan ke atas keuntungan atau kerugian PIDM yang timbul daripada pergerakan PD dan LGD seperti yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut:

Anggapan PD adalah asas pergerakan penarafan kredit dari AAA kepada AA1, tetapi kekal dalam Tahap 1 – (ECL 12-bulan).

31 Disember 2021	Nota	LGD meningkat 20%	LGD menurun 20%
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	5	-	-
Sekuriti Hutang Swasta	5	(62)	(52)
Pendapatan Pelaburan belum terima	6	(1)	-*
Aset dan akaun belum terima lain	6	-	-
(Penurunan) dalam lebihan bersih		(63)	(52)

31 Disember 2020	Nota	LGD meningkat 20%	LGD menurun 20%
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	5	-	-
Sekuriti Hutang Swasta	5	(56)	(47)
Pendapatan Pelaburan belum terima	6	(1)	-*
Aset dan akaun belum terima lain	6	-	-
(Penurunan) dalam lebihan bersih		(57)	(47)

*Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran.

23. NILAI SAKSAMA

PIDM mempunyai rangka kerja dan polisi yang mapan yang memberi panduan mengenai penilaian praktikal, prinsip dan pendekatan analitikal bagi penubuhan penilaian berhemat instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama.

Nilai saksama instrumen kewangan ialah jumlah yang mana instrumen tersebut boleh ditukar atau diselesaikan antara pihak-pihak berpengetahuan dan bersetuju dalam transaksi wajar, selain daripada jualan paksa atau pembubaran. Penilaian instrumen kewangan ditentukan dengan merujuk kepada harga yang tersenarai dalam pasaran aktif atau dengan menggunakan teknik-teknik penilaian berdasarkan input boleh cerap atau input tidak boleh dicerap. Pertimbangan pengurusan telah dijalankan dalam memilih dan menggunakan-pakai parameter, andaian dan teknik-teknik pemodelan yang sesuai yang mana beberapa atau kesemua input parameter tidak boleh dicerap dalam memperoleh nilai saksama.

Di samping itu, PIDM terus memantapkan reka bentuk dan metodologi serta proses pengesahan yang digunakan untuk menghasilkan penilaian. Model penilaian disahkan secara dalaman dan luaran, dengan semakan berkala bagi memastikan model masih sesuai untuk diguna.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

23. NILAI SAKSAMA (sambungan)

Penilaian nilai saksama

i. Tahap 1: Sebut harga

Merujuk kepada instrumen kewangan yang terdapat dalam pasaran aktif sekiranya sebut harga adalah mudah dan boleh didapati daripada pertukaran, peniaga, broker, perkhidmatan penetapan harga atau agensi kawal selia. Harga tersebut juga perlu mewakili urus niaga pasaran sebenar dan kerap berlaku pada asas wajar. Instrumen kewangan sedemikian termasuk sekuriti kerajaan yang aktif diniagakan.

ii. Tahap 2: Teknik penilaian menggunakan input boleh diperhatikan

Merujuk kepada input selain daripada sebut harga yang termasuk dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung (iaitu harga) atau secara tidak langsung (iaitu diperoleh daripada harga). Contoh Tahap 2 instrumen kewangan termasuk bon korporat dan bon kerajaan yang lain.

iii. Tahap 3: Teknik penilaian menggunakan input tidak boleh diperhatikan secara ketara

Merujuk kepada instrumen kewangan yang mana nilai saksama diukur menggunakan input pasaran tidak boleh diperhatikan secara ketara. Teknik penilaian adalah konsisten dengan Tahap 2. Teknik penilaian yang dipilih menggabungkan andaian sendiri PIDM dan datanya. Contoh instrumen Tahap 3 termasuk bon korporat dalam pasaran yang kurang kecairan.

Kelas dan kategori instrumen kewangan dan nilai saksamanya

Jadual berikut menggabungkan maklumat mengenai:

- kelas instrumen kewangan berdasarkan jenis dan ciri-ciri;
- amaun bawaan instrumen kewangan; dan
- tahap hierarki nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang mana nilai saksamanya didedahkan.

31 Disember 2021

	Nilai bawaan RM'000	Nilai saksama Tahap		
		1 RM'000	2 RM'000	3 RM'000
Aset kewangan - Kos dilunaskan				
Pelaburan (Nota 5)	5,063,096	-	5,049,094	-
Tunai dan kesetaraan tunai (Nota 4)	94,392	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut	-	-
Aset kewangan lain (Nota 6a)	49,221	-	-	-
Jumlah aset kewangan	5,206,709			
Liabiliti kewangan - Kos dilunaskan				
Liabiliti kewangan lain (Nota 11a)	4,736	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut	-	-
Liabiliti pajakan (Nota 10)	7,168	-	-	-
Jumlah liabiliti kewangan	11,904			

23. NILAI SAKSAMA (sambungan)

Kelas dan kategori instrumen kewangan dan nilai saksamanya (sambungan)

31 Disember 2020

	Nilai bawaan RM'000	Nilai saksama Tahap	
	1 RM'000	2 RM'000	3 RM'000
Aset kewangan - Kos dilunaskan			
Pelaburan (Nota 5)	4,655,630	-	4,689,813
Tunai dan kesetaraan tunai (Nota 4)	152,245	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut	-
Aset kewangan lain (Nota 6a)	51,857	-	-
Jumlah aset kewangan	4,859,732		
Liabiliti kewangan - Kos dilunaskan			
Liabiliti kewangan lain (Nota 11a)	2,704	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut	-
Liabiliti pajakan (Nota 10)	15,961	-	-
Jumlah liabiliti kewangan	18,665		

Nilai saksama pelaburan adalah lebih rendah daripada jumlah bawaannya disebabkan oleh sensitiviti harga sekuriti ini yang timbul daripada pergerakan kadar faedah dan kadar pulangan, dan bukan disebabkan oleh kemerosotan kredit sekuriti tersebut. Oleh kerana pelaburan ini dipegang-hingga-matang, pendedahan risiko yang timbul daripada pergerakan kadar faedah dan kadar pulangan tidak memberi impak yang ketara kepada penyata kewangan. Rujuk kepada Nota 22(b) mengenai pendedahan pengurusan risiko kadar faedah dan kadar risiko pulangan.

Nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama (tetapi pendedahan nilai saksama adalah diperlukan)

Nilai saksama instrumen kewangan yang diklasifikasi sebagai Tahap 2 ke atas ditentukan dengan menggunakan input yang boleh diperhatikan. Khususnya, bagi pelaburan pada kos terlunas, nilai saksama yang didedahkan menunjukkan nilai pasarnya pada penghujung tahun kewangan dan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran yang ditunjukkan yang diperolehi daripada agensi penetapan harga bon.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2021

24. LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian dalam mengendali Sistem Perlindungan

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah Sistem Insurans Deposit serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini.

Buat masa ini, penularan pandemik COVID-19 yang masih berterusan dan Kerajaan serta agensi dibawahnya masih terus menangani kesan pandemik ini. Dalam hal ini, PIDM akan terus menjalankan penilaian dan pemantauan risiko ke atas semua institusi anggotanya. Pada tarikh penyata kewangan ini, tiada sebarang kejadian khusus melibatkan institusi anggota PIDM yang memerlukan PIDM merekodkan peruntukan khusus dalam penyata kewangannya selaras dengan Peruntukan MFRS 137, *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Walaupun peruntukan tidak dicatat melainkan peristiwa tertentu terjadi, PIDM terus membangun cadangan dalam Dana Perlindungannya melalui pengumpulan lebih bersih tahunan.

Lebihan terkumpul disimpan di dalam setiap Kumpulan Dana bagi memenuhi kewajipan untuk menampung kerugian apabila ianya berlaku. Seperti yang dibincangkan di dalam penyata kewangan Nota 12, PIDM telah menukuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi memastikan tahap dana yang mencukupi untuk membayai jangkaan kerugian bersih dari aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

Sekiranya sesuatu Kumpulan Dana tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi kewajipannya, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk meningkatkan dana mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh PIDM termasuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi dengan kelulusan Menteri Kewangan.

25. IMPAK COVID-19 KE ATAS PERBADANAN

Susulan daripada pengisytiharan pandemik COVID-19 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada Mac 2020, Malaysia terus menangani kesan pandemik yang terus berkembang. Terdapat beberapa kelonggaran sekatan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") pada awal tahun 2021, namun, berikutan penambahan semula kes jangkitan, penutupan seluruh negara telah dikenakan pada 1 Jun 2021. Selepas itu, kerajaan mengumumkan 4 fasa Pelan Pemulihan Nasional pada pertengahan Jun 2021, di mana semua negeri telah mencapai fasa pemulihan ke-3 dan ke-4 menjelang akhir tahun 2021.

Walaupun pandemik dan langkah-langkah pencegahan PKP telah memberi kesan yang ketara kepada ekonomi dan perniagaan secara amnya, PIDM terus memanfaatkan transformasi digitalnya, serta platform operasi maya dan pelan kesinambungan operasi yang mantap, yang mana membolehkan peralihan lancar kepada mod operasi "kerja dari rumah" dan membolehkannya untuk memberi khidmat berterusan kepada pihak berkepentingan utamanya.

Di dalam keadaan persekitaran kadar faedah semasa telah memberi pulangan pelaburan yang rendah kepada PIDM. PIDM juga terus memantau risiko kredit pelaburan yang timbul daripada ketidakpastian dalam persekitaran operasi, yang mana, PIDM tidak menjangkakan kesannya ke atas portfolio pelaburan akan menjadi ketara memandangkan sifat pelaburan PIDM jangka pendek dan dasar pelaburan yang konservatif yang mentadbir strategi pelaburan PIDM.

Selaras dengan langkah-langkah pelepasan kawal selia PIDM yang diluluskan bagi tahun taksiran 2020, pengurangan kadar premium dan levi diteruskan untuk tahun taksiran 2021 seperti yang diterangkan dalam Nota 13 kepada penyata kewangan. Walaupun hasil premium dan levi serta pendapatan pelaburan telah berkurang, PIDM masih dapat mengumpul lebihan bersih tahunan bagi membina Dana Perlindungannya.

GLOSARI ISTILAH

Dana Insurans Deposit Islam

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank ahli yang menyediakan perbankan Islam atau bank perdagangan ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam dan pulangan yang dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Insurans Deposit Islam.

Dana Insurans Deposit Konvensional

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan konvensional dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Insurans Deposit konvensional.

Dana Perlindungan Insurans Am

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans am dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Insurans Hayat

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan operasi perniagaan insurans hayat dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Am

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful am dan pulangan dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Keluarga

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga dan pulangan dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana sasaran

Dana sasaran, pada umumnya, merupakan tahap dana terkumpul yang diperlukan bagi menanggung kerugian yang dijangkakan daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan dengan sewajarnya.

Institusi ahli

Ahli PIDM terdiri daripada bank ahli dan ahli penginsurans.

Ahli penginsurans

Semua syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan insurans hayat atau am di Malaysia, serta pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga atau am di Malaysia. Keahlian adalah wajib di bawah Akta PIDM. Senarai penuh ahli penginsurans boleh didapati di laman web PIDM.

Bank ahli

Semua bank perdagangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, dan semua institusi perbankan Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Keahlian adalah wajib di bawah Akta PIDM. Senarai penuh bank ahli boleh didapati di laman web PIDM.

Intervensi dan resolusi kegagalan

Intervensi merujuk kepada tindakan yang diambil oleh PIDM ke atas sesebuah institusi ahli bagi menangani masalah tertentu yang dihadapi institusi ahli. Tindakan ini biasanya diambil sebelum sebarang resolusi kegagalan diambil ke atas institusi ahli tersebut.

Resolusi kegagalan merujuk kepada tindakan bagi menangani sesebuah institusi ahli yang gagal yang telah diisyiharkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai tidak berdaya maju.

Jaringan keselamatan kewangan

Lazimnya merangkumi fungsi insurans deposit, pengawalseliaan dan penyeliaan berhemat, dan pemberi pinjaman usaha akhir (*lender of last resort*).

Jumlah Deposit Diinsuranskan

Jumlah deposit yang dilindungi oleh PIDM.

Kumpulan Dana Insurans Deposit

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Konvensional dan Dana Insurans Deposit Islam.

Kumpulan Dana Perlindungan

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Konvensional, Dana Insurans Deposit Islam, Dana Perlindungan Insurans Am, Dana Perlindungan Insurans Hayat, Dana Perlindungan Takaful Am, dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Kumpulan Dana Perlindungan Islam

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Islam, Dana Perlindungan Takaful Am, dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Kumpulan Dana Perlindungan Takaful

Merujuk kepada Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Manfaat insurans

Jumlah yang dibayar untuk perlindungan polisi yang ditanggung oleh sesebuah syarikat insurans atas mananya individu dalam operasi biasa perniagaan insurans bagi syarikat insurans tersebut.

GLOSARI ISTILAH

Manfaat takaful

Jumlah yang dibayar untuk perlindungan sijil takaful yang ditanggung pengendali takaful atas mana-mana individu dalam operasi biasa perniagaan takaful bagi pengendali takaful tersebut.

Mata wang asing

Mana-mana mata wang selain Ringgit Malaysia, iaitu mata wang Malaysia.

Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1

Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 dikira sebagai peratusan daripada Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 bank ahli daripada aset berwajaran risiko mengikut Rangka Kerja Kecukupan Modal Bank Negara Malaysia. Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 adalah modal kualiti tertinggi untuk bank ahli, manakala aset berwajaran risiko dikira berdasarkan pengagregatan aset bank berwajaran terhadap faktor-faktor yang berkaitan dengan risiko bank. Keperluan kawal selia minimum untuk Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 adalah 4.5%.

Pembayaran balik

Proses yang dilaksanakan oleh PIDM untuk membayar balik deposit yang diinsuranskan kepada pendeposit yang layak, atau manfaat yang dilindungi kepada beneficiari takaful atau individu yang diinsuranskan yang layak bagi institusi ahli yang tidak berdaya maju menurut seksyen 56 dan 57, serta seksyen 80 dan 81 Akta PIDM.

Pemilik polisi

Individu yang mempunyai hak milik sah ke atas polisi insurans termasuk pemilik serah hak, wakil persendirian pemilik polisi yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Pemilik sijil takaful

Individu yang mempunyai hak milik sah ke atas sijil takaful termasuk pemilik serah hak, wakil persendirian pemilik sijil yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Pengurusan risiko organisasi

Rangka kerja yang diterima pakai secara menyeluruh dalam organisasi bertujuan untuk memastikan dan menunjukkan bahawa risiko utama sesbuah entiti dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

Penjejasan nilai

Merujuk kepada peruntukan kerugian bagi jangkaan kerugian kredit (*expected credit losses - ECL*) ke atas aset pinjaman atau pembiayaan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysia Financial Reporting Standards – MFRS*) 9. Sebelum 1 Januari 2018, penjejasan nilai aset pinjaman atau pembiayaan diukur menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) 139.

Sistem Insurans Deposit

Sistem yang ditubuhkan oleh PIDM untuk melindungi pendeposit terhadap kehilangan deposit yang diinsuranskan yang ditempatkan dengan bank ahli dan bagi menyelesaikan bank ahli, sekiranya berlaku kegagalan bank ahli.

Sistem Levi Berbeza

Sistem yang mengenakan levi kepada ahli penginsurans pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful

Sistem yang mengenakan levi kepada pengendali takaful pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Sistem Pengurusan Pembayaran

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk memproses pembayaran balik kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku pembayaran balik.

Sistem Penilaian Risiko

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk menilai tahap dan kawalan risiko institusi ahli dan menyediakan kedua-dua risiko semasa (risiko agregat) dan prospek (arah risiko) institusi ahli. Ini adalah supaya risiko baru muncul dapat dikenal pasti dan tindakan diambil tepat pada masanya, sebelum risiko tersebut menjadi kenyataan.

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Sistem yang ditubuhkan oleh PIDM untuk melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans daripada kehilangan manfaat takaful atau insurans yang layak dan bagi menyelesaikan ahli penginsurans, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans.

Sistem Premium Berbeza

Sistem yang mengenakan premium kepada bank ahli pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Syariah

Undang-undang Islam, berasaskan al-Quran, Sunnah (hadis dan perlakuan Nabi Muhammad s.a.w.), Ijma' (persetujuan cendekiawan Islam) dan Qiyyas (perumpamaan).

RUJUKAN TEKNIKAL

SUMBER DANA DAN KEUPAYAAN KEWANGAN

Rangka Kerja Pembiayaan

Sebagai sebuah badan berkanun, sumber pembiayaan dan keupayaan masa depan bagi memenuhi liabiliti dan komitmen sekiranya berbangkit, jelas dinyatakan dalam Akta PIDM. Penting sekali bagi kami untuk mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mentadbir dan mengendalikan secara efektif Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang kukuh dan mapan. Keperluan terhadap sumber kewangan yang tersedia adalah kritikal dalam memastikan kami berupaya memenuhi obligasi dengan tahap keyakinan yang tinggi apabila perlu. Sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan, kami mempunyai pendedahan secara langsung kepada kerugian akibat fungsi melindungi deposit yang disimpan di bank-bank ahli serta manfaat takaful dan insurans yang disediakan oleh ahli penginsurans. Bagi tahun semasa, tiada sebarang peristiwa yang memerlukan kami merekodkan peruntukan khusus di dalam penyata kewangan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards – MFRS*) *MFRS 137 Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Rangka kerja pembiayaan kami menekankan perlunya sumber kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan mandatnya secara efektif serta menangani pendedahan risiko yang dihadapi. Objektif utama rangka kerja pembiayaannya adalah untuk:

- (a) memastikan ketersediaan sumber kewangan yang mencukupi bagi membolehkan kami membiayai operasi harian; dan
- (b) membina rizab bagi memastikan kami berupaya memenuhi obligasi masa depan kepada pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans. Rangka kerja pembiayaan tersebut, mengambil kira peranan kami sebagai salah satu daripada anggota jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangan kami berkaitan dengan sumber pembiayaan, serta menyediakan objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luaran.

Pembiayaan Dalaman

Dana dalaman kami dibangunkan menerusi pengumpulan lebihan bersih daripada operasi. Lebihan bersih tahunan dikreditkan dan dikumpulkan dalam Dana masing-masing sebagai rizab bagi memenuhi obligasi masa depan yang mungkin berbangkit akibat daripada menyediakan sistem perlindungan konsumen kewangan. Seperti dinyatakan sebelum ini, perbelanjaan operasi dikreditkan kepada Dana masing-masing mengikut asas peruntukan kos seperti diuraikan dalam Nota 2.2(f)(2) kepada penyata kewangan dan tiada percampuran antara Dana-dana tersebut.

Objektif Dana Sasaran dan Prinsip-prinsip Panduan

Terma dana sasaran atau nisbah rizab sasaran secara umum merujuk kepada tahap dana dalaman yang disasar untuk dikumpul dalam jangka masa panjang bagi mencapai matlamat dan memenuhi mandat kami. Dana sasaran diwujudkan untuk menampung jangkaan kerugian bersih yang timbul daripada mana-mana aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Objektif membangunkan rangka kerja dana sasaran adalah untuk:

- (a) menyediakan asas dalam menilai kecukupan paras semasa Dana-dana; dan
- (b) mengenal pasti pendekatan yang sistematik untuk menentukan paras sasaran Dana masing-masing.

Rangka kerja dana sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit, Dana Perlindungan Insurans Am dan Dana Perlindungan Insurans Hayat, masing-masing diwujudkan pada tahun 2011, 2015 dan 2016. Rangka kerja dana sasaran bagi Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga disiapkan dan dilaksanakan dalam tahun 2018.

Pembangunan rangka kerja dana sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit, Dana Perlindungan Insurans Am, Dana Perlindungan Insurans Hayat, Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga adalah berdasarkan prinsip-prinsip panduan yang sama, seperti berikut:

- (a) **Prinsip Pertama:** Dana sasaran perlu diwujudkan untuk menangani kegagalan berkala dan bukan kegagalan sistemik.
- (b) **Prinsip Kedua:** Dana sasaran hendaklah menampung kerugian bersih yang mungkin dijangka timbul daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.
- (c) **Prinsip Ketiga:** Secara optimumnya, penentuan paras dana sasaran perlu mengimbangi kesan terhadap pihak pemegang kepentingan, dari segi saiz dana sasaran dan rangka masa bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.
- (d) **Prinsip Keempat:** Paras dana sasaran perlu ditetapkan sebagai "ajaran" dan bukannya amaun yang mutlak.

RUJUKAN TEKNIKAL

RUJUKAN TEKNIKAL

Pendekatan Model Dana Sasaran

Dalam membangunkan dana sasaran, kami menerima pakai kedua-dua pemodelan statistik dan pendekatan mengikut budi bicara bagi menentukan jajaran dana sasaran:

(a) Pendekatan pemodelan statistik

Kami menerima pakai model statistik Nilai-pada-Risiko dalam membangunkan rangka kerja dana sasaran. Di bawah pendekatan pemodelan statistik ini, Nilai-pada-Risiko ditentukan untuk menilai pendedahan kami kepada kerugian bersih berpanduan anggaran kebarangkalian kegagalan institusi ahli, pendedahan semasa kegagalan, korelasi kegagalan dan kemungkinan pemulihan berlaku dalam sebarang tindakan intervensi dan resolusi kegagalan ke atas institusi ahli yang tidak berdaya maju. Bagi menentukan kecukupan tahap dana untuk menampung kerugian bersih, berdasarkan tahap keyakinan tertentu, kami memanfaatkan simulasi Monte Carlo yang digunakan dalam model statistik Nilai-pada-Risiko. Simulasi berkenaan menggunakan bilangan senario kerugian yang ketara untuk membina agihan kerugian statistik bertujuan untuk menentukan paras dana sasaran yang mampu menampung kerugian atau memenuhi kos insolvensi dalam tempoh masa dan paras keyakinan yang tertentu.

(b) Pendekatan mengikut budi bicara

Dalam menentukan jajaran dana sasaran, kami juga mengambil kira faktor kualitatif lain seperti mandat dan kuasa perundangan kami, landskap dan persekitaran industri perbankan dan insurans operasi serta rejim kawal selia dan penyeliaan kewangan di Malaysia. Faktor-faktor kualitatif ini digunakan secara langsung dalam model statistik atau digunakan dalam penentuan jajaran dana sasaran.

Risiko dan Sensitiviti terhadap Pemodelan Dana Sasaran

Proses penganggaran paras dana sasaran tertakluk kepada ketidakpastian kerana input-input kepada model tersebut adalah berdasarkan kepada set andaian. Justeru, model tersebut berasaskan dan bergantung kepada beberapa faktor utama seperti berikut:

Jadual 1: Faktor-faktor Sensitif Utama Model Dana Sasaran

Persekitaran operasi

Model tersebut berasaskan kepada andaian bahawa persekitaran operasi institusi ahli tidak berubah dengan ketara dalam jangka masa terdekat. Ini termasuk keadaan ekonomi dan profil risiko setiap institusi ahli, landskap industri kewangan dan juga rejim pengawalseliaan. Perubahan ketara atau drastik kepada ciri-ciri ini atau ciri-ciri yang lain mungkin menghasilkan paras dana sasaran dalam jajaran tertentu yang berbeza berbanding apa yang diperlukan sebelumnya. Namun demikian, persekitaran operasi akan dikaji semula dan disahkan berdasarkan model yang digunakan pada setiap tahun.

Mandat dan kuasa

Mandat dan kuasa yang ditentukan dalam Akta PIDM, antara lainnya, membolehkan kami melaksanakan intervensi dan resolusi terhadap institusi ahli bermasalah dengan segera bagi meminimumkan kesan kegagalan institusi tersebut terhadap sistem kewangan. Pemodelan dan anggaran dana sasaran dibuat berdasarkan mandat dan kuasa semasa yang digariskan dalam Akta PIDM. Sebarang perubahan ketara terhadap mandat dan kuasa kami mungkin menjelaskan andaian yang dibuat menggunakan model, dan seterusnya anggaran paras dana sasaran. Bagaimanapun, kami tidak menjangka berlakunya sebarang perubahan ketara dalam mandat dan kuasa kami dalam tempoh terdekat ini

Dana sasaran ini tidak statik dan akan dikaji semula serta disahkan setiap tahun bagi memastikan paras dana ini adalah relevan dan seajar dengan sebarang perubahan andaian atau input yang digunakan.

Pemboleh Ubah Input Utama bagi Model Statistik

Model statistik ini menentukan jangkaan kerugian menggunakan pemboleh ubah input utama berikut:

Jadual 2: Pemboleh Ubah Input Utama dan Andaian bagi Pemodelan Dana Sasaran

Pemboleh Ubah Input Utama	Dana-dana				
	Kumpulan Dana Insurans Deposit	Dana Perlindungan Insurans Am	Dana Perlindungan Insurans Hayat	Dana Perlindungan Takaful Am	Dana Perlindungan Takaful Keluarga
Kebarangkalian Kegagalan Probability of Default (PD)	Kami menggunakan kadar kegagalan purata seperti yang dilaporkan oleh Institusi Penilaian Kredit Luaran dalam kajian kegagalan tahunan mereka.				
Pendedahan Semasa Kegagalan Loss Given Default (LGD)	Kadar purata kegagalan ditanda aras dengan penarafan risiko paling konservatif dengan mengambil kira penarafan risiko kawal selia institusi ahli dan penilaian penarafan dalaman kami.				
Pendedahan Semasa Kegagalan Exposure At Default (EAD)	Pertimbangan kemungkinan pemulihan berdasarkan andaian pembubaran institusi ahli, selepas mengambil kira pendedahan risiko berkaitan terutamanya risiko kredit dan pasaran ketika pelaksanaan pemulihan aset.	Kami mengambil kira dua pendekatan kepada intervensi, iaitu pendekatan secara pembubaran, atau resolusi urus niaga yang berterusan.	Kami mengambil kira beberapa komponen pendedahan sebagai proksi bagi Pendedahan Semasa Kegagalan, untuk menunjukkan jumlah pendedahan Semasa Kegagalan, tanpa mengira manfaat insurans yang dilindungi oleh PIDM.	Kami mengambil kira liabiliti penilaian aktuari untuk ahli penginsurans hayat sebagai proksi untuk menentukan Pendedahan Semasa Kegagalan, untuk menunjukkan jumlah pendedahan Semasa Kegagalan, tanpa mengira manfaat insurans yang dilindungi oleh PIDM.	Kami mengambil kira beberapa komponen pendedahan sebagai proksi Pendedahan Semasa Kegagalan, untuk menunjukkan jumlah pendedahan kewangan kepada PIDM sekiranya berlaku kegagalan mana-mana ahli takaful.
Jumlah Deposit Diinsuranskan (pada had RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli)	Jumlah Deposit Diinsuranskan (pada had RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli)	manfaat ahli penginsurans am.	Pendedahan Semasa Kegagalan menunjukkan risiko kepada ahli penginsurans hayat dalam sebarang penilaian terkurang liabiliti insurans dan pengalaman tuntutan yang menjelaskan, melebihi daripada jumlah rizab yang disediakan.	Pendedahan Semasa Kegagalan menunjukkan risiko kepada ahli penginsurans hayat dalam sebarang penilaian terkurang liabiliti insurans dan pengalaman tuntutan yang menjelaskan, melebihi daripada jumlah rizab yang disediakan.	Proksi bagi Pendedahan Semasa Kegagalan bertujuan untuk meminimumkan risiko ahli takaful dalam sebarang penilaian terkurang liabiliti takaful dan pengalaman tuntutan yang menjelaskan, melebihi daripada jumlah rizab yang disediakan.
					Pendedahan Semasa Kegagalan juga mengambil kira pendedahan risiko operasi dan kos yang bakal terlibat sekiranya berlaku pembubarannya sesebuah ahli takaful.

RUJUKAN TEKNIKAL

Pemboleh Ubah Input Utama	Kumpulan Dana Insurans Deposit	Dana Perlindungan Insurans Am	Dana Perlindungan Insurans Hayat	Dana Perlindungan Takaful Am	Dana Perlindungan Takaful Keluarga
Pendedahan Semasa Kegagalan <i>Exposure At Default (EAD) (sambungan)</i>			Pendedahan Semasa Kegagalan mempertimbangkan jumlah liabiliti peserta dana takaful am dan liabiliti perbelanjaan dana pengendali. Bagi liabiliti dana takaful am, termasuk liabiliti tuntutan dan liabiliti caruman daripada Dana Risiko Peserta seperti yang diterima pakai dalam Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful.	Kami mengambil kira jumlah liabiliti peserta dana takaful keluarga dan liabiliti perbelanjaan dana pengendali sebagai proksi dalam menentukan Pendedahan Semasa Kegagalan, tanpa mengira manfaat insurans yang kami lindungi. Pendedahan dikira berkenaan dengan peserta dana takaful keluarga terdiri daripada Liabiliti Penilaian Aktuari daripada Dana Risiko Peserta dan nilai terkumpul dalam Dana Pelaburan Peserta (bagi sijil-sijil selain yang berkaitan pelaburan).	

Pengurusan Dana Perlindungan apabila Mencapai Paras Dana Sasaran

Apabila Dana Sasaran mencapai jajaran tinggi, kami boleh mempertimbangkan pengurangan kadar premium atau levi atau memberi rebat premium atau levi, antaranya berdasarkan penilaian persekitaran ekonomi dan keadaan industri. Dalam pengurusan pengumpulan Dana-dana, penting bagi kami untuk memastikan rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli atau rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans, terus memberikan insentif kepada institusi ahli supaya mereka memperbaiki profil risiko dan agar ahli baharu juga membayar premium atau levi terhadap deposit atau manfaat yang dilindungi oleh kami.

Pembentukan Luaran

Kami boleh mendapatkan dana luaran sama ada menerusi pinjaman daripada Kerajaan, pasaran modal atau sumber-sumber lain sekiranya perlu dan wajar. Akta PIDM memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menyediakan pinjaman bagi tujuan memenuhi obligasi kami. Pinjaman seumpama ini akan mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri Kewangan. Pembentukan juga boleh diperolehi daripada pasaran modal, melalui penerbitan sekuriti hutang, yang juga merupakan salah satu pilihan apabila keadaan persekitaran atau pasaran adalah kondusif untuk berbuat demikian.



PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA

Aras 12, Menara Axiata, No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

 1-800-88-1266

 info@pidm.gov.my

 www.pidm.gov.my

  Perbadanan Insurans Deposit Malaysia